# Surat-Surat Tuntutan Hak Kuasa dan Kedaulatan Luak Tampin

OLEH .

RAJA MOHD YUSOF RAJA OTHMAN.

Raja Mohd. Yusof bin Raja Othman,
No. 62, Kampong Sentosa,
Semenyih,
Selangor.

20hb Januari, 1980.

Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia,
Yang Di Pertuan Besar,
Negeri Sembilan.

Ke Bawah Kaus Yang Teramat Mulia,
Dato' Kelana Petra,
Luak Sungai Ujong.

Ke Bawah Kaus Yang Teramat Mulia,
Dato' Undang,
Luak Rembau.

Ke Bawah Kaus Yang Teramat Mulia,
Dato' Undang,
Luak Jelebu.

Ke Bawah Kaus Yang Teramat Mulia,
Dato' Undang,
Luak Johol.

Ke Majlis Yang Amat Berhormat,
Datuk Menteri Besar,
Negeri Sembilan.

Ke Majlis Tuan Yang Terutama,
Pesuruhjaya Tinggi British,
Kuala Lumpur.

Perkara: <u>MENUNTUT HAK KUASA DAN KEDAULATAN PEMERINTAHAN ALMARHUM YAM TUAN MUDA RAJA ALI - LUAK TAMPIN BERASASKAN TERITI BERTARIKH 20HB JANUARI, 1832</u>

1. Dengan nama Allah, Tuhan Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani, bahawa kami, Raja Arif, Raja Ahzan, Raja Abdul Hamid dan Raja Mohd. Yusof dari keturunan baka Almarhum Yam Tuan Raja Ali REMBAU/TAMPIN 1812 - 1850, menuntut Hak Kuasa dan Kedaulatan Memerintah sebagai 'Raja' di Luak Tampin. Kuasa dan Kedaulatan Pemerintahan Tampin mistilah dikembalikan kepada kami yang sah dan berhak berasaskan Teriti bertarikh 20hb Januari, 1832 iaitu Tampin dipecahkan dari Rembau menjadi satu luak berasingan di dalam Negeri Sembilan dikuasai dan diperintah oleh seorang Pembesar Melayu sebagai Raja adalah Warisan Hak Mutlak dan Kedaulatan Almarhum Yam Tuan Muda Raja Ali bukan Warisan menantunya, Syed Shaaban berbangsa Arab sebagaimana yang terdapat sekarang.

(Bersama ini dikembarkan Salasilah Keturunan untuk rujukan)

2. Bahawa kami dari keturunan baka Almarhum Yam Tuan Muda Raja Ali tidak syak wasangka berpandukan kepada Sejarah, keterangan-keterangan dan bukti-bukti yang ada ditangan kami adanya Gelaran "Tengku Besar Tampin" yang disandang oleh keturunan Syed Shaaban berbangsa Arab sebagai Raja memerintah Tampin itu adalah Hak Asasi kami di bawah Undang-Undang Warisan berdasarkan Hak Istimewa Bangsa Melayu semistinya diwarisi oleh orang Melayu Tulen iaitu kami dari keturunan baka Almarhum Yam Tuan Muda Raja Ali bukan dari keturunan menantunya, Syed Shaaban pendatang Arab.

3. Berasaskan Teriti bertarikh 20hb Januari, 1832 serta berpandukan kepada Sejarah, Tradisi, Adat Istiadat, Agama Islam dan Hukum wujudnya sebarang Gelaran yang mempunyai Kuasa dan Kedaulatan Memerintah sebagai Raja di Luak Tampin itu adalah Hak Mutlak dan Kedaulatan Almarhum Yam Tuan Muda Raja Ali bukan hak Syed Shaaban pendatang Arab tanpa mempunyai kedudukan asas di Alam Melayu (NUSANTARA) ini. Teriti bertarikh 20hb Januari, 1832 yang termaktub dan dimeteraikan di antara dua Kuasa Pemerintah iaitu Yam Tuan Muda Raja Ali, Penghulu-Penghulu serta Suku-Suku dengan pihak Berkuasa Inggeris adalah tanpa tercatit atau tertulis nama Syed Shaaban.

(Bersama ini dikembarkan fotostat Teriti bertarikh 20hb Januari, 1832 untuk rujukan).

4. (a) Tuntutan seumpama ini pernah dikemukakan oleh jenerasi keturunan Almarhum Yam Tuan Muda Raja Ali di masa lalu kepada pihak-pihak yang berkenaan tetapi jawapan-jawapannya adalah terang dan nyata terkeluar dari prinsip keadilan iaitu penyelewengan dan diskriminasi telah dilakukan oleh pihak-pihak yang bertanggung-jawab terhadap Hak Asasi dan Kedaulatan kami.

(b) Sayugia diingat, bahawa Yam Tuan Muda Raja Ali adalah satu-satunya "Raja" yang Berdaulat bergelar Yam Tuan Muda/Besar di Negeri Sembilan diakui oleh dua Kuasa (Negara) besar iaitu Belanda dan Inggeris dengan termaktub serta termeterainya beberapa Teriti bertarikh:

(1) 5hb Jun, 1819

(2) 30hb Nobember, 1831

(3) 20hb Januari, 1832 dan

(4) 9hb Januari, 1833

dibandingkan dengan Yam-Tuan Yam-Tuan lain apa lagi dengan Syed Shaaban berlatar belakang keperibadian yang buruk lagi kejam sebagai Petualang dan Penjenayah melakukan berbagai-bagai angkara jahat menentang Pembesar-Pembesar Melayu seperti Dato' Naning (Dol Said), Dato' Penghulu Rembau (Nganit), Dato' Muda Linggi (Kattas) dan yang paling buruk sekali terhadap mertuanya Yam Tuan Muda Raja Ali serta keluarga, dan akhirnya Syed Shaaban dihukum enam bulan penjara oleh pihak Berkuasa Inggeris di Melaka.

(Sila rujuk buku: (Negeri Sembilan dan Sejarahnya - oleh Datuk Abdul Samad Idris)

(JMBRAS Vol. XLIX Part 2, 1976 muka surat 32 parageraf 2. - oleh John Gullick)

5. Dengan yang demikian, bahawa kami Raja Arif, Raja Ahzan, Raja Abdul Hamid dan Raja Mohd. Yusof menuntut Kerajaan Negeri Sembilan dan pihak-pihak yang berkenaan supaya Hak Kuasa Mutlak dan Kedaulatan Pemerintahan di Luak Tampin Warisan Almarhum Yam Tuan Muda Raja Ali berasaskan Teriti bertarikh 20hb Januari, 1832 dikembalikan kepada kami yang sah dan berhak mewarisi sebagai Pemerintah bertaraf 'Raja' yang Berkuasa dan Berdaulat.

Sekian, kami sudahi dengan ucapan terima kasih adanya.

Kami yang menuntut Hak Kuasa Mutlak dan Kedaulatan Memerintah sebagai Raja di Luak Tampin:-

(1) ....................................
(Raja Arif Bin Raja Othman)

(2) ....................................
(Raja Ahzan Bin Raja Othman)

(3) ....................................
(Raja Abdul Hamid Bin Raja Othman)

(4) ....................................
(Raja Mohd. Yusof Bin Raja Othman)

Salinan Kepada:-

Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia
Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong,
Malaysia,
Kuala Lumpur.

Yang Amat Berhormat,
Perdana Menteri,
Malaysia.

Yang Berhormat,
(Datuk Abdul Samad Idris,
(Pengarang Buku - Negeri Sembilan dan Sejarahnya)

Yang Berhormat,
Datuk Mokhtar Hashim,
(Ahli Parlimen - Kawasan Tampin)

Yang Berbahagia,
Tan Sri Datuk Haji Mubin Sheppard,
(Bagi pihak - Pengarang Buku JMRAS Vol. XLIX
Part 2. 1976 oleh John Gullick dan Arkib
Negara Malaysia).

Yang Amat Mulia,
Dato' Naning,
Melaka.

A Yang Amat Mulia,
Datuk Muda Linggi,
Negeri Sembilan.

Yang Arif,
Professor Khoo Kay Kim,
Ketua Bahagian Sejarah,
Universiti Malaya.

Yang Mulia,
SENDUK EMAS
(Pengarang Rencana "Tugu Peringatan di Sudut
Sejarah - Penjajahan di Negeri Sembilan dan
Penjajahan di Naning
d/a Ketuá Pengarang,
Berita Minggu,
The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad.

# SALASILAH KETURUNAN

**RAJA ALI**

Yang Di Pertuan (Yam Tuan) Muda REMBAU/TAMPIN - 1812-1850
Teriti Bertarikh:- (a) 5hb. Jun, 1819
(b) 30hb. Nobember, 1831
(c) 20hb. Januari, 1832

Yang Di Pertuan (Yam Tuan) Besar REMBAU/TAMPIN - 1833-1850
Teriti Bertarikh:- (d) 9hb. Januari, 1833

- TENGKU HITAM (P) Isteri Pertama Syed Shaaban (Mangkat Melahirkan Anak)
  - SYED ABU (L)
  - SHARIFAH FATIMAH (P)
- TENGKU UJANG (L) (Bergelar Tengku Panglima Besar)
  - TENGKU SULONG (L)
    - TENGKU HUSEIN (L)
      - TENGKU JAAFAR (L)
        - RAJA ENCHOM (P)
        - RAJA OTHMAN (L)
          - RAJA ZAINUN (P)
          - RAJA ARIF (L)
          - RAJA AHZAN (L)
          - RAJA ABD. HAMID (L)
          - RAJA MOHD YUSOF (L)
        - RAJA LENG (P)
        - RAJA AHMAD (L)
        - RAJA IBRAHIM (L)
      - TENGKU LEBAR (P)
      - TENGKU ALANG (L)
    - TENGKU HASSAN (L)
  - TENGKU SULAIMAN (L)
- TENGKU LEBAR (P) Isteri Kedua Syed Shaaban (Kahwin Ganti-Tikar)
  - SYED A. HAMID (L)
    - SYED DEWA (L)
      - SYED AKIL (L)
      - SYED MOHAMAD (L)
        - SHARIFAH HALOYAH (P)
        - SYED IDRUS (L) (Tengku Besar Tampin)
    - SHARIFAH LENG (P)
  - SYED EMBONG (L)

(RAJA ARIF, RAJA AHZAN, RAJA ABD. HAMID, RAJA MOHD YUSOF:)
Menuntut Hak Kuasa, Kebesarn dan Kedaulatan Pemerintahn Luak Tampin
Warisan Almarhum Yam Tuan Muda/Besar Raja Ali - Berasaskan Teriti
Bertarikh 20hb. Januari, 1832

# TERITI YAM TUAN RAJA ALI DAN DATO' PENGHULU SERTA SUKU-SUKU DENGAN BRITISH BERTARIKH 20hb. JANUARI, 1832 BERSAMAAN 18 SHAABAN 1247

DIKEPILKAN BERSAMA SURAT TUNTUTAN
'LUAK TAMPIN' BERTARIKH: 14hb. Julai, 1980
PARA: 6 (i) ADA KAITAN.

-RAJA MOHD YUSOF-

BERITA HARIAN KELUARAN
HARI SELASA :- 24 OKTOBER 1978

24/10/78

BERITA HARIAN, SELASA, 21 ZULKAEDAH, 1398

AR SIDANG DEWAN RAKYAT

Pemberita2: RUHANIE AHMAD, RASINAH MOHAMAD

# PM: Orang Islam bukan Melayu tak termasuk golongan Bumiputera

KUALA LUMPUR, Isnin — Orang Islam yang bukan terdiri dari bangsa Melayu tidak termasuk dalam golongan Bumiputera, sebaliknya bangsa Melayu dan rakyat yang berketurunan asli di negara ini termasuk dalam golongan tersebut.

Perdana Menteri berkata demikian menjawab soalan Encik Lim Kit Siang yang ingin tahu sama ada orang Islam yang bukan terdiri dari bangsa Melayu dimasukkan dalam golongan Bumiputera.

Menurut Datuk Hussein dalam Perlembagaan Persekutuan Bumiputera terdiri dari semua rakyat yang berketurunan asli di negara ini.

## Memilih

Sementara itu, Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri Encik Sharir Abdul Samad berkata di Dewan Rakyat hari ini terdapat 44,280 kerja kosong di Jabatan Perkhidmatan Awam.

Menurut beliau, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dengan kerjasama ketua-ketua jabatan telahpun mengambil langkah segera untuk mengisi kekosongan ini.

Beliau berkata, Kerajaan memilih kakitangannya berdasarkan kepada kebolehan, kelayakan dan kesesuaian calon-calon yang ditemuduga.

Beliau berkata demikian menjawab pertanyaan Dr. Chen Man Hin (DAP-Seremban) yang ingin tahu jumlah kerja kosong di jabatan-jabatan Kerajaan.

Menjawab pertanyaan tambahan Encik Chan Teck Chan (DAP-Kota Melaka) Encik Sharir memberitahu pihaknya sedar ramai orang yang berkelayakan profesional masih lagi tidak dapat memegang jawatan kosong Kerajaan yang berjumlah lebih dari 44,000 itu.

Kekosongan jawatan-jawatan kosong ini, kata beliau, adalah kerana pembekuan pengisian jawatan pada penghujung Rancangan Malaysia Kedua dahulu.

Jabatan Perkhidmatan Awam, kata Encik Sharir sekarang sedang mengkaji penggunaan komputer untuk mempercepat lagi pengambilan para pekerja Kerajaan.

I.I. 980

Tahniah

Allah Lanjutkan Usia Duli
Yang Maha Mulia

Sultan Haji Ahmad Shah
Al-Musta'in Billah Ibni Al-Marhum
Sultan Sir Abu Bakar Ri'ayatuddin
Al-Mu'adzam Shah

Berita Minggu MALAYSIA
AHAD, 1 JULAI, 1979

Berita Minggu, Ahad, 1 Julai, 1979 (6 Syaaban, 1399)

**Pendapat Pembaca**

*Surat Pengarang...*

# Kealpaan Melayu terhadap penjajahan yang tak ketara

SAYA, Raja Mohd Yusof bin Raja Othman, adalah keturunan Almarhum Yam Tuan Raja Ali — Rembau/Tampin 1812-1850, ingin memajukan kemusykilan saya di atas rencana "Tugu Peringatan di Sudut Sejarah - Penjajahan Naning - bahagian pertama dalam Nadaminggu - Berita Minggu terbitan 24 Jun, 1979.

Saya dapati penulisan Tuan Senduk Emas terhadap sejarah keturunan saya, Almarhum Yam Tuan Muda Raja Ali, dan menantunya, Syed Shaaban, berbangsa Arab itu adalah kurang tepat kerana tuan mendapat perjalanan pergolakan sejarah ini dari sumber-sumber tertentu dari pandangan cara zahir tetapi pergolakan cara bathin di dalam keluarga Yam Tuan Muda Raja Ali dengan menantunya, Syed Shaaban, berbangsa Arab yang mengakibatkan porak-peranda keluarga Almarhum Yam Tuan Muda Raja Ali sehingga bertukartangan kuasa hak milik Almarhum Yam Tuan Raja Ali di Tampin ke tangan keturunan menantunya Syed Shaaban tidak pernah didedahkan walaupun tuan sendiri mengetahui disebabkan perbuatan kejam Syed Shaaban itu telah membawa malang atau malapetaka kepada Yam Tuan Muda Raja Ali serta keluarga baginda.

Tidak payahlah saya huraikan bagaimana perkara ini terjadi sebab panjang ceritanya, memadailah dengan latar belakang dan keperibadian Syed Shaaban itu sudah boleh memberi jawapan kepada tuan dengan sendirinya.

Bagi saya, rencana tuan itu pada kesimpulannya adalah memaparkan kesan-kesan buruk dari penaalokan penjajah-penjajah seperti Portugis, Belanda dan Inggeris yang berupa sebagai penjajah jenis zahir (terbuka) bertujuan mengambil kekayaan hasil bumi dan barang-barang dagangan untuk kepentingan mereka dan perkara ini kerapkali didedahkan untuk pengetahuan umum oleh ahli-ahli sejarah, politik dan agama. Penjajah jenis zahir (terbuka) yang akhir sekali ialah penjajah Inggeris yang telah pun hampir 22 tahun lenyap dari muka bumi kita ini.

Apa yang menjadi kemusykilan saya ialah kealpaan orang Melayu khususnya ahli sejarah, politik dan kaum cerdik-pandai Melayu tidak sedar bahawa adanya penjajah jenis bathin (tersembunyi) menaaloki orang Melayu terhadap kuasa, hak milik tanah dan bangsa Melayu iaitu pendatang Arab serentak dengan penjajah Portugis, Belanda dan Inggeris yang menggunakan diplomasi dan tektik cara bathin (tersembunyi) melalui agama dan perkahwinan yang matlamatnya untuk mengambil alih kuasa hak asasi orang Melayu yang telah pun terbukti dilakukan oleh Syed Shaaban, Syed Abdul Rahman dan juga Syed Ali di Luak, Jelebu. Mereka meresap ke dalam keluarga bangsawan Melayu melalui perkahwinan untuk mengambil kesempatan serta peluang sebagai penjajah jenis bathin (tersembunyi) bersubahat dengan penjajah jenis zahir (terbuka) iaitu melagakan orang Melayu sesama Melayu untuk muslihat jahat mereka supaya dapat menaaloki zahir-bathin orang Melayu.

Penjajah jenis zahir (terbuka) ini akhirnya dapat disingkirkan pada 31 Ogos, 1957 tetapi penjajah jenis bathin (tersembunyi) iaitu Syed Shaaban, orang Arab, sehingga ke hari ini keturunannya dibiarkan berkuasa dengan menyandang gelaran hak bangsa Melayu iaitu ambil dari warisan hak asasi keturunan Yam Tuan Raja Ali yang anehnya diakui pula oleh pembesar-pembesar Melayu di Negeri Sembilan walaupun mereka tahu, termasuk tuan sendiri, betapa kejamnya perbuatan Syed Shaaban ke atas ketua-ketua orang Melayu iaitu Dato' Muda Linggi (Kattas), Dato' Undang Rembau (Nganit) dan yang paling buruk sekali menjadi "Gunting dalam Lipatan" terhadap mentuanya Yam Tuan Muda Raja Ali serta keluarga baginda.

Sebagaimana kata tuan "bahawa pihak Melayu juga yang menjadi perkakas untuk menjatuhkan Melayu lainnya" pada pendapat saya, ini adalah disebabkan lemahnya daya pemikiran orang Melayu yang membenarkan kemasukan pengaruh pendatang Arab (mungkin mereka ini penjenayah di negeri asal mereka) dan menjadi petualang sebagai "Musang berbulu Ayam", orang seperti Syed Shaaban ini bukan saja ada di zaman penjajah Inggeris tetapi sampai sekarang ini masih terdapat di sekeliling bangsa Melayu.

Sekiranya dulu Syed Shaaban menggunakan deplomasi dan tektik melalui agama dan perkahwinan untuk memputar-belitkan orang Melayu tetapi sekarang mereka menggunakan tektik wang ringgit dan akademik untuk memperkecilkan bangsa Melayu sebagaimana yang pernah disarankan oleh Datuk Abdul Samad Idris di akhbar Mingguan Malaysia, 24 April, 1978.

Untuk maklumat tuan, bahawa kami dari keturunan Almarhum Yam Tuan Raja Ali sering kali mengemukakan tuntutan kepada Kerajaan Negeri Sembilan di atas hak kuasa milik Almarhum baginda, tetapi jawapannya adalah terkeluar dari prinsip keadilan seolah-olah mereka suka dan menghargai kepada keturunan Syed Shaaban kerana mereka berada dalam satu kapal sedangkan mereka tahu gelaran "Tengku Besar Tampin" itu adalah berpunca dari tubuh badan Almarhum Yam Tuan Raja Ali yang berasaskan kepada treaty bertarikh 20.1.1832, originalnya berada di tangan saya yang akan terus saya perjuangkan.

Walaupun begitu, saya ucapkan terima kasih di atas rencana tuan itu yang sedikit sebanyaknya memberi kesan kepada orang yang membacanya khususnya kepada keturunan yang berkenaan, Kerajaan Negeri Sembilan dan amnya rakyat jelata.

Sekiranya tuan berasa ragu di atas penerangan saya yang sangat ringkas ini saya sedia berjumpa tuan untuk memberi lebih terang lagi berserta dengan bukti-buktinya. — RAJA MOHD YUSOF bin RAJA OTHMAN.

MASTIKA - DESEMBER 1965

SEJARAH REVOLUSI NANING

DI-BICARAKAN OLEH

ZAKARIA MOHD AMIN

## ''تولڠ انجيڠ دان تولڠ بابي''

كران تيدق اد جالن لاين انتوق ممانهكن ڤرڠ ناڽيڠ. سيد شعبان يڠ مڠتهوءي كدودوقن ڤركوبوان ناڽيڠ، تله مرنتهكن اورڠ منيمبق دڠن تولڠ انجيڠ دان تولڠ بابي كساره تابوه كسقتين ناڽيڠ.

مڽنتوه بندا٢ نجيس ممڠ منجادي كڤنتڠن بندا٢ سقتي دان اورڠ٢ يڠ سقتي. اوله يڠدمكين، دمي ترسنتوه ساج تولڠ بابي دان تولڠ انجيڠ ايت كڤد تابوه، تابوه كسقتين ايت ڤون تيدقله بربوبي لاݢي. دان هيلڠ ڤولاله كسقتين تانه ايت.

اورڠ٢ هالوس يڠ ممبنتو داتوء دول سعيد دان ڤندودق٢ ناڽيڠ منتنتڠ ڤنجروبون اڠݢريس تله ترڤقسا مڠهيلڠكن ديريڽ: كران كسقتينڽ تله دنوداي دڠن اداڽ تولڠ بابي دان تولڠ انجيڠ ايت.

كتيك ايت برسورقله٢ سردادو٢ اڠݢريس-برمبو ايت. سردادو٢ ايت تله ملاكوكن سواتو ڤربواتن يڠ تيدق داڤت دان تيدق مڠكين داڤت دلوڤاكن اوله اورڠ٢ يڠ ماسيه ايڠت سجاره ناڽيڠ. ايايت مريك ممباكر روماه٢ دان مرمڤس هرتابندا. كران كجادين يڠ ترلاجق ايتوله مك سرداد و٢ ايت دݢلاري اوله اورڠ٢ ناڽيڠ دڠن ݢلارن ''هلبالڠ لڤس كڤادڠ'' (هولوبالڠ لوڤيه كو ڤادڠ).

كران كسقتين هيروڤ تله هيلڠ — كهيلاڠن باجو دان كريس — دان كسقتين تابوه ايت تله تياد لاݢي مك داتوء دول سعيد تله تيدق برداي انتوق

مستيك كلوارن بولن ديسمبر، 1965.

Nada Minggu — Berita Minggu

Hari Ahad :- 24 Jun, 1979

Tugu Peringatan Di Suatu Sejarah — Penjajahan Di Naning

Rencana

Oleh

"Senduk Emas"

# Orang Rembau marah dan sakit hati kepada Syed Shaaban

DARI MUKA LIMA

juga mahu melibatkan diri mereka dalam pergaduhan itu kerana tiada faedah yang diperolehinya. Dengan keadaan begini Syed Shaaban berasa hampa dan bangat hati kepada Datuk Nangit sehingga dia sanggup menghantar orang-orangnya pergi membunuh Datuk Nangit di rumahnya. Malang bagi Syed Shaaban pula Datuk Nangit dapat menyelamatkan dirinya, dan rumahnya sahaja yang dibakar oleh mereka.

Perbuatan kejam dari Syed Shaaban ini membuatkan orang Rembau tersangat marah dan sakit hati kepada Syed Shaaban, dan mereka pun bersatu serta bertindak memburu Syed Syaaban dan keluarga Yang Di Pertuan Muda Rembau. Raja Ali, Syed Shaaban dan keluarga mereka terpaksa melarikan diri, dan mereka pun berpindah ke Tampin iaitu bahagian timur Luak Rembau. Di situlah Syed Shaaban menetapkan diri dan menggelarkan dirinya pula Tengku Besar pada tahun 1833 itu. Jadi, kosonglah jawatan Yang Di Pertuan Muda Rembau dari tarikh itu. Kejadian malang yang menimpa Raja Ali inilah yang dimaksudkan kepada peribahasa tersebut di atas tadi. Kekosongan jawatan yang Di Pertuan Muda Rembau ini juga menjadi idaman Datuk Syed Abdul Rahman, Penghulu Undang Sungai Ujong untuk anaknya, Syed Sulong seperti diharapkan dalam Bahagian III rencana ini dahulu.

Walaubagaimanapun berbalik kepada peristiwa Datuk Dol Said itu maka sukarlah hendak dinafikan bahawa yang Datuk itu seorang pejuang bangsa jua kerana semangat perjuangannya yang penuh dengan keperwiraan itu tidak kurang dari yang ditunjukkan oleh Datuk Maharaja Lela dan Datuk Sagor di Hilir Perak, atau pun 4 Penghulu Undang iaitu Datuk Zainalabidin (Luak Ulu Muar), Datuk Jahan (Luak Jempol), Datuk Jaal (Luak Terachi) dan Datuk Lahu (Luak Gunung Pasir) yang menentang angkatan British di Bukit Putus, Negeri Sembilan, 43 tahun kemudiannya yakni pada tahun 1875.

Yang demikian pengurbanan jasa Datuk Dol Said itu amatlah wajar diperingati oleh kerajaan yang merdeka hari ini seperti yang diusulkan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bagi memperingati Datuk Maharaja Lela di Pasir Salak itu.■

Talipon : Seremban 72421 & 72311.
PEJABAT MENTERI BESAR,
NEGERI SEMBILAN.

فجابة منتري بسر
نكري سمبيلن.

MENTERI BESAR, NEGERI SEMBILAN.

No. Fail ( 24 )dlm. MBNS. 2. 09/11/2

3 hb. Jun, 1980.

YM. Raja Mohd Yusof bin Raja Othman
No. 62 Kampong Sentosa,
Semenyih,
SELANGOR.

RAYUAN MENUNTUT HAK KUASA DAN
KEDAULATAN ALMARHUM YAMTUAN
MUDA RAJA ALI - LUAK TAMPIN
BERASASKAN TERITI BERTARIKH
20HB. JANUARI, 1832

Sukacita saya merujuk kembali kepada surat rayuan Yang Mulia bertarikh 20hb. Januari, 1980 mengenai perkara yang tersebut di atas. Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Dewan Keadilan dan Undang Negeri Sembilan yang dipengerusikan oleh DYMM. Yang DiPertuan Besar, Negeri Sembilan telah membuat keputusan bahawa tidak dapat menerima dan menimbangkan rayuan yang dikemukakan oleh Tunku tersebut.

2. Dengan termaktubnya Perlembagaan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan 1959, khasnya Per: 14(2) pesaka Tunku Besar Tampin itu adalah dipastikan dari Keturunan Tengku Syed Abdul Hamid bin Tengku Syed Shaban. Sebarang tuntutan terhadap pesaka ini sepatutnya dikemukakan sebelum termaktubnya Perlembagaan Negeri Sembilan.

Demikianlah dimaklumkan.

( DATO' RAIS YATIM )
Menteri Besar,
Negeri Sembilan.

Raja Mohd. Yusof Bin Raja Othman,
No. 62, Kampong Sentosa,
Semenyih,
Selangor.

14 Julai, 1980.

Ke Majlis Yang Amat Berhormat,
Dato' Rais Yatim,
Menteri Besar,
NEGERI SEMBILAN.

Perkara: Rujuk "A" ...SURAT TUNTUTAN KAMI BERTARIKH 20HB JANUARI, 1980

Rujuk "B" ...SURAT PEJABAT MENTERI BESAR N.S. NO. FAIL (24) DLM MBNS 2-09 PT.2 BERTARIKH 2HB JUN, 1980

Dengan nama ALLAH, Tuhan Yang Maha Pemurah lagi Yang Maha Mengasihani, bahawa kami Raja Arif, Raja Ahzan, Raja Abdul Hamid dan Raja Mohd. Yusof dari keturunan Baka Almarhum Yam Tuan Muda Raja Ali Rembau/Tampin 1812-1850, dengan ini merujuk surat YAB Dato', No. Fail (24) dlm MBNS. 2-09 Pt. 2 bth 3 Jun, 1980 iaitu jawapan kepada surat kami dirujuk "A" adalah jawapan menindas dan menyeleweng dengan membelakangkan kebenaran Sejarah, kewibawaan Hak Asasi keturunan Baka Almarhum Yam Tuan Muda Raja Ali berasaskan beberapa Teriti serta kemuliaan Adat Istiadat bangsa Melayu di Negaranya sendiri.

2. Berikut ini kami tegaskan kepada YAB Dato' khasnya dan kepada semua Ahli Dewan Keadilan dan Undang Negeri Sembilan amnya, bahawa jawapan YAB Dato' dirujuk "B" adalah terkeluar dari prinsip keadilan iaitu

> " Sebarang tuntutan terhadap pesaka ini sepatutnya dikemukakan <u>sebelum</u> termaktubnya Perlembagaan Negeri Sembilan".

Tuntutan demi tuntutan telah dikemukakan oleh keturunan Baka Almarhum Yam Tuan Muda Raja Ali sejak dari tahun 1946 sehingga kesaat ini. Untuk pengetahuan YAB Dato', kami senaraikan surat Tuntutan-tuntutan yang telah dikemukakan <u>sebelum</u> tahun 1959 dengan jawapan-jawapannya yang masih ada dalam simpanan kami seperti berikut:-

1) Surat Tuntutan bertarikh 5hb Oktober, 1946
Surat Jawapan - No.7 dlm Istana Besar Seri Menanti 3/45 bertarikh 9hb Februari, 1947.

2) Surat Tuntutan bertarikh 17hb March, 1947
Surat Jawapan - No.9 dlm Istana Besar Seri Menanti 3/45 bertarikh 28hb March, 1947.

3) Surat Tuntutan bertarikh 16hb Februari, 1949. Surat Jawapan - No. 12 dlm Istana Besar Seri Menanti 3/45 bertarikh 4hb May, 1949.

4) Surat Tuntutan bertarikh 16hb Februari, 1949. Surat Jawapan - Balai Undang Rembau bertarikh 21hb Februari, 1949.

5) Surat Tuntutan bertarikh 16hb Februari, 1949. Surat Jawapan - Fail No. (3) in NS 337/49 Office of the State Secretary N.S. bth 26hb April, 1949.

6) Surat Tuntutan bertarikh 16hb Februari, 1949. Surat Jawapan - The Residency,.N.S. British Adviser Negeri Sembilan, bertarikh 21hb Februari, 1949.

7) Surat Tuntutan bertarikh 25hb April, 1949. Surat Jawapan - Balai Undang Rembau bertarikh 3hb May, 1949.

8) Surat Tuntutan bertarikh 5hb September, 1949. Surat Jawapan - File No. 6 in NS 337/49 Office if the State Secretary N.S. bth 15hb September, 1949.

9) Surat Tuntutan bertarikh 19hb Disember, 1949. Surat Jawapan - File No. 8 dlm NS 337/49 Office of the State Secretary, N.S. bth Rabiulawal, 1369.

10) Surat Tuntutan bertarikh 10hb September, 1953. Surat Jawapan - Ref. KH 45/53 Pt. 2 bertarikh 18hb September, 1953 - King's House, K. Lumpur.

11) Surat Tuntutan bertarikh 10hb September, 1953. Surat Jawapan - File No. (11) in NS 337/49. Office of the State Secretary, N.S. bth 14hb Oktober, 1953.

12) *Surat (MEMORANDUM) 10 salinan kepada AHLI SURUHANJAYA BEBAS - LORD REID - bertarikh 5hb July, 1956. Surat Jawapan tidak diterima - Dipercayai dikhianati.

13) Surat Tuntutan bertarikh 16hb Oktober, 1959. Surat Jawapan - File No. (14) dalam N.S. 337/49. Office of the State Secretary, N.S. bth 13hb November, 1959.

3. Semua jawapan-jawapan tersebut di atas adalah senada dengan jawapan YAB Dato' dirujuk "B" iaitu pihak-pihak berkenaan khususnya Kerajaan Negeri Sembilan mengamalkan tektik dan diplomasi putarbelit untuk menindas Hak Asasi kami bagi melindungi keturunan yang tidak berhak pendatang Arab, Syed Abdul Hamid a/l Syed Shaaban menyandang gelaran Di Raja Hak Mutlak Bangsa Melayu sebagai "Tunku Besar Tampin" warisan/pesaka Almarhum Yam Tuan Muda Raja Ali berasaskan Teriti bertarikh 20hb Januari, 1832.

4. Kedua, Rujuk "B",

> "Dengan termaktubnya Perlembagaan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan 1959, khasnya Per 14 (2) pesaka Tunku Besar Tampin itu adalah dipastikan dari keturunan Tengku Syed Abdul Hamid bin Tengku Syed Shaban"

Sedarkah YAB Dato' bahawa Perlembagaan Negeri Sembilan 1959 di atas mencabul Hak Asasi kami sebagai keturunan Baka Yam Tuan Muda Raja Ali berasaskan Teriti-Teriti bertarikh 5hb Jun, 1819, 30hb November, 1831, 20hb Januari, 1832 dan 9hb Januari, 1833 khususnya dan Adat Istiadat, Tradisi dan Agama amnya. Pencabulan Hak Asasi warisan/pesaka Yam Tuan Muda Raja Ali Rembau/Tampin oleh Perlembagaan Negeri Sembilan 1959 terang-terang dilakukan kerana Gelaran "Tunku Besar Tampin" adalah Gelaran Di Raja di bawah Undang-Undang Warisan Hak Bangsa Melayu berketurunan bangsawan Melayu berdarah Raja yang berpunca dari kewibawaan tubuhbadan Yam Tuan Muda Raja Ali sebagai seorang Raja (Pemerintah) yang Berdaulat di Rembau/Tampin diakui dan diabadikan akan kebenaran serta kebesaran Sejarah Pemerintahan Baginda di Rembau/Tampin oleh Arkib Negara Malaysia dengan termasyornya tiga peristiwa Sejarahnya dikaca Telivishen Malaysia dalam rancangan "Hari ini dalam Sejarah" dibandingkan dengan Sejarah Pembesar lain yang bergelar di Negeri Sembilan itu.

5. Dengan gelaran Di Raja "Tengku" dipangkal nama Syed Abdul Hamid a/l Syed Shaban adalah menunjukkan Perlembagaan Negeri Sembilan 1959 khasnya dan Kerajaan Negeri Sembilan yang didukung oleh Pembesar-Pembesar Melayu amnya adalah mencabul serta mencemarkan Hak Asasi warisan/pesaka kami dari keturunan Baka Almarhum Yam Tuan Muda Raja Ali ibarat "Lembu punya susu Sapi dapat Nama" diberikan kepada Syed Abdul Hamid a/l Syed Shaban pendatang Arab yang tidak berhak mewarisi/mempersakai gelaran Di Raja "Tengku" jauh sekali bertaraf Raja sebagai "Tunku Besar Tampin".

6. Sebagai illastrasi yang ada kaitannya untuk renungan khususnya kepada YAB Dato' dan amnya kepada semua Ahli-Ahli Dewan Keadilan dan Undang Negeri Sembilan, maka kami kepilkan Fotostat berupa bahan-bahan ilmiah dari potongan Akhbar di Malaysia bahawa apa yang kami huraikan di atas adalah berdasarkan hakikat berikut ini:-

1) PM: Orang Islam bukan Melayu tak termasuk gulungan Bumiputra:
(Di persidangan Dewan Rakyat - oleh Perdana Menteri).

2) Sejarah Melayu jadi teras hikmat Negara Malaysia.
(Oleh Ketua Hakim Malaya - Raja Tan Sri Azlan Shah)

3) Sejarah tidak boleh dibohongi lagi.
(Oleh Datuk Abdul Samad Idris)

4) Tanah - Syor perketatkan Istilah "Melayu".
(Oleh Pengarah Jabatan Tanah dan Galian Persekutuan)
- Encik Nasruddin Bahari -

5) Banyak soal tentang tanah.
(Oleh Pengarang Berita Harian di ruangan Rencana Pengarang.

JAWATANKUASA PENYELIDIKAN BUDAYA N.S.

.../4-

7. Dengan berasaskan dasar dan bukti-bukti di atas, maka kami Raja Arif, Raja Ahzan, Raja Abdul Hamid dan Raja Mohd. Yusof adalah menuntut kepada Kerajaan Negeri Sembilan dan pihak-pihak yang berkenaan meminda Perlembagaan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan 1959, khasnya Per 14 (2) yang mencabul dan mencemarkan Hak Asasi dan Kedaulatan Pemerintahan di Luak Tampin warisan/pesaka Almarhum Yam Tuan Muda Raja Ali berasaskan Teriti-Teriti bertarikh 5hb Jun, 1819, 30hb November, 1831, 20hb Januari, 1832 dan 9hb Januari, 1833 mistilah digantikan kepada kami yang sah dan berhak mewarisi/mempersakai sebagai Pemerintah bertaraf Raja yang Berkuasa dan Berdaulat, di Luak Tampin.

Sekian, kami sudahi dengan ucapan terima kasih adanya.

Kami yang menuntut Hak Kuasa Mutlak, Kebesaran dan Kedaulatan Memerintah sebagai Raja di Luak Tampin:-

1) ..............................
(Raja Arif Bin Raja Othman)

2) ..............................
(Raja Ahzan Bin Raja Othman)

3) ..............................
(Raja Abdul Hamid Bin Raja Othman)

4) ..............................
(Raja Mohd. Yusof Bin Raja Othman)

Salinan Kepada:

Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia,
Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong,
Malaysia,
KUALA LUMPUR.

Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia,
Yang Di Pertuan Besar,
Negeri Sembilan.

Yang Amat Berhormat,
Perdana Menteri,
Malaysia.

Yang Teramat Mulia,
Dato' Kelana Petra,
Luak Sungai Ujong,
Negeri Sembilan.

Yang Teramat Mulia,
Dato Undang,
Luak Rembau,
Negeri Sembilan.

Yang Teramat Mulia,
Dato' Undang,
Luak Jelebu,
Negeri Sembilan

Yang Teramat Mulia,
Dato' Undang,
Luak Johol,
Negeri Sembilan.

Tuan Yang Terutama,
Pesuruhjaya Tinggi British,
Kuala Lumpur.

Yang Berhormat,
Datuk Abdul Samad Idris,
(Pengarang Buku - Negeri Sembilan dan Sejarahnya)

Yang Berhormat,
Datuk Mokhtar Hashim.
(Ahli Parlimen - Kawasan Tampin)

Yang Berbahagia,
Tan Sri Datuk Haji Mubin Sheppard,
(Bagi pihak - Pengarang Buku JMBRAS Vol. XLIX
Part 2 1976 oleh John Gullick dan Arkib
Negara,
Malaysia)

Yang Amat Mulia,
Dato' Naning,
Melaka.

Yang Amat Mulia,
Dato Muda Linggi,
Negeri Sembilan.

Yang Arif
Professor Khoo Kay Kim,
Ketua Bahagian Sejarah,
Universiti Malaya.

Yang Mulia,
SENDUK EMAS,
(Pengarang Rencana "Tugu Peringatan di Sudut Sejarah - Penjajahan di Negeri Sembilan dan Penjajahan di Naning)
d/a Ketua Pengarang,
Berita Minggu,
The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad.

Salinan Khas kepada:

| | |
|---|---|
| Yang Amat Mulia,<br>Raja Tan Sri Azlan Shah,<br>Hakim Besar Tanah Melayu | )Fotostat Surat kami di Rujuk 'A'<br>)dan Surat YAB Menteri Besar, Negeri<br>)Sembilan di Rujuk 'B' dikepilkan bersama. |

'LUAR TAHUN' BERTARIKH: 14hb. Julai, 1980
PARA: 6 (4) ADA KAITAN.

-RAJA MOHD YUSOF-

Berita Harian Keluaran
Hari Isnin :- 15 Januari, 1979

# Tanah: Syor perketatkan istilah 'Melayu'

KUALA LUMPUR, Ahad — Definasi perkataan 'Melayu' hendaklah diperketat dan disusun semula untuk menentukan bahawa tanah-tanah yang dikhaskan untuk orang-orang Melayu tidak jatuh ke tangan orang-orang bukan Melayu, Pengarah Jabatan Tanah dan Galian Persekutuan, Encik Nasruddin Bahari mencadangkan hari ini.

Dalam satu temuramah hari ini, Encik Nasruddin berkata, negeri-negeri yang mempunyai tanah yang dikhaskan untuk orang-orang Melayu hendaklah mengambil berat mengenai definasi perkataan 'Melayu' itu.

Beliau berkata oleh kerana susah untuk membezakan antara orang 'Melayu dan bukan Melayu', maka banyak tanah-tanah tersebut telah jatuh ke tangan orang bukan Melayu.

Katanya, walaupun undang-undang ada menyatakan setiap kemusykilan mengenai definasi perkataan itu boleh dirujukkan kepada Majlis Tertinggi Negeri, namun demikian ada berbagai cara yang boleh dilakukan untuk mendapatkan tanah kepunyaan orang Melayu.

Katanya, salah satu cara ialah apabila seseorang itu berketurunan Arab atau Pakistan atau seorang yang memeluk agama Islam dan menggunakan nama Melayu.

## Banyak aduan

Beliau berkata, banyak aduan telah diterima dari orang-orang Melayu yang mendakwa banyak tanah yang dikhaskan untuk orang-orang Melayu telah dibeli oleh orang-orang yang telah memeluk agama Islam kerana pegawai-pegawai tanah tidak menyelidiki latar belakang sebenar disebalik nama Melayu itu.

Encik Nasruddin juga berkata jabatannya mendapat tahu bahawa ada taukeh-taukeh yang menggunakan nama orang-orang Melayu untuk mendapatkan tanah.

Keadaan ini katanya, berlaku dengan leluasa di kampung-kampung.

PERHATIAN

DIKEPILKAN BERSAMA SURAT TUNTUTAN 'LUAK TAMPIN' BERTARIKH: 14hb. Julai, 1980 PARA: 6(5) ADA KAITAN.

-RAJA MOHD YUSOF-

Berita Harian Keluaran

Hari Selasa :- 16 Januari, 1979

Rencana Pengarang

# Banyak soal tentang tanah

TANAH menimbulkan banyak masalah, tetapi masalah itu sendiri menujukkan betapa penting tanah orang Melayu tidak terlepas kepada orang lain.

Datuk Hussein Onn telah menyatakan kesalnya tentang kira-kira 100 ekar tanah orang Melayu di Parit Ismail, Johor, terlepas ke tangan orang lain. Kejadian seperti itu berlaku merata-rata di seluruh negara. Di Pulau Pinang, misalnya, kecuali tanah-tanah wakaf, tidak ada lagi tanah kepunyaan orang Melayu dalam atau dekat bandar. Di Kelantan, orang Melayu sendiri menjadi talibarut mendapatkan tanah orang Melayu dijualkan kepada orang bukan Melayu.

Jika sesuatu tidak dibuat untuk menahan keadaan yang telah buruk itu daripada menjadi lebih buruk, tidak mustahil pada satu masa nanti orang Melayu tidak ada tanah di negaranya sendiri, apa lagi manakala tafsiran perkataan Melayu itu sangat longgar seperti yang terdapat dalam perlembagaan kita sendiri.

Dalam hubungan tanah, maka anjuran Pengarah Jabatan Tanah dan Galian Persekutuan Encik Nasaruddin Bahari agar definesi perkataan Melayu diperketat dan disusun semula untuk menjamin bahawa tanah-tanah yang dikhaskan kepada orang Melayu tidak jatuh ke tangan bukan Melayu harus mendapat pertimbangan.

Beliau berkata negeri-negeri yang mempunyai tanah yang dikhaskan kepada orang Melayu hendaklah mengambil berat mengenai tafsiran perkataan Melayu itu. Katanya oleh kerana susah hendak membezakan antara orang Melayu dan bukan Melayu maka banyak tanah tersebut telah jatuh ke tangan bukan Melayu.

Bolehlah diyakinkan bahawa kalau dibiarkan juga keadaan seperti itu, maka pada satu hari nanti kesemua tanah "untuk" orang Melayu akan terlepas ke tangan bukan Melayu, bersama-sama dengan tanah yang tidak termasuk dalam kawasan khas orang Melayu itu.

Harus diingat bahawa kelonggaran tafsiran atau takrif Melayu itu bukan sahaja merugikan orang Melayu dalam soal tanah, tetapi dalam soal-soal lain juga terutama mengenai kemudahan-kemudahan Kerajaan untuk orang Melayu. Kita tidak payah menyebutnya di sini kerana kita percaya jika pihak-pihak berkuasa yang berkenaan meneliti dengan cermat soal ini, maka kebenaran itu akan terdedah sendiri.

RAJA MOHD YUSOF BIN RAJA OTHMAN,
No. 62, Kampong Sentosa,
Semenyih,
SELANGOR.

8 Jun, 1981.

Yang Amat Berhormat,
Dato' Menteri Besar,
NEGERI SEMBILAN.

Yang Mulia,
Setiausaha,
Dewan Keadilan dan Undang,
NEGERI SEMBILAN.

Perkara: Rujuk 'A' .. SURAT PEJABAT MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN NO. FAIL (45)DIM.MBNS 2-09 PT.2 BERTARIKH 19HB. JULAI, 1980.

Rujuk 'B' .. SURAT TUNTUTAN KAMI BERTARIKH 14HB. JULAI, 1980.

Dengan nama Allah, Tuhan Yang Maha Pemurah lagi Yang Maha Mengasihani, bahawa kami Raja Arif, Raja Ahzan, Raja Abd. Hamid dan Raja Mohd Yusof dari keturunan Baka Almarhum Yam Tuan Muda/Besar Raja Ali - Rembau/Tampin 1812 - 1850, dengan ini memaklumkan iaitu keputusan yang dijanjikan di surat Y.A.B. Dato' dirujuk 'A' paragaraf 3, adalah masih belum kami terima sehingga kehari ini. (Bersama ini kami kepilkan Fotostat Rujuk 'A' untuk rujukan semua).

..... 

2. Memandangkan masa yang begitu lama iaitu hampir setahun adalah mustahil Dewan Keadilan dan Undang yang Mulia dan Adil tidak mengadakan persidangannya.

3. Adalah diharapkan supaya Kerajaan Negeri Sembilan serta Dewan Keadilan dan Undang tidak bersikap mendiamkan diri mencari dalih untuk mengenepikan dan mendiskriminasikan Hak Kedaulatan/Kuasa Asasi warisan kami yang sah, yang diakui oleh manusia yang beradab, bergerak dengan terang menurut Undang-undang, Adat Lembaga, Tradisi dan Agama Islam.

...2/-

4. Kami, dan Zuriat kami, tidak akan undur selagi tidak dikembalikan Hak Kedaulatan Asasi warisan kami berasaskan beberapa Teriti yang diakui serta diabadikan di Arkib Negara, Malaysia dengan termasyhurnya lima fakta Sejarah Almarhum Yam Tuan Muda/Besar Raja Ali yakni selaras dengan kedudukan sejarah warisan Raja-Raja Malayu di Negeri Sembilan khasnya dan di Tanah Melayu (Semenanjung Malaysia) amnya.

Sekian, kami sudahi dengan ucapan terima kasih adanya.

Kami yang menuntut Hak Kuasa Mutlak, Kebesaran dan Kedaulatan Memerintah sebagai Raja di Luak Tampin:-

(1) ...................................
(Raja Arif Bin Raja Othman)

(2) ...................................
(Raja Ahsan Bin Raja Othman)

(3) ...................................
(Raja Abd Hamid Bin Raja Othman)

(4) ...................................
(Raja Mohd Yusof Bin Raja Othman)

Salinan Kepada:-

Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia,
Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong,
Malaysia,
Kuala Lumpur.

Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia,
Yang Di Pertuan Besar,
Negeri Sembilan.

Yang Amat Berhormat,
Perdana Menteri,
Malaysia.

Yang Teramat Mulia,
Dato' Kelana Petra,
Luak Sungai Ujong,
Negeri Sembilan.

Yang Teramat Mulia,
Dato' Undang,
Luak Rembau,
Negeri Sembilan.

Yang Teramat Mulia,
Dato' Undang,
Luak Jelebu,
Negeri Sembilan.

Yang Teramat Mulia,
Dato' Undang,
Luak Johol,
Negeri Sembilan.

Tuan Yang Terutama,
Pesuruhjaya Tinggi British,
Kuala Lumpur.

Yang Amat Mulia,
Raja Tan Sri Azlan Shah,
Hakim Besar Tanah Melayu,
Kuala Lumpur.

Yang Berhormat,
Datuk Abdul Samad Idris,
(Pengarang Buku - Negeri Sembilan dan Sejarahnya).

Yang Berhormat,
Datuk Moktar Hashim,
(Ahli Parlimen - Kuasaan Tampin).

Yang Berbahagia,
Tan Sri Datuk Haji Mubin Sheppard,
(Bagi Pehak - Pengarang Buku JMBRAS Vol. XLIX
Part 2, 1976 oleh John Gullick dan Arkib Negara,
Malaysia).

Yang Amat Mulia,
Dato' Naning,
Melaka.

Yang Amat Mulia,
Dato' Muda Linggi,
Negeri Sembilan.

Yang Arif,
Professor Khoo Kay Kim,
Ketua Bahagian Sejarah,
Universiti Malaya.

Yang Mulia,
Senduk Emas,
d/a Ketua Pengarang,
Berita Minggu,
The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad.

Talipon: Seremban 72421 & 72311
PEJABAT MENTERI BESAR,
NEGERI SEMBILAN.

ڤجابت منتري بسر
نݢري سمبيلن

No. Fail: (..........................) dlm. MBNS.

19 hb. Julai, 1989

YM. Raja Mohd. Yusof bin Raja Othman,
No. 62, Kampong Sentosa,
Semenyih,
SELANGOR.

Yang Mulia,

RAYUAN MENUNTUT HAK KUASA
DAN KEDAULATAN ALMARHUM
YAMTUAN MUDA RAJA ALI -
LUAK TAMPIN BERASASKAN
TERITI BERTARIKH 20.1.1832
==========================

Surat rayuan Yang Mulia bertarikh 14hb. Julai, 1989 mengenai perkara yang tersebut di atas adalah dalam penerimaan dan mendapat perhatian YAB. Menteri Besar, Negeri Sembilan.

2. Untuk makluman, rayuan ini adalah diserahkan kembali kepada Dewan Keadilan dan Undang untuk memberi pertimbangan lanjut terhadap tuntutan yang dikemukakan.

3. Keputusan selanjutnya akan dimaklumkan.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,

( MAT YUSOP BIN YAAKUP )
Setiausaha Sulit kepada Menteri Besar,
Negeri Sembilan.

s.k.

Setiausaha,
Dewan Keadilan dan Undang,
Negeri Sembilan,
Istana Hinggap,
SEREMBAN.

MYY/js

Bil. (20) dlm. SUDKU. 19/79.

Telefon: S'ban. 712586.

PEJABAT DEWAN KEADILAN DAN UNDANG,
NEGERI SEMBILAN,
(Office of the Council of the Yang
Di-Pertuan Besar and the Ruling
Chiefs, Negeri Sembilan),
d/a ISTANA HINGGAP,
SEREMBAN.

15HB. JUN, 1981.

Yang Mulia,
Raja Mohd. Yusof bin Raja Othman,
No. 62, Kampong Sentosa,
Semenyih,
SELANGOR.

Y.M. Raja,

RUJUK: SURAT BERTARIKH 14HB. JULAI, 1980

Menyusul surat Pejabat ini Bil. (19) dalam siri ini bertarikh 9hb. Jun, 1981 menjawab surat Y.M. Raja bertarikh 8hb. Jun, 1981.

2. Kandungan surat rujukan tersebut di atas telahpun di bawa ke dalam Sidang Mesyuarat Dewan Keadilan dan Undang pada hari Khamis, 11hb. Jun, 1981 dan setelah diteliti ianya dengan apa yang termaktub di dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan yang berkuasa sekarang ini, maka tuntutan Y.M. Raja tidak boleh lagi dijadikan bahan tuntutan sekarang.

3. Dengan ini Dewan Keadilan dan Undang, Negeri Sembilan menolak tuntutan Y.M. Raja itu.

4. Sekianlah dimaklumkan dengan hormatnya.

Adalah patik yang taatkan titah perintah,

(ISMAIL BIN HAJI KASSIM)
SETIAUSAHA,
DEWAN KEADILAN DAN UNDANG,
NEGERI SEMBILAN.

S.k:

Yang Berbahgia,
Tuan Setiausaha Sulit,
Kepada D.Y.M.M. Yang Di-Pertuan Besar,
Negeri Sembilan,
SEREMBAN.

" Kebawah Kaus:
Yang Amat Mulia,
Dato' Klana Petra,
Undang Luak Sungei Ujong,
SEREMBAN.

" Kebawah Kaus:
Yang Amat Mulia,
Dato' Mendika Menteri Akhirulzaman,
Undang Luak Jelebu,
KUALA KLAWANG.

....2/-

RAJA MOHD YUSOF BIN RAJA OTHMAN,
No. 62, Kampong Sentosa,
Semenyih,
SELANGOR.

---

4 hb. Julai, 1981

Yang Berbahagia,
Setiausaha,
Dewan Keadilan dan Undang,
NEGERI SEMBILAN

Perkara: Rujuk 'A' .. SURAT BIL. (20) DLM SUDKU 19/79 BTH 15HB.JUN 1981
Rujuk 'B' .. SURAT TUNTUTAN KAMI BERTARIKH 20HB. JANUARI, 1980 DAN 14HB. JULAI, 1980.

Dengan nama Allah, Tuhan yang Maha Pemurah lagi Yang Maha Mengasihani bahawa kami Raja Arif, Raja Ahzan, Raja Abd. Hamid dan Raja Mohd. Yusof dengan ini merujuk kepada surat Bil. (20) dlm SUDKU 19/79 bertarikh 15hb. Jun, 1981, adalah didapati suatu tindakan yang kejam, bertentangan dengan prinsip-prinsip Keadilan dan Rukun Negara (Bersama ini kami kepilkan fotostat rujuk 'A' dan Rukun Negara untuk rujukan semua).

2. Pokok persoalan ialah Perlembagaan Undang-Undang Tubuh Negeri Sembilan 1959 khasnya Perkara 14(2) yang berkuatkuasa sekarang adalah MENCABUL Hak, Kedaulatan, Warisan/Pesaka Asasi kami, Almarhum YamTuan Muda/Besar Raja Ali Rembau/Tampin 1812 - 1850 iaitu diberikan kepada keturunan yang tidak berhak Syed Abdul Hamid a/l Syed Shaaban mewarisi Gelaran DiRaja sebagai Tengku Besar Tampin, ciptaan Penjajah British. Adalah menjadi tanggungjawab dan kewajiban Dewan Keadilan dan Undang serta Kerajaan Negeri Sembilan mengembalikan Hak Kedaulatan Warisan Asasi Almarhum Yam Tuan Muda Raja Ali kepada kami selaras dengan intisari Kemerdekaan Tanah Melayu yakni menjamin keutuhan Hak, Kedaulatan, Kuasa dan Adat Lembaga Asasi Bangsa Melayu dahulu kala yang wujud sebelum Penjajah British.

3. Dengan hal yang demikian, keturunan Baka Almarhum Yam Tuan Muda/Besar Raja Ali tetap memperjuangkan dan menuntut dengan berlandaskan Undang-Undang, Adat Lembaga, Tradisi dan Agama Islam bagi mendapatkan kembali Hak Kedaulatan Warisan/Pesaka Asasi kami yang sah berasaskan beberapa Teriti (originalnya berada ditangan kami) yang diakui dan diabadikan di Arkib Negara Malaysia yakni sejajar dengan kedudukan Warisan/Pesaka Raja-Raja Melayu.

4. Sempena kita menunaikan Rukun Islam Ketiga yang Maha Suci, kami sertakan terjemahan ayat AlQuran untuk renungan Ahli-Ahli Dewan Keadilan dan Undang iaitu "HAI Ahlul Kitab, mengapa kamu campur adukan kebenaran dengan kepalsuan dan kamu sembunyikan kebenaran, pada hal kamu mengetahui. (maksud Ali Imraan:71)".

5. Demikianlah, kami sudahi dengan ucapan terima kasih dan Selamat Berpuasa.

....2/-

Kami yang menuntut Hak Kuasa Mutlak, Kebesaran dan Kedaulatan Memerintah sebagai Raja di Luak Tampin.

1. ........................................
(Raja Arif Bin Raja Othman)

2. ........................................
(Raja Ahzan Bin Raja Othman)

3. ........................................
(Raja Abd. Hamid Bin Raja Othman)

4. ........................................
(Raja Mohd Yusof Bin Raja Othman)

Salinan kepada:

Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia,
Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong,
Malaysia,
Kuala Lumpur.

Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia,
Yang DiPertuan Besar,
Negeri Sembilan.

Yang Amat Berhormat,
Perdana Menteri,
Malaysia.

Yang Teramat Mulia,
Dato' Kelana Petra,
Undang Luak Sungai Ujong.

Yang Amat Berhormat,
Menteri Besar,
Negeri Sembilan.

Yang Amat Mulia,
Dato' Mendika Menteri Akhirulzaman,
Undang Luak Jelebu.

Yang Amat Mulia,
Dato' Johan Pahlawan Lela
Perkasa Sitiawan,
Undang Luak Johol.

Yang Amat Mulia,
Dato' Sedia Raja,
Undang Luak Rembau.

Yang Berhormat,
Tuan Setiausaha Kerajaan,
Negeri Sembilan.

Yang Amat Arif Mulia,
Raja Tan Sri Azlan Shah,
Hakim Besar Tanah Melayu,
Kuala Lumpur.

Yang Berhormat,
Tan Sri Datuk Abdul Samad Idris,
(Pengarang Buku - Negri Sembilan dan Sejarahnya)

Yang Berhormat,
Datuk Mokhtar Hashim,
(Ahli Parlimen - Kawasan Tampin)

Yang Berbahagia,
Tan Sri Datuk Haji Mubin Sheppard,
(Bagi Pihak - Pengarang Buku JMBRAS Vol. XLIX
Part 2, 1976 olih John Gullick dan Arkib Negara Malaysia)

Yang Amat Mulia,
Dato' Naning,
Melaka.

Yang Amat Mulia,
Dato' Muda Linggi,
Linggi.

Yang Arif,
Professor Khoo Kay Kim,
Ketua Bahagian Sejarah,
Universiti Malaya.

Yang Mulia,
Genduk Emas,
d/a Ketua Pengarang,
Berita Minggu,
The New Straits Times (Malaysia) Berhad.

Yang Berhormat,
Tuan Penasihat Undang-Undang
Negeri,
Negeri Sembilan.

Tuan Yang Terutama,
Pesuruhjaya Tinggi British,
Kuala Lumpur.

RAJA MOHD YUSOF BIN RAJA OTHMAN,
NO. 62, Kampong Sentosa,
Semenyih,
SELANGOR.

---

5 hb. Oktober, 1981

Yang Amat Berhormat,
Dato' Menteri Besar,
NEGERI SEMBILAN.

PERKARA:- RUJUK 'A' ... SURAT PEJABAT MBNS. NO. FAIL(51) DLM. MBNS 2.09 BHG. 3 BERTARIKH 21HB. SEPTEMBER, 1981
RUJUK 'B' ... SURAT PEJABAT DEWAN KEADILAN DAN UNDANG BIL. (19) DLM. SUDKU 19/79 BERTARIKH 9HB. JUN, 1981
RUJUK 'C' ... SURAT TUNTUTAN KAMI BERTARIKH 14HB. JULAI, 1980

YAB Dato,

Dengan nama ALLAH, Tuhan Yang Maha Pemurah lagi Yang Maha Mengasihani, bahawa kami yang bertandatangan seperti berikut di bawah ini dengan hormatnya merujuk kepada surat YAB Dato dirujuk 'A' iaitu mengenai perkara dirujuk 'C' adalah sangat mendukacitakan kerana YAB Dato hanya memberi perhatian selepas Dewan Keadilan dan Undang membawa rujuk 'C' di Sidang Mesyuaratnya pada 11hb. Jun, 1981 dengan maklumat salinan surat rujuk 'B' ada pada YAB Dato.
(Bersama ini kami kepilkan Fotostat surat YAB Menteri Besar N.S. rujuk 'A' untuk semua)

2. Dari taarif surat YAB Dato dirujuk 'A' adalah terang menunjukkan YAB Dato Tidak memberi perhatian kepada Tuntutan kami rujuk 'C' diwaktu Sidang Mesyuarat Dewan Keadilan dan Undang pada 11hb. Jun, 1981, sebab itu jawapan yang kami terima dari Setiausaha Dewan Keadilan dan Undang adalah terkeluar dari Prinsip-prinsip Keadilan dan Rukun Negara serta bertentangan dengan Fasal XVI Undang-Undang Tubuh Negeri Sembilan, 1959 yang berkuatkuasa sekarang menjamin keutuhan Adat Lembaga dahulu kala, yakni Kuasa Asasi yang wujud sebelum Penjajah British, sedangkan "Tengku Besar Tampin" dari keturunan pendatang Arab iaitu Syed Abdul Hamid a/l Syed Shaaban adalah ciptaan Penjajah British yang semestinya turut lenyap disaat Kemerdekaan Tanah Melayu pada 31hb. Ogos, 1957.

...2/-

3. Oleh yang demikian, kami dengan penuh kepercayaan dan harapan kepada YAB Dato sebagai Ketua Kerajaan Negeri Sembilan supaya menjamin dengan mengembalikan kepada kami Hak Kuasa/Kedaulatan Asasi warisan kami yang sah selaras dengan intisari Kemerdekaan Tanah Melayu dan Fasal XVI Undang-undang Tubuh Negeri Sembilan, 1959, tetapi diputarbelitkan oleh pehak-pehak tertentu untuk kepentingan kedudukan mereka sepertimana jawapan-jawapan yang telah kami terima.

Sekian, kami sudahi dengan ucapan terima kasih adanya.

Kami yang menuntut Hak Kuasa Mutlak, Kebesaran dan Kedaulatan Memerintah sebagai Raja di Luak Tampin:-

1. ..............................
(RAJA ARIF BIN RAJA OTHMAN)

2. ..............................
(RAJA AHZAN BIN RAJA OTHMAN)

3. ..............................
(RAJA ABD HAMID BIN RAJA OTHMAN)

4. ..............................
(RAJA MOHD-YUSOF BIN RAJA OTHMAN)

Salinan Kepada:-

Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia,
Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong,
Malaysia,
Kuala Lumpur.

Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia,
Yang DiPertuan Besar,
Negeri Sembilan.

Yang Amat Berhormat,
Perdana Menteri,
Malaysia.

Yang Teramat Mulia,
Dato' Kelana Petra,
Undang Luak Sungai Ujong.

Yang Amat Mulia,
Dato' Mendika Menteri Akhirulzaman,
Undang Luak Jelebu.

Yang Amat Mulia,
Dato' Johan Pahlawan Lela
Perkasa Sitiawan,
Undang Luak Johol,

Yang Amat Mulia,
Dato' Sedia Raja,
Undang Luak Rembau.

Yang Berhormat,
Tuan Setiausaha Dewan Keadilan dan Undang,
Negeri Sembilan.

Yang Amat Arif Mulia,
Raja Tan Sri Azlan Shah,
Hakim Besar Tanah Melayu,
Kuala Lumpur.

Yang Berhormat,
Tan Sri Datuk Abdul Samad Idris,
(Pengarang Buku - Negeri Sembilan dan Sejarahnya)

Yang Berhormat,
Datuk Mokhtar Hashim,
(Ahli Parlimen - Kawasan Tampin)

Yang Berbahagia,
Tan Sri Datuk Haji Mubin Sheppard,
(Bagi Pehak - Pengarang Buku JMBRAS Vol. XLIX
Part 2, 1976 oleh John Gullick dan Arkib Negara Malaysia)

Yang Amat Mulia,
Dato' Naning,
Melaka.

Yang Amat Mulia,
Dato' Muda Linggi,
Linggi.

Yang Arif,
Professor Khoo Kay Kim,
Ketua Bahagian Sejarah,
Universiti Malaya.

Yang Mulia,
Senduk Emas,
d/a Ketua Pengarang,
Berita Minggu,
The New Straits Times (Malaysia) Berhad.

Yang Berhormat,
Tuan Penasihat Undang-undang Negeri,
Negeri Sembilan.

Tuan Yang Terutama,
Pesuruhjaya Tinggi British,
Kuala Lumpur.

فجابة منتري بسر
نكري سمبيلن
سرمبن.

[illegible]n: Seremban 72421 & 72311.
[illegible]BAT MENTERI BESAR,
NEGERI SEMBILAN,
SEREMBAN.

Fail ( ) dlm. [illegible]

21 [illegible]

..............................

..............................

Tuan,

Perkara: [illegible] (45) [illegible]
[illegible] 1980.
[illegible]
Julai, 1980

Dengan hurmatnya dimaklumkan bahawa surat/salinan surat [illegible]
Bil. – bertarikh [illegible]
mengenai perkara tersebut diatas telah selamat diterima serta mendapat perhatian Y.A.B. Menteri Besar, Negeri Sembilan. Terima kasih diucapkan.

[illegible] BERKHIDMAT UNTUK NEGARA[illegible]

Saya yang menurut perintah,

(HAJI YUSOF BIN YAAKUB),
Setiausaha Sulit kepada Menteri Besar,
Negeri Sembilan.

Diterima
pada 22/9/81

URUSAN KERAJAAN

YB. Raja Mohd Yusof bin Raja Othman,
No. [illegible], [illegible],
[illegible],
[illegible].

RAJA MOHD YUSOF BIN RAJA OTHMAN,
NO. 62, Kampong Sentosa,
Semenyih,
SELANGOR.

24 hb. Oktober, 1981

Yang Amat Berhormat,
Menteri Besar,
NEGERI SEMBILAN.

Yang Berhormat,
Setiausaha,
Dewan Keadilan dan Undang,
NEGERI SEMBILAN.

Yang Berhormat,
Menteri Penerangan,
MALAYSIA.

Yang Berhormat,
Ketua Pengarah,
Arkib Negara,
MALAYSIA.

PERKARA: RUJUK 'A' .. SURAT MBNS NO. FAIL (--) DLM MBNS 2-09 PT. 3 BERTARIKH 7HB. OKTOBER, 1981
RUJUK 'B' .. SURAT TUNTUTAN WARISAN/PESAKA ALMARHUM YAM TUAN MUDA/BESAR RAJA ALI BERTARIKH 14HB. JULAI, 1980.

Dengan nama ALLAH, Tuhan Yang Maha Pemurah lagi Yang Maha Mengasihani, bahawa kami Raja Arif, Raja Ahsan, Raja Abdul Hamid dan Raja Mohd Yusof dari keturunan Baka Almarhum Yam Tuan Muda/Besar Raja Ali Rembau/Tampin 1812 - 1850, dengan sesungguhnya tidak dapat menerima jawapan Rujuk 'A' mengenai perkara Rujuk 'B' kerana kami bukan menuntut warisan "Tunku Besar Tampin" dari keturunan pendatang Arab iaitu Syed Abdul Hamid a/l Syed Shaaban ciptaan Penjajah British yang tidak kami akui dan iktiraf itu, tetapi adalah warisan/pesaka Hak Kuasa/Kedaulatan Asasi Almarhum Yam Tuan Muda/Besar Raja Ali berasaskan Teriti-Teriti bertarikh 5hb. Jun, 1819, 30hb. November, 1831, 20hb. Januari, 1832 dan 9hb. Januari, 1833. Mengapa dicampur adukkan dan diputarbelitkan sebagai dalih untuk menolak kebenaran Hak Tuntutan kami kerana ini adalah bertentangan dengan kesopanan, keadilan, prinsip Rukun Negara dan Fasal XVI Undang-Undang Tubuh Negeri Sembilan 1959, Yakni turut terjejas Hak Kuasa Asasi warisan Ahli-ahli Dewan Keadilan dan Undang itu sendiri. (Bersama ini kami kepilkan Fotostat Rujuk 'A' untuk semua).

2. Harus disedari, dengan penolakan di Rujuk 'A' kepada Tuntutan kami di Rujuk 'B' bermaana kedudukan Kuasa Asasi warisan Dato-Dato dan Ketua-ketua Adat Lembaga di Rembau/Tampin dan Tunku Besar Tampin serta Sempadan-Sempadan diantara Rembau, Tampin dan Melaka yang kekal sekarang selagi ada Bulan dan Matahari berdasarkan kepada Teriti-Teriti yang ada di tangan kami, mestilah turut ditolak dan begitu juga kesemua lima Fakta Sejarah Almarhum Yam Tuan Muda/Besar Raja Ali yang dimasyhurkan dalam Rancangan dan Buku "Hari Ini Dalam Sejarah" oleh RTM dan Arkib Negara Malaysia mesti ditarik balik dan dibatalkan selaras dengan penolakan di Rujuk 'A'.

..2/..

3. Oleh yang demikian, kami menuntut kepada Kerajaan, Dewan Keadilan dan Undang Negeri Sembilan serta pehak-pehak yang berkenaan supaya penolakan tidak ditumpukan kepada Hak Kuasa Asasi Warisan/ Pesaka kami sahaja, tetapi menyeluruh sepertimana di parageraf 2(dua) mestilah turut dilaksanakan, ATAU dikembalikan kepada kami Hak Kuasa/ Kedaulatan Asasi Warisan/Pesaka kami yang sah sejajar dengan Fasal XVI Undang-Undang Tubuh Negeri Sembilan 1959, Teriti-Teriti yang ada di tangan kami dan Fakta Sejarah Almarhum Yam Tuan Muda/Besar Raja Ali yang diakui dan diabadikan oleh RTM dan Arkib Negara Malaysia. Dengan terlaksana salah satu diantara dua faktor di atas ini barulah wujud Keadilan berlandaskan Kebenaran, Undang-Undang, Adat Lembaga, Tradisi dan Agama Islam, sekiranya tidak, kami tetap terus memperjuangkan Hak Kuasa/Kedaulatan Asasi Warisan/Pesaka Almarhum Yam Tuan Muda/ Besar Raja Ali sehingga berjaya.

Sekian, kami sudahi dengan ucapan terima kasih adanya.

Kami yang menuntut Hak Kuasa Mutlak, Kebesaran dan Kedaulatan Memerintah sebagai Raja di Luak Tampin:-

1. ..............................
(RAJA ARIF BIN RAJA OTHMAN)

2. ..............................
(RAJA AMZAH BIN RAJA OTHMAN)

3. ..............................
(RAJA ABDUL HAMID BIN RAJA OTHMAN)

4. ..............................
(RAJA MOHD YUSOF BIN RAJA OTHMAN)

Salinan Kepada:-

Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia,
Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong,
MALAYSIA,
Kuala Lumpur.

Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia,
Yang DiPertuan Besar,
Negeri Sembilan.

Yang Amat Berhormat,
Perdana Menteri,
Malaysia.

Yang Amat Mulia,
Dato' Kelana Petra,
Undang Luak Sungai Ujong.

...3/-

Yang Amat Mulia,
Dato' Mendika Menteri Akhirulzaman,
Undang Luak Jelebu.

Yang Amat Mulia,
Dato' Johan Pahlawan Lela
Perkasa Sitiawan,
Undang Luak Johol.

Yang Amat Mulia,
Dato' Sedia Raja,
Undang Luak Rembau.

Yang Amat Arif Mulia,
Raja Tan Sri Azlan Shah,
Hakim Besar Tanah Melayu,
Kuala Lumpur.

Yang Berhormat,
Tan Sri Datuk Abdul Samad Idris,
(Pengarang Buku -- Negeri Sembilan dan Sejarahnya)

Yang Berhormat,
Datuk Mokhtar Hashim,
(Ahli Parlimen -- Kawasan Tampin)

Yang Berbahagia,
Tan Sri Datuk Haji Mubin Sheppard,
(Bagi Pehak - Pengarang Buku JMBRAS Vol. XLIX
Part 2, 1976 oleh John Gullick dan Arkib Negara Malaysia)

Yang Amat Mulia,
Dato' Naning,
Melaka.

Yang Amat Mulia,
Dato' Muda Linggi,
Linggi.

Yang Arif,
Professor Khoo Kay Kim,
Ketua Bahagian Sejarah,
Universiti Malaya.

Yang Mulia,
Senduk Emas,
d/a Ketua Pengarang,
Berita Minggu,
The New Straits Times (Malaysia) Berhad.

Yang Berhormat,
Tuan Penasihat Undang-undang Negeri,
Negeri Sembilan.

Tuan Yang Terutama,
Pesuruhjaya Tinggi British,
Kuala Lumpur.

Pejabat Menteri Besar,
Negeri Sembilan, Seremban.

Telepon: 06 - 72311

ڤجابة منتري بسر
نكري سمبيلن.

Fail Kami: ( ) dlm. MBNS.
Fail Tuan:
Tarikh: 7 hb. Oktober, 1981

YM. Raja Mohd. Yusof bin Raja Othman,
No. 62, Kempong Sentosa,
Semenyih,
Selangor.

Tuan,

TUNTUTAN WARISAN TUNKU BESAR LAMPIK
====================================

Surat YM. Tunku bertarikh 7hb. Oktober, 1981 mengenai hal di atas adalah dalam penerimaan dan makluman YAB. Menteri Besar, Negeri Sembilan.

2. Seperti yang telah diberitahu bahawa satu jawapan telahpun disampaikan kepada pihak Tunku mengenai tuntutan yang telah dibuat oleh Setiausaha Dewan Keadilan dan Undang, Negeri Sembilan. Tuntutan tersebut telahpun dikemukakan kedalam sidang Dewan Keadilan dan Undang untuk pertimbangan. Seperti yang telah dinyatakan, tuntutan pihak Tunku tidak boleh lagi dijadikan bahan tuntutan sekarang dan dengan itu Dewan Keadilan dan Undang telah menolak tuntutan tersebut.

Demikianlah dimaklumkan.

Saya yang menurut perintah,

(MAT YUSOP BIN YAAKUP)
Setiausaha Sulit kepada Menteri Besar,
Negeri Sembilan.

s.k.

Setiausaha,
Dewan Keadilan dan Undang,
Negeri Sembilan,
d/a Istana Hinggap,
SEREMBAN.

Dr. Ar. (mia)
10/10/81

MYY/js

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA

RAJA MOHD YUSOF BIN RAJA OTHMAN,
No. 62, Kampong Sentosa,
Semenyih,
SELANGOR.

---

26 hb. Disember, 1981

Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia,
Yang Di Pertuan Besar,
NEGERI SEMBILAN.

Yang Amat Mulia,
Dato' Klana Petra,
Undang Luak Sungai Ujong.

Yang Amat Mulia,
Dato' Mendika Menteri Akhirulzaman,
Undang Luak Jelebu.

Yang Amat Mulia,
Dato' Pahlawan Lela Perkasa Sitiawan,
Undang Luak Johol.

Yang Amat Mulia,
Dato' Sedia Raja,
Undang Luak Rembau.

Yang Amat Berhormat,
Dato' Menteri Besar,
NEGERI SEMBILAN.

Yang Berhormat,
Menteri Penerangan,
MALAYSIA.

Yang Berhormat,
Ketua Pengarah,
Arkib Negara Malaysia,
Petaling Jaya.

---

Perkara: RUJUK 'A' ... SURAT PEJABAT DEWAN KEADILAN DAN UNDANG N.S. BIL(27) DLM SUDKU 19/79 BERTARIKH 28HB. OKTOBER,1981.
RUJUK 'B' ... SURAT TUNTUTAN KAMI BERTARIKH 24HB. OKTOBER, 1981.
RUJUK 'C' ... SURAT TUNTUTAN WARISAN/PESAKA ALMARHUM YAM TUAN MUDA/BESAR RAJA ALI BERTARIKH 14HB. JULAI, 1980.

---

Dengan nama ALLAH, Tuhan Yang Maha Pemurah lagi Yang Maha Mengasihani, bahawa kami Raja Arif, Raja Ahzan, Raja Abdul Hamid dan Raja Mohd Yusof dari keturunan Baka Alamarhum Yam Tuan Muda/Besar Raja Ali, Rembau/Tampin 1812-1850 dengan ini ingin merujuk kepada Surat Tuntutan kami di Rujuk 'B' yang telah dua bulan dikemukakan hanya Setiausaha Dewan Keadilan dan Undang sahaja yang memberi jawapan seperti di Rujuk 'A', tetapi Pehak-Pehak lain masih belum memberi apa-apa reaksi/jawapan sebagaimana sepatutnya. (Bersama ini kami kepilkan Fotostat Surat di Rujuk 'A' untuk makluman semua).

2. Setelah diteliti serta dibandingkan jawapan di Rujuk 'A' dengan tiap-tiap jawapan yang kami terima, adalah berdolak-dalek, lebih-lebih lagi Rujuk 'A' itu telah pula menutup Tuntutan kami Rujuk 'C'. Adakah fungsi Dewan Keadilan dan Undang serta Kerajaan Negeri Sembilan itu menutup yang Tulen dengan mempamerkan yang Palsu, menolak yang Hak dengan menerima yang Batil dan menidakkan yang Benar dengan membiarkan yang Salah, dalam bahasa lain amalan, sikap dan tindakan Dewan Keadilan dan Undang itu adalah sebagai sonsang, seleweng dan janggal.

3. Sayugia diingat, wujudnya sebarang Gelaran bertaraf Raja yang Berdaulat di Luak Tampin khasnya dan di Tanah Melayu amnya, adalah dibawah Undang-Undang Warisan/Pesaka berdasarkan Hak Istimewa Bangsa Melayu Tulen keturunan Raja bukan Warisan/Pesaka Bangsa Arab pendatang dari luar kawasan Nusantara keturunan Syed iaitu ibarat Dedalu hinggap pada Hak Kedaulatan Asasi Warisan/Pesaka Almarhum Yam Tuan Muda/besar Raja Ali khasnya dan Bangsa Melayu amnya.

4. Fakta Sejarah membuktikan bahawa Gelaran 'Tengku Besar Tampin' yang diberi kepada Syed Abdul Hamid a/l Syed Shaaban adalah berpunca dan berasaskan Teriti bertarikh 20hb. Januari, 1832 iaitu Hak Asasi Warisan/Pesaka Almarhum Yam Tuan Muda/Besar Raja Ali. Adalah menjadi tanggungjawab dan kewajiban Dewan Keadilan dan Undang serta Kerajaan Negeri Sembilan khasnya dan semua Pehak-Pehak yang berkenaan amnya untuk membetulkan supaya dikembalikan kepada kami yang sah akan Hak Kuasa/Kedaulatan Warisan/Pesaka Almarhum Yam Tuan Muda/Besar Raja Ali sejajar dengan Warisan/Pesaka Raja-Raja Melayu yakni selaras dengan dasar Kerajaan, intisari Kemerdekaan Tanah Melayu, Perlembagaan, Fasal XVI Undang-Undang Tubuh Negeri Sembilan 1959, Rukun Negara, Adat Lembaga, Tradisi dan Agama Islam.

5. Oleh yang demikian, kami tetap menuntut kepada Kerajaan, Dewan Keadilan dan Undang serta Pehak-Pehak yang berkenaan supaya mengembalikan Hak Kuasa/Kedaulatan Memerintah sebagai 'Raja' di Luak Tampin kepada kami yang sah sejajar dengan penjelasan kami di Parageraf 3 dan 4 diatas serta disetiap Surat Tuntutan kami sepertimana yang telah dikemukakan terdahulu itu.

Sekian, kami sudahi dengan ucapan terima kasih, adanya.

Kami yang Menuntut Hak Kuasa Mutlak, Kebesaran dan Kedaulatan Memerintah sebagai Raja di Luak Tampin:-

1. ..............................
(RAJA ARIF BIN RAJA OTHMAN)

2. ..............................
(RAJA AHZAN BIN RAJA OTHMAN)

3. ..............................
(RAJA ABDUL HAMID BIN RAJA OTHMAN)

4. ..............................
(RAJA MOHD YUSOF BIN RAJA OTHMAN)

Salinan Kepada:-

Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia,
Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong,
MALAYSIA.

Yang Amat Berhormat,
Perdana Menteri,
MALAYSIA.

Yang Berhormat,
Setiausaha,
Dewan Keadilan dan Undang,
NEGERI SEMBILAN.

Yang Amat Arif Mulia,
Raja Tan Sri Azlan Shah,
Hakim Besar Tanah Melayu,
Kuala Lumpur.

Yang Berhormat,
Tan Sri Datuk Abdul Samad Idris,
(Pengarang Buku - Negeri Sembilan dan Sejarahnya).

Yang Berhormat,
Datuk Mokhtar Hashim,
(Ahli Parlimen - Kawasan Tampin),
NEGERI SEMBILAN.

Yang Berbahagia,
Tan Sri Datuk Haji Mubin Sheppard,
(Bagi Pehak - Pengarang Buku JMBRAS Vol. XLIX
Part 2, 1976 - Oleh John Gullick dan Arkib Negara Malaysia).

Yang Amat Mulia,
Dato' Naning,
MELAKA.

✓ Yang Amat Mulia,
Dato' Muda Linggi,
NEGERI SEMBILAN.

Yang Arif,
Professor Khoo Kay Kim,
Ketua Bahagian Sejarah,
Universiti Malaya.

Yang Mulia,
'SENDUK EMAS'
d/a Ketua Pengarang,
Berita Minggu,
The New Straits Times (Malaysia) Berhad,
Kuala Lumpur.

Yang Berhormat,
Tuan Penasihat Undang-Undang Negeri,
NEGERI SEMBILAN.

Tuan Yang Terutama,
Pesuruhjaya Tinggi British,
Kuala Lumpur.

27 ) dlm. SUDKU . 19/79.
an. 712586

PEJABAT DEWAN KEADILAN DAN UNDANG NEGERI SEMBILAN.
(Office of the Council of the Yang Di Pertuan Besar and the Ruling Chiefs, N.S.)
d/a ISTANA HINGGAP
SEREMBAN.

28hb Oktober, 1981.

Y.M.Raja Mohd.Yusof bin Raja Othman,
No.62, Kampong Sentosa,
Semenyih,
SELANGOR.

Y.M.Raja,

Warkah Y.M.Raja bertarikh 24hb Oktober, 1981 telah diterima oleh Pejabat Dewan Keadilan dan Undang, Negeri Sembilan.

2. Pihak Dewan Keadilan dan Undang, Negeri Sembilan tidak dapat berbuat apa-apa lagi sebagaimana kandungan surat Pejabat Dewan ini Bil.(23) dalam siri ini bertarikh 6hb Julai, 1981.

3. Dipihak Dewan ini, perkaranya itu telahpun ditutup, lebih-lebih lagi kenyataan kandungan surat Y.A.B.Dato' Menteri Besar, Negeri Sembilan kepada Y.M.Raja pada 7hb Oktober, 1981 itu.

4. Sekianlah dimaklumkan dengan hormatnya.

Yang menjunjung titah perintah,

(Ismail bin Haji Kassim)
SETIAUSAHA,
DEWAN KEADILAN DAN UNDANG,
NEGERI SEMBILAN.

s.k.: Yang Amat Berhormat
Dato' Menteri Besar,
Negeri Sembilan,
SEREMBAN.

" Yg.Bhg.Tuan Setiausaha Sulit
Kpd: D.Y.M.M.Yang Di-Pertuan Besar,
Negeri Sembilan,
SEREMBAN.

Di terima pada 30/10/81

JAWATANKUASA PENYELIDIKAN BUDAYA N.S.

RAJA MOHD YUSOF BIN RAJA OTHMAN,
No. 62, Kampong Sentosa,
Semenyih,
SELANGOR.

---

27 hb. Disember, 1982

Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia,
Yang Di Pertuan Besar,
NEGERI SEMBILAN.

Yang Amat Mulia,
Dato' Klana Petra,
Undang Luak Sungai Ujong.

Yang Amat Mulia,
Dato' Mendika Menteri Akhirulzaman,
Undang Luak Jelebu.

Yang Amat Mulia,
Dato' Pahlawan Lela Perkasa Sitiawan,
Undang Luak Johol.

Yang Amat Mulia,
Dato' Sedia Raja,
Undang Luak Rembau.

Yang Amat Berhormat,
Dato' Menteri Besar,
NEGERI SEMBILAN.

Yang Berhormat,
Menteri Penerangan,
MALAYSIA.

Yang Berhormat,
Ketua Pengarah,
Arkib Negara Malaysia,
MALAYSIA.

Perkara:- RUJUK 'A' ... SURAT TUNTUTAN KAMI BERTARIKH 26HB. DISEMBER, 1981
RUJUK 'B' ... SURAT ARKIB NEGARA MALAYSIA 1434/2 JLD 2 (5) BERTARIKH 22HB. OKTOBER, 1981

Dengan Nama ALLAH, Tuhan Yang Maha Pemurah lagi Yang Maha Mengasihani, bahawa kami Raja Arif, Raja Ahzan, Raja Abdul Hamid dan Raja Mohd Yusof dari keturunan Baka Almarhum Yam Tuan Muda/Besar Raja Ali - Rembau/Tampin, 1812-1850, dengan ini ingin merujuk kepada Surat Tuntutan kami di Rujuk 'A' yang telah setahun dikemukakan dengan tidak mendapat apa-apa jawapan dari Pihak-pihak yang bertanggungjawab diatas, sepertimana seharusnya berdasarkan konsep Kerajaan Bersih, Cekap dan Amanah.

...2/-

2. Memandangkan masa yang bagitu lama tanpa apa-apa jawapan dan tindakan adalah membuktikan khususnya Ahli-Ahli Dewan Keadilan dan Undang serta Kerajaan Negeri Sembilan, iaitu sengaja mengelak dari tanggungjawab dan kewajiban mempertahankan kebenaran diatas wujudnya Hak Mutlak Kedaulatan Warisan/Pesaka Asasi kami Bangsa Melayu berasaskan Teriti-Teriti bertarikh 5/6/1819, 30/11/1831, 20/1/1832 dan 9/1/1833 yang telah dikhianat dan dicabul untuk diberikan kepada yang tidak berhak keturunan pendatang Arab, Syed Abdul Hamid a/l Syed Shaaban yang tidak mempunyai asas asal-usul bagi mendapat Gelaran Di Raja "Tunku" lebih-lebih lagi bertaraf sebagai "Raja" iaitu Hak Mutlak Warisan Asasi keturunan Daka Almarhum Yam Tuan Muda/Besar Raja Ali khasnya dan Bangsa Melayu amnya yang mesti ditentang habis-habisan selaras dengan Nilai-nilai Kemerdekaan Tanah Melayu dan maksud Rujuk 'B'.

3. Fakta Sejarah membuktikan bahawa Syed Abdul Hamid dan bapanya Syed Shaaban adalah "Petualang" menjadi Agen serta Talibarut Penjajah British dengan menyerap kedalam Bangsa Melayu melalui perkahwinan iaitu sebagai "Musang berbulu Ayam" untuk memecahbelahkan keutuhan perpaduan Bangsa Melayu yang dipelopori oleh Yam Tuan Raja Ali, Dato' Penghulu Nganit, Dato' Dol Said, Dato' Kattas dan Dato' Haji Sahil. Penglibatan pendatang Arab dalam Arena Siasah (Politik) Bangsa Melayu khasnya di Rembau/Tampin/Naning dan amnya di Negeri Sembilan adalah bagi kepentingan Penjajah British sebagai "Lintah" dan Pendatang Arab sebagai "Dedalu", yakni kategori kedua golongan ini adalah serupa, bertujuan mencabul, menjajah dan menindas Kuasa, Hak-Mutlak dan Maruah zahir-bathin Bangsa Melayu. Kami sedia menunjukkan bukti dan keterangan bahawa Gelaran Di Raja "Tunku Besar - Tampin" adalah ciptaan Penjajah British (Governor Frederick Weld) untuk konconya Syed Abdul Hamid a/l Syed Shaaban dengan mencabuli Hak Mutlak Kedaulatan Warisan Asasi kami Bangsa Melayu. Mengapakah Dewan Keadilan dan Undang masih melindungi keturunan yang tidak berhak ini dengan berbagai dalih yang berdolak-dalek, dan adakah Ahli-Ahli Dewan Keadilan dan Undang itu sanggup menerima hakikat ini seandainya Hak Mutlak Warisan/Pesaka Asasi mereka dilakukan sama seperti kami?.

4. Kami menuntut Hak Mutlak dan Kedaulatan Warisan/Pesaka Asasi kami ini bukan kerana taksub dan ghairah dengan Kuasa, Status, Prestasi dan sebagainya, tetapi demi keadilan dan kewajiban mempertahankan kebenaran Hak, Maruah, Bangsa, Pesaka dan Agama sejajar dengan hakikat yang disarankan oleh YAB Datuk Musa Hitam di Akhbar Berita Harian, keluaran 26hb. Jun, 1982 (bersama ini kami kepilkan fotostatnya untuk renungan dan rujukan) adalah membuktikan betapa jitunya Tuntutan kami supaya Hak Mutlak, Kuasa/Kedaulatan Memerintah sebagai Raja di Luak Tampin itu di kembalikan kepada kami yang sah, yakni mempunyai asas, asal-usul dan latarbelakang yang serupa dengan Warisan Raja-Raja Melayu, tetapi diputarbelit, dicampuraduk dan ditutup oleh Ahli-Ahli Dewan Keadilan dan Undang. Apakah mereka takut berdepan dengan kenyataan dan kebenaran diatas pencabulan, penyelewengan dan penindasan yang telah dilakukan keatas Hak Mutlak Warisan/ Pesaka Asasi kami?. Perbuatan ini adalah terang-terang bertentangan dengan Dasar Kerajaan, Nilai-nilai Kemerdekaan Tanah Melayu, Perlembagaan, Fasal XVI Undang-Undang Tubuh Negeri Sembilan 1959, Adat Lembaga, Tradisi, Rukun Negara dan Agama Islam, dengan cara langsung mencemarkan serta menjejaskan Maruah Dewan Keadilan dan Undang itu sendiri.

5. Disini kami gariskan tujuh sebab atau faktor utama yang kami tetap menuntut dan memperjuangkan sehingga dikembalikan kepada kami yang sah akan Hak Mutlak dan Kedaulatan Warisan/Pesaka Asasi kami iaitu:-

(a) -- Selagi wujud, termaktub dan berkuatkuasa dalam Perlembagaan, Undang-Undang Tubuh Negeri, khasnya Negeri Sembilan dan amnya Tanah Melayu, bahawa Hak Mutlak, Kebesaran dan Kedaulatan Asasi Warisan/Pesaka Raja-Raja, Ketua-Ketua, Dato'-Dato' Adat Lembaga dan Hak Istimewa Bangsa Melayu tetap dilindungi dan dipertahankan.

(b) -- Selagi Sempadan-sempadan diantara Rembau, Tampin dan Melaka kekal dan berkuatkuasa dengan berasaskan Teriti-Teriti Yam Tuan Raja Ali, Dato' Penghulu dan Ketua-Ketua Suku (Adat Lembaga) iaitu originalnya berada ditangan kami.

(c) -- Selagi Kuasa dan Punca terpecahnya Tampin dari Luak Rembau menjadi satu Luak berasingan dengan berasaskan Teriti Yam Tuan Raja Ali, Dato' Penghulu dan Ketua-Ketua Suku (Adat Lembaga).

(d) -- Selagi Kuasa dan Punca terciptanya atau diadakan Gelaran Di Raja "Tunku Besar Tampin" sebagai Raja memerintah Luak Tampin dengan mencabul Hak Mutlak dan Kedaulatan Warisan/Pesaka Asasi kami yang berasaskan Teriti Yam Tuan Raja Ali, Dato' Penghulu dan Ketua-Ketua Suku (Adat Lembaga).

(e) -- Selagi termaktub Fasal XVI Undang-Undang Tubuh Negeri Sembilan, 1959 yang berkuatkuasa sekarang menjamin keutuhan Adat Lembaga dahulu kala, yakni Kuasa Asasi yang wujud sebelum Penjajah British - adalah bermaksud Kedaulatan Gelaran Yam Tuan Raja Ali sebagai "Raja" memerintah Rembau/Tampin bersama-sama Dato' Penghulu (Undang), Ketua-Ketua Suku (Adat Lembaga) telah wujud dizaman Keagongan Kedaulatan Pemerintahan Melayu.

(f) -- Selagi lima Fakta Sejarah Almarhum Yam Tuan Muda/Besar Raja Ali, Dato' Penghulu dan Ketua-Ketua Suku (Adat Lembaga) itu kekal, diakui dan dimasyhorkan oleh Arkib Negara Malaysia serta RTM, yakni selaras dengan Surat Arkib Negara 1434/2 Jld.2(5) bertarikh 22hb. Okt. 1981.

(g) -- Selagi dilindungi keturunan pendatang Arab Syed Abdul Hamid a/l Syed Shaaban yang tidak berhak memperolehi Gelaran bertaraf Raja "Tunku Besar Tampin" ciptaan Penjajah British dengan berasaskan Teriti-Teriti Yam Tuan Raja Ali bangsa Melayu, yakni mencabul Hak Mutlak dan Kedaulatan Warisan/Pesaka Asasi kami dan Bangsa Melayu yang terang-terang bertentangan dengan Dasar Kerajaan, Nilai-Nilai Kemerdekaan Tanah Melayu, Perlembagaan, Fasal XVI Undang-Undang Tubuh Negeri Sembilan 1959, Adat Lembaga, Tradisi, Rukun Negara dan Agama Islam.

... 4/-

6. Oleh yang demikian kami menuntut kepada Kerajaan, Dewan Keadilan dan Undang serta Pihak-Pihak Berkenaan supaya menjalankan dan menunaikan tanggungjawab dan kewajiban mempertahankan Hak Kebenaran serta Keadilan iaitu selaras dengan konsep Kerajaan Bersih, Cekap dan Amanah untuk dikembalikan kepada kami yang sah akan Hak Mutlak Kedaulatan Memerintah sebagai Raja di Luak Tampin seperti dengan Hak Mutlak Kedaulatan Warisan/Pesaka Ahli-Ahli Dewan Keadilan dan Undang khasnya dan Raja-Raja Tanah Melayu amnya yakni sejajar dengan Dasar Kerajaan, Nilai-Nilai Kemerdekaan Tanah Melayu, Perlembagaan, Fasal XVI Undang-Undang Tubuh Negeri Sembilan 1959, Adat Lembaga, Tradisi, Rukun Negara dan Agama Islam.

7. Sekian, kami sudahi dengan ucapan terima kasih.

Kami yang menuntut Hak Kuasa Mutlak, Kedaulatan dan Kebesaran Memerintah sebagai Raja di Luak Tampin:-

1) ...........................
(RAJA ARIF BIN RAJA OTHMAN)

2) ...........................
(RAJA AHZAN BIN RAJA OTHMAN)

3) ...........................
(RAJA ABDUL HAMID BIN RAJA OTHMAN)

4) ...........................
(RAJA MOHD YUSOF BIN RAJA OTHMAN)

Salinan Kepada:-

Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia,
Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong,
MALAYSIA.

Yang Amat Berhormat,
Perdana Menteri,
MALAYSIA.

Yang Amat Berhormat,
Timbalan Perdana Menteri,
MALAYSIA.

Yang Amat Arif Mulia,
Raja Tan Sri Azlan Shah,
Ketua Hakim Negara,
MALAYSIA.

Yang Berhormat,
Setiausaha,
Dewan Keadilan dan Undang,
NEGERI SEMBILAN.

Yang Berhormat,
Tuan Penasihat Undang-Undang Negeri,
NEGERI SEMBILAN.

Tuan Yang Terutama,
Pesuruhjaya Tinggi British,
KUALA LUMPUR.

Yang Berbahagia,
Tan Sri Datuk Abdul Samad Idris,
(Pengarang Buku - Negeri Sembilan dan Sejarahnya).

Yang Berbahagia,
Tan Sri Datuk Haji Mubin Sheppard,
(Bagi Pihak - Pengarang Buku JMBRAS Vol. XLIX
Part 2, 1976 - Oleh Johr. Gullick dan Arkib Negara Malaysia).

Yang Amat Mulia,
Dato' Naning,
MELAKA.

Yang Amat Mulia,
Dato' Muda Linggi,
NEGERI SEMBILAN.

Yang Arif,
Professor Khoo Kay Kim,
Ketua Bahagian Sejarah,
Universiti Malaya.

Yang Mulia,
'SENDUK EMAS'
d/a Ketua Pengarang,
Berita Minggu,
The New Straits Times (Malaysia) Berhad,
KUALA LUMPUR.

ARKIB NEGARA MALAYSIA
(NATIONAL ARCHIVES OF MALAYSIA)
BANGUNAN PERSEKUTUAN,
JALAN SULTAN, PETALING JAYA

Telefon:
Ketua Pengarah: 569997
Pejabat Am: 569311 / 569815
Pusat Perkhidmatan Rekod [illegible] / 565525
Kawat/Cable: "SELIDIK PETALINGJAYA"

HANTAR TANGAN

Surat Tuan:
Surat Kami: 1954/2Jld.2(5)
Tarikh: 22hb. Okt. 1981.

Yang Mulia Raja Mohd. Yusof bin Raja Othman,
No. 62, Kampung Sentosa,
Semenyih,
Selangor.

Yang Mulia,

Per: Perjanjian Kemerdekaan Rembau - Kesilapan tarikh peristiwa dan kedudukan Raja Ali

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada surat Yang Mulia mengenai perkara sama bertarikh 18hb. Sept. 1981.

2. Pihak jabatan ini mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih di atas perhatian dan teguran ikhlas Yang Mulia berikan itu.

3. Pihak jabatan ini juga sangat tertarik hati untuk melihat Perjanjian Asal yang ada di dalam simpanan Yang Mulia itu. Sekiranya Yang Mulia bersetuju, pihak jabatan ini ingin mencadangkan supaya perjanjian asal serta surat-surat dan rekod-rekod yang berkaitan dengan Almarhum Yam Tuan Muda/Besar Raja Ali itu disimpan di jabatan ini sebagai sumber sejarah negara. Kami berpendapat rekod-rekod yang dipunyai oleh Almarhum itu dan yang mengenai beliau adalah amat bernilai dan penting kepada sejarah Negara dan patut disimpan dan disusun dengan teratur sebagai sumber asli bagi penyelidikan sejarah tanahair.

4. Jika Yang Mulia bersetuju pihak jabatan ini bercadang untuk menghantar dua orang pegawai ke rumah Yang Mulia pada 27hb. Oktober, 1981, pada kira-kira jam 10.00 pagi untuk melihat rekod-rekod tersebut dan berbincang lebih lanjut mengenainya. Pihak jabatan ini berasa amat sukacita sekiranya Yang Mulia dapat memberikan jawapan terhadap cadangan kami itu dalam kadar yang agak segera melalui Encik Mohd. Hashim bin Md. Noor, seorang kakitangan di jabatan ini.

Di atas perhatian dan budibaik Yang Mulia itu amatlah kami hargai dan diucapkan ribuan terima kasih jua. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perentah,

(AHMAD HJ. ABD. KADIR)
b.p Ketua Pengarah,
Arkib Negara Malaysia.

Diterima pada 22/10/81
jam 6 petang.

Raja Mohd. Yusof B. Raja Othman,
37, Kg. Baru Sentosa,
Semenyih,
SELANGOR.

21 hb. Disember, 1984

Yang Berbahagia,
Datuk Haji Mohd Taib Bin Omar,
1129, Pekan Senaling,
Kuala Pilah,
NEGERI SEMBILAN.

Datuk,

Saya, Raja Mohd. Yusof B. Raja Othman, dari keturunan Baka Almarhum Yamtuan Raja Ali Rembau/Tampin, adalah dengan segala hormatnya menulis surat ini kepada Datuk ialah berhubung dengan peristiwa dakwaan Datuk kepada kekanda saya Raja Ahzan dihari kemangkatan Tengku Enchom pada 20.12.83 di Lubuk China iaitu dengan kata-kata seperti berikut:- "Dia ni (Raja Ahzan) Dulu Datuknya Tengku Jaafar nak dijadikan Tengku Besar Tampin oleh Orang Puteh dia tak hendak, sebab pencen Tengku Besar Tampin $25/- sedangkan Tengku Jaafar boleh dapat lebih dari itu di Lubuk China, tetapi sekarang pencen Tengku Besar Tampin $5000/- cucunya sebuk hendakkan pulak."

2. Saya, (mungkin Datuk Tidak kenal saya waktu itu) yang kebetulan berada bersama diantara puluhan orang disitu terus bingkas menafikan dakwaan Datuk yang tidak berasas itu, tetapi oleh kerana keadaan waktu itu tidak sesuai untuk menjelaskan dengan panjang-lebar kedudukan sebenarnya cuma saya dapat berkata bahawa dakwaan itu adalah tuduhan sebagai Fitnah dan diReka-reka tanpa asas yang logik, sebab adalah mustahil bagi orang Inggeris tentunya "Residen Negeri Sembilan" sebagai Pegawai Tertinggi memberi seseorang menyandang Gelaran tanpa orang itu (Tengku Jaafar) mempunyai bukti sebagai Pewaris dari keturunan Baka Almarhum Yamtuan Raja Ali, Rembau/Tampin. Sebagai Contoh:- Datuk seorang bekas Guru (pencen), seandainya Kerajaan memberi satu peruntukan kepada tiap-tiap bekas Guru (pencen) sebidang tanah dan Datuk pergi Kekementerian Pelajaran adakah pihak kementerian itu yang tidak tahu/kenal Datuk terus memberi tanpa meminta bukti yang menunjukkan Datuk Guru Pencen seperti surat-surat Tauliah Guru, Waran Pencen dan lain-lain dokumentasi untuk pengenalan Datuk sebagai bekas Guru yang pencen. Bagitulah juga pihak Inggeris yang terkenal dengan sikap amat pintarnya tentulah meminta kepada Tengku Jaafar bahan-bahan sebagai bukti. Sedangkan bahan-bahan sebagai bukti itu yang berupa Surat-surat Perjanjian (Treaty) Yamtuan Raja Ali dengan British berada dalam simpanan Sharifah Leng Keturunan Syed Shaaban dan kebetulan pula Sharifah Leng memangku jawatan Gelaran Tengku Besar Tampin. Walaupun Tengku Jaafar pernah bertanyakan dan berkehendakkan surat-surat Treaty itu dari Sharifah Leng tetapi dia tidak mahu menyerahnya dengan berbagai alasan (ini adalah muslihatnya). Hal yang sama juga berlaku apabila ditanya dan diminta oleh keturunan Baka Almarhum Yamtuan Raja Ali yang terdahulu semasa teriti-teriti itu berada ditangan Syed Abdul Hamid, Syed Dewa dan Syed Mohammed.

...2/-

3. Oleh kerana Sharifah Leng itu pangkat Emak saudara kepada Tengku Jaafar tambahan pula keperibadian orang Melayu sangat menghormati orang tua serta budi pekerti yang tinggi dan kepercayaan yang tulus ikhlas telah memberi peluang keemasan kepada pihak "PEMBELOT" keturunan Syed Shaaban untuk Menopoli Pesaka Warisan Hak Asasi kami Almarhum Yamtuan Raja Ali berasaskan Teriti-teriti tersebut.

4. Apabila Perang Dunia Kedua meletus dan Jepun datang menduduki Malaya, Sharifah Leng mendapati keselamatan dirinya tidak terjamin kerana telah tua dan uzur serta kedudukan Istananya di Kg. Tengah itu berhampiran dengan Jalan Raya dan Pekan Tampin serta Kuasa Pemerintahan akan beralih tangan, Sharifah Leng pun menyuruh seorang keluarganya bernama Syed Ali memanggil Tengku Jaafar datang ke Tampin untuk mengambil Teriti-teriti itu. Disaat itu bermulanya Teriti-teriti itu dapat kembali ketangan yang berhak keturunan Baka Almarhum Yamtuan Raja Ali iaitu setelah disimpan selama hampir seratus tahun oleh pihak keturunan Syed Shaaban. Bayangkan lah betapa kejamnya sifat orang yang tidak berhak ini iaitu mencabul, menguna dan menyimpan hak orang lain bagi kepentingan peribadinya. Biasanya perbuatan bagini dilakukan oleh orang Yahudi dan Komunis sahaja.

5. Dengan kehendak Allah, Tengku Jaafar meninggal dunia dalam masa Jepun, sebelum beliau sempat melangkah memperjuangkan Hak Asasinya. Anakandanya, Raja Othman iaitu anak lelaki yang tertua berada di Semenyih, Selangor telah sampai ke Lubuk China waktu Tengku Jaafar dalam nazak. Selepas kebumian Tengku Jaafar, Raja Othman bertanyakan teriti-teriti itu kepada Bondanya Che Alus, tetapi didapati tidak ada ditempat biasanya disimpan. Sekali lagi Teriti-teriti itu terlepas iaitu diambil terlebih dahulu oleh "Musuh Dalam Selimut". Siapakah Pengkhianat itu?, ramai dari keluarga Tengku Jaafar tahu. Dengan kehendak Allah jua, Teriti-teriti itu dijumpai kembali selepas beberapa hari lamanya, mungkin Pengkhianat itu telah insaf diatas berbuatannya yang buruk itu. Raja Othman terus membawa balik ke Semenyih.

6. Selepas Jepun menyerah diri, Inggeris kembali semula ke Malaya dan apabila keadaan dalam Negeri telah stabil dan pulih maka Raja Othman pun mengemukakan Tuntutan Hak Asasi Warisan/Pusaka Yamtuan Raja Ali Rembau/Tampin berasaskan Teriti-teriti tersebut kepada pihak-pihak tertentu, tetapi oleh kerana kedudukan dan nilai Teriti itu besar ertinya yang akan tergugat kepentingan satu-satu pihak maka didalangi dan disabotage dengan mengunakan tipu helah untuk mengenepikan Hak Asasi kami.

7. Memadailah setakat ini saja sebab jika saya huraikan dengan terperinci perkembangan Sejarah Yamtuan Raja Ali dengan menantunya Syed Shaaban khasnya dan tindaktanduk Pihak-pihak Tertentu di Negeri Sembilan amnya akan memakan halaman yang banyak. Untuk maklumat dan renungan Datuk selanjutnya, saya kepilkan bersama surat ini sebahagian dari beberapa Surat-surat Tuntutan yang telah dikemukakan dari masa kesemasa dan diharap Datuk dapat meluangkan masa membacanya.

...3/-

8. Sebenarnya saya hendak melupakan sahaja Peristiwa Kata-kata Datuk yang telah setahun berlalu itu, memandangkan perhubungan kekeluargaan telah ada, tetapi malangnya kata-kata itu tidak dapat saya lupakan sampai sekarang ini kerana menekan jiwa sanubari saya (Psychological Affect) maka terpaksa saya menulis surat ini kepada Datuk sebagai ekoran yang tidak sempat saya jelaskan dihari kemangkatan Tengku Enchom itu.

9. Sesungguhnya, saya tidak menaroh prasangka apa-apa dari segi peribadi terhadap Datuk, tetapi demi mempertahankan Kebenaran, Hak dan Maruah keturunan Baka Almarhum Yamtuan Raja Ali yang seringkali dicela sedangkan kami menjadi Mangsa dan Korban iaitu tidak mendapat apa-apa Hak Keistimewaan dibandingkan dengan Orang-orang yang menindas dan menyeleweng. Saya sedar, bahawa keturunan Baka Almarhum Yamtuan Raja Ali memang miskin dari segi Kewangan dan Kebendaan tetapi janganlah mengambil peluang untuk memputarbelit, menghina dan menindas kami sedangkan Cacing yang lemah dan lembut itu apabila dipicit akan melawan juga.

Sekian, saya sudahi dengan salam hormat dan ucapan terima kasih. Maaf

Yang Ikhlas

..................
(RAJA MOHD. YUSOF)

Salinan kepada:-

Yang Amat Mulia,
Datuk Undang Rembau,
Rembau.

Yang Amat Berhormat.
Menteri Besar,
Negeri Sembilan.

Yang Berhormat,
Setiausaha,
Dewan Keadilan dan Undang,
Negeri Sembilan.

Raja Mohd. Yusof bin Raja Othman,
37, Kampung Sentosa,
Semenyih,
SELANGOR.

12 September, 1985

Yang Berbahagia,
Tan Sri Datuk Abdul Samad Idris,
No. 19, Lorong Gurney,
Jalan Gurney,
KUALA LUMPUR.

Y.Bhg Tan Sri,

Perkara:- <u>BUKU MERDEKA - MELAKA TEMPA SEJARAH</u>

Saya, Raja Mohd. Yusof bin Raja Othman, adalah dengan segala hormatnya menulis surat ini ialah berhubung dengan perkara diatas yang diterbitkan sempena dengan sambutan hari kemerdekaan ke 28 tahun, 1985 yang diadakan di Melaka.

2. Izinkan saya merakamkan ucapan setinggi tahniah dan penghargaan diatas usaha Tan Sri yang telah dapat menyusun buku ini untuk memberi kesedaran dan gambaran sejarah negara kita yang tercinta ini. Bukanlah perkara mudah untuk mencari, mendapat dan menulis maklumat dan cerita sejarah silam untuk dibukukan dan disamping itu memberi kata-kata ulasan yang memeransangkan semangat nasionalisme seandainya penulis itu bukan dari seorang tokoh sejarah politik seperti Tan Sri. Oleh itu saya berpendapat adalah kena pada masa dan tempatnya serta jodol buku itu diterbitkan sempena dengan hari yang bersejarah itu. Tanpa terduga saya juga tidak ketinggalan mendapat sebuah walaupun pada hemat saya bilangan buku ini adalah terhad dan peruntukkannya juga kepada orang yang tertentu sahaja.

3. Setelah membacanya saya berasa kagum diatas ulasan-ulasan Tan Sri yang bersemangat itu bagi tujuan menyedarkan khususnya bangsa Melayu dari hal perkembangan sejarah untuk dijadikan contoh, teladan dan pengajaran supaya generasi akan datang dapat panduan baik-buruknya apabila terlibat dalam satu-satu bidang yang membawa kepada unsur-unsur catatan sejarah negara.

4. Oleh kerana ulasan dan cerita dalam buku ini ada kaitannya dengan sejarah warisan saya yang terdapat dimuka 73, 81, 82 dan 83 iaitu berkenaan Almarhum Yamtuan Raja Ali dengan menantunya Syed Shaaban serta Penghulu-Penghulu Rembau Datuk Bogok, Datuk Nganit dan Penghulu Naning Datuk Dol Said. Disini ingin saya menarik perhatian Tan Sri bahawa cerita sejarah Yamtuan Raja Ali dengan menantunya Syed Shaaban apabila dikaitkan maka pihak Yamtuan Raja Ali selalunya perjalanan sejarahnya bias, fakta diselewengkan dan aspek sensasi ditonjolkan dibandingkan dengan menantunya Syed Shaaban. Adakah kerana keturunan Syed Shaaban telah diberi gelaran sebagai Tunku Besar Tampin oleh Penjajah British maka segala keburukkannya disembunyikan untuk menjaga kepentingan dan imej kedudukkannya?

...2/-

5. Saya ingin mempertikaikan kejujuran Tan Sri iaitu apabila saya mengikuti ulasan Tan Sri dimuka 73, 81, 82 dan 83 banyak menekankan keburukkan sikap Yamtuan Raja Ali seolah-olah baginda tidak ada kewibawaan nasionalisme sebagai pemimpin Melayu sejati sedangkan bagindalah yang mempertahankan maruah Datuk Penghulu Rembau sejak dari awal lagi iaitu dari pencabulan dan kezaliman Yamtuan Muda Riau Raja Haji dan Yamtuan Rembau Raja Asil iaitu seperti perbilangan adat "Raja adil Raja disembah, Raja zalim Raja disanggah". Selepas peristiwa itu Penghulu Datuk Bogok berserta Ketua-Ketua Suku yang empat melantik Raja Ali sebagai Yamtuan Rembau untuk menggantikan Raja Asil yang telah disingkirkan itu.

6. Semasa Yamtuan Raja Ali memerintah Rembau baginda satu-satunya Yamtuan yang berjaya mementeraikan beberapa Teriti (perjanjian) Kemerdekaan dengan pihak berkuasa Belanda dan British iaitu bertarikh 5.6.1819, 30.11.1831, 20.1.1832 dan 9.1.1833 untuk membebaskan bumi Rembau dari kuasa belenggu Penjajah. Dari inisiatif Yamtuan Raja Ali juga menambahkan Ketua-Ketua Suku daripada empat kepada lapan. Untuk kepastian sila rujuk buku "Hari ini dalam Sejarah" jilid 1 halaman 83-86. Teriti ini telah dikelirukan dan disabotaj kebenaran tarikh dan kedudukkan Raja Ali dan hanya dibetulkan selepas saya menegur kesilapan itu kepada pihak Arkib Negara. Walaupun pembetulannya telah dibuat dan dimuatkan dalam HIDS jilid 11 dihalaman khas tetapi ini adalah suatu bukti apa yang saya perkatakan itu memang berasaskan kebenaran.

7. Tan Sri harus faham Yamtuan Raja Ali bersahabat dengan British bukan kerana pro-British tetapi adalah untuk kemakmuran rakyat supaya dapat bebas memperkembangkan urusniaga perdagangan, keselamatan dan mengelakkan dari campurtangan British dibumi Rembau. Semua teriti (perjanjian) ini dibuat dan dimenteraikan bersama-sama Datuk Penghulu dan Ketua-Ketua Suku. Apakah Kerajaan Malaysia membuat perjanjian seperti ini dengan Negara-Negara lain didunia juga dianggap memehak dan tunduk kepada kehendak mereka? ini tidak Tan Sri pertikaikan. Perkara ini berlaku kepada Yamtuan Raja Ali adalah baginda sebagai ketua Pemerintah Rembau, sama seperti berlakunya apabila UMNO yang diketuai oleh YTM Tunku Abdul Rahman Petra Alhaj semasa menuntut kemerdekaan Malaya dahulu dimana beliau bersama-sama dengan tokoh-tokoh UMNO terpaksa menerima tekanan pihak British iaitu dengan mengenakan syarat untuk kemerdekaan sedangkan takrif maruah kemerdekaan itu tidak sepatutnya ada syarat. Tan Sri tidak pernah membantah atau hendak meninggalkan UMNO dan adakah sikap Tan Sri ini juga "ada udang disebalik batu"? pada hal perkara ini terang-terang bertentangan dengan ulasan Tan ... Sri yang penuh bersemangat itu. Saya kepilkan salinan fotostat potongan akhbar Berita Harian hari Jumaat 23.8.1985 diatas pengakuan YTM Tunku Abdul Rahman untuk renungan Tan Sri.

8. Saya tidak berkecil hati sekiranya Tan Sri menyebelah atau menyokong Syed Shaaban daripada Yamtuan Raja Ali kerana ini adalah hak peribadi Tan Sri, tetapi apa yang menghairankan dan jadi tandatanya saya ialah pendirian diatas pengakuan Tan Sri untuk membuat pembetulan supaya generasi akan datang tidak terkeliru, tetapi apa yang terjadi bukan membetulkan kekeliruan malahan menyesatkan kerana Tan Sri menulis sejarah Yamtuan Raja Ali dengan menantunya Syed Shaaban tidak berlandaskan kepada fakta dan kebenaran.

9. Fakta sejarah membuktikan iaitu penglibatan Syed Shaaban dalam arena siasah (politik) bangsa Melayu khususnya di-Rembau adalah dari inspirasi dan arahan pihak British di Melaka untuk digunakan sebagai agen/talibarut dengan menyerapkan dida-lam kepimpinan Yamtuan Raja Ali melalui agama dan perkahwinan se-perti menyerapnya agen/talibarut komunis iaitu Abdullah Ahmad dan Sidiq Ghouse didalam kepimpinan Kerajaan melalui UMNO. Oleh kera-na pemikiran dan pengalaman bangsa Melayu dahulu terhad dan tidak sebijak masa kini maka taktik yang dilakukan oleh Syed Shaaban pendatang dari luar Nusantara sebagai musang berbulu ayam tidak dapat dikesan dan diselami oleh bangsa Melayu yang terkenal mem-punyai budi pekerti yang mulia dan kepercayaan yang tulus ikhlas telah mendatang keuntungan kepada Syed Shaaban sehinggalah keketu-runannya menopoli hak warisan Almarhum Yamtuan Raja Ali khasnya dan bangsa Melayu amnya.

10. Bapa Syed Shaaban ialah Syed Ibrahim Alkadri dan dari kajian saya beliau adalah pendatang dari Benggala India. Di-percayai beliau keturunan Benggali datang ke Melaka sebagai kader British untuk menakluki batiniah orang Melayu melalui agama dengan mengunakan gelaran "Syed" supaya dapat sama setaraf dengan pembe-sar-pembesar (bangsawan) Melayu, khususnya kerabat Di Raja untuk menjalankan taktik muslihat penjajah dari sudut batiniah dan Bri-tish pula menjalankan taktik muslihat dari sudut lahiriah. Tidak hairanlah mengapa Syed Shaaban dapat menjadi menantu Yamtuan Raja Ali ialah cara otomatik dianggap sebagai orang Melayu keturunan bangsawan dengan mendapat hak keistimewaan bangsa Melayu sedangkan mereka lebih berbangga dan mengekalkan identiti bangsa asal mereka. Tan Sri pernah menyarankan Melayu adalah induk dan ibu dari suku-suku Acheh, Batak, Minangkabau, Palembang, Lampong, Sunda, Jawa, Bali, Maluku, Ambon, Bugis, Banjar dan beratus-ratus lagi diselu-ruh nusantara dan kepulauan Indonesia sekarang. Dengan termaktub-nya hak keistimewaan bangsa Melayu didalam Perlembagaan maka ramai orang yang asal-usulnya diragui mengaku sebagai bangsa Melayu un-tuk kepentingan peribadi.

11. Ketibaan Syed Shaaban dibumi Rembau dalam tahun 1825 melalui perkahwinan dengan Tengku Hitam alias Tengku Saemah puteri Yamtuan Raja Ali semasa British memerintah Melaka. Syed Shaaban berkahwin dengan Tengku Hitam bukan terpikat kerana kecantikkan (ini dapat dilihat kepada nama ejekkan 'Hitam' daripada nama sebe-narnya Tengku Saemah) tetapi terpikat kerana Tengku Hitam itu ada-lah anak kepada seorang Pemerintah dan Rembau adalah strategi yang menguntungkan untuk kepentingan peribadinya. Disini lah awal permu-laan Syed Shaaban mengunakan segala peranannya sebagai intelligence (perisik) pihak British untuk muslihat penjajahan. Sedang peranan Syed Shaaban ini berjalan licin tetap diawasi oleh putera tunggal Yamtuan Raja Ali bernama Tengku Ujang bergelar Tengku Panglima Be-sar adik ipar kepada Syed Shaaban. Dalam tahun 1831, Tengku Hitam isteri Syed Shaaban meninggal dunia semasa melahirkan anak. Diwak-tu ini Syed Shaaban merasakan peranannya akan terbantut sekiranya dia tidak lagi mempunyai perhubungan kekeluargaan dengan Yamtuan Raja Ali. Tetapi beliau dapat mengatasi masalah ini iaitu berkahwin ganti-tikar dengan adik iparnya Tengku Lebar. Perkahwinan ini di-tentang oleh Tengku Ujang yang telah mengetahui implikasi dari per-kahwinan itu, ialah untuk kekal berada dalam pemerintahan Yamtuan Raja Ali dan juga untuk mewarisi apabila peluang itu terbuka nanti.

11. Perhubungan Syed Shaaban dengan Tengku Ujang mulai retak dan keduanya curiga-mencurigai antara mereka. Oleh kerana hati Yamtuan Raja Ali telah lebih dahulu ditakluki oleh Syed Shaaban maka adalah amat sukar untuk Tengku Ujang menyinkirkan Syed Shaaban dalam pemerintahan Yamtuan Raja Ali tambahan pula Tengku Ujang adalah lebih muda dari Syed Shaaban. Dalam tahun yang sama 1831, Tengku Ujang berangkat ke Siak dengan tujuan untuk mendapatkan pertolongan dari kerabat Di Raja Siak yang juga seketurunan dengannya. Mengikut catatan cerita dari keturunan saya yang terdahulu, Tengku Ujang ghaib tanpa berita dan setelah disiasat didapati beliau tidak pernah datang ke Siak. Bagi saya, dengan berpandukan wujudnya hubungan buruk Tengku Ujang dengan Syed Shaaban dan pemergian beliau ke Siak adalah bagi mendapatkan bantuan, tambahan pula latarbelakang Syed Shaaban itu pernah melakukan angkara dan jenayah iaitu cuba membunuh dan membakar rumah rumah Penghulu Datuk Nganit serta dihukum enam bulan penjara di Melaka maka adalah dipercayai Tengku Ujang telah mati diserang-hendap oleh Syed Shaaban waktu dalam perjalanan ke Siak melalui sungai Rembau ke kuala sungai Muar. Tengku Ujang meninggalkan dua orang putera yang masih kecil dalam peliharaan isterinya di Rembau.

12. Dalam bulan Julai, 1831 pihak British melancarkan serangan keatas Naning. British gagal dalam serangan pertama ini disebabkan beberapa faktor dan kesilapan taktik perang, tambahan pula Pemerintah Rembau memberi bantuan kepada Naning kerana persahabatan dan hubungan persaudaraan memang telah sedia ada tambahan pula isteri Yamtuan Raja Ali Che Puan Nifah adalah dari Sungai Baru Melaka. Pemerintah Rembau juga berpendapat sekiranya Naning jatuh keselamatan Rembau juga turut terjejas dan terancam.

13. Dalam bulan Mac, 1832 serangan kedua dilancarkan oleh pihak British keatas Naning. Dalam peperangan ini Naning bersendirian dan Pemerintah Rembau terpaksa tidak memberi bantuan kerana menghormati perjanjian Kemerdekaan Rembau dengan British yang telah dimenterai dan ditanda-tangan oleh Yamtuan Raja Ali, Datuk Penghulu dan Ketua-Ketua Suku yang lapan pada 20.1.1832. Persetiaan perjanjian Kemerdekaan dan Persahabatan ini dibuat sebelum Naning diserang itu adalah muslihat British. Malangnya pihak Pemerintah Rembau tidak dapat mengkaji spekulasi rancangan masa hadapan British dari hasil perjanjian itu. Memang tidak dapat dinafikan, Syed Shaaban sahaja yang terlibat membantu British dan membuka rahsia pertahanan Naning iaitu berdasarkan Syed Shaaban tidak tertakluk dalam persetiaan perjanjian itu, tentulah beliau bebas melakukan peranannya kerana sejak dari awal lagi memang itu matlamatnya. Pemerintah Rembau terjebak oleh taktik British, dan kita harus sedar British adalah suatu kuasa besar didunia masa itu tentu penuh dengan pengalaman dan taktik muslihat disetiap segi dan sangat pintar memainkan diplomasi untuk diketahui oleh Yamtuan Raja Ali, Penghulu Datuk Nganit dan Ketua-Ketua Suku khasnya dan rakyat amnya kecuali Syed Shaaban. Akhirnya Naning dapat ditawan dan menjadi kawasan Melaka.

14. Apabila Naning ditawarkan kepada Pemerintah Rembau untuk ditadbirkan, kerajaan Rembau menolak dan British melantik seorang Penguasa untuk mentadbirkan Naning. Untuk melicinkan pentadbiran Naning kerana bersempadan dengan Rembau, maka satu lagi Teriti Sempadan dimenteraikan pada 9.1.1833. Dari sinilah bermulanya Raja Ali mendapat atau dinaikkan gelaran kepada Yamtuan Besar Rembau bagi membolehkan Syed Shaaban diberi gelaran sebagai (timbalan) iaitu Yamtuan Muda. Adakah ini janji sulit British kepada Syed Shaaban atau suatu muslihat untuk menyinkirkan Yamtuan Raja Ali belum pernah

seslapa yang mempertikaikan tetapi yang ternyata Yamtuan Raja Ali telah dituduh melantik dirinya sebagai Yamtuan Besar Negeri Sembilan sedangkan fakta sebenar yang tercatat dalam Teriti bertarikh 9.1. 1833 ialah Yang Dipertuan Besar Rembau. Tan Sri juga sama menuduh dan menulis seperti itu didalam buku "Negeri Sembilan dan Sejarahnya" pada hal Tan Sri pernah dengan lantang menegaskan "Kebenaran Fakta Sejarah tidak boleh dibohongi lagi" apabila ada pihak yang mendakwa Kuala Lumpur dibuka oleh Yap Ah Loy. Tan Sri membantah dan mempertahankan Kuala Lumpur adalah dibuka oleh Raja Abdullah bin Raja Jaafar.

15. Selepas Syed Shaaban mendapat gelaran Yamtuan Muda Rembau, beliau telah mengembangkan sayap dan menunjukkan taringnya dan cuba menjolok sarang tebuan Datuk Muda Linggi Mohd Kattas dan Penghulu Rembau Datuk Nganit. Provokasi yang dibangkitkan oleh Syed Shaaban ini telah membawa malapetaka dan porak-peranda kepada Yamtuan Besar Raja Ali selaku mentuanya cara lansung. Perang Saudara dibumi Rembau meletus diantara Syed Shaaban dengan Datuk Nganit dan Datuk Muda Linggi Kattas serta dibantu oleh Datuk Klana Kawal. Angkatan perang yang diketuai oleh Datuk Nganit berjaya mengusir Syed Shaaban keluar dari Rembau dan terpaksa diikuti oleh mentuanya Yamtuan Besar Raja Ali. Yamtuan Raja Ali berundur ke Lukut dan bukan baginda lari (tafsiran lari ialah kerana takut dan bersalah) sebab perang saudara ini bukan berpunca dari angkara baginda tetapi disebabkan Syed Shaaban menantunya dengan tersendiri baginda turut terlibat sama. Seandainya Syed Shaaban tidak menjadi menantu Yamtuan Raja Ali dan puteranya Tengku Ujang masih hidup nescaya perkembangan politik dan sejarah Rembau tidaklah sedemikian halnya. Apabila keadaan telah reda Yamtuan Raja Ali kembali semula kebumi Rembau dibahagian hujung iaitu di Keru dalam kawasan Tampin sekarang sehinggalah keakhir hayatnya 1850. Fakta kebenarannya memang wujud kerana makamnya berada di Keru tetapi terbiar. Saya telah pun memberi gambar makam ini kepada Tan Sri di Pejabat Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan pada 7.12.1978 sewaktu Tan Sri mempelawa saya datang berjumpa Tan Sri berhubung dengan teguran saya kepada buku karangan Tan Sri berjodol "Negeri Sembilan dan Sejarahnya". (Rujuk Bil. Surat MKBS.DASI.046 bth 22.11.1978 ada kaitan)

16. Syed Shaaban lari untuk menyelamatkan diri arah ke Tampin dalam kawasan Melaka. Syed Shaaban masuk kekawasan Melaka dan meminta perlindungan British adalah disebabkan Teriti-Teriti persetiaan perjanjian dan persahabatan bertarikh 20.1.1832 dan 9.1.1833 berada ditangannya. Pihak British terpaksa menghormati persetiaan itu tetapi British tidak tertakluk memberi bantuan sekiranya berlaku perang saudara di Rembau tambahan pula British baru sahaja mengalami kerugian besar sebanyak £100,000 untuk perbelanjaan dalam perang dengan Naning. Walaupun bagitu British tetap memberi perlindungan Politik kepada Syed Shaaban dengan syarat beliau tidak melakukan apa-apa kegiatan politik semasa berada dalam kawasan British di Melaka. Tetapi sikap Syed Shaaban ini ibarat "Anjing dengan tahi tidak dimakan, mencium hendak juga". Syed Shaaban sentiasa cuba melakukan berbagai-bagai angkara yang mengancam keselamatan dengan tujuan dapat kembali memerintah Rembau. Untuk menghindarkan keadaan buruk berlanjutan yang akan melibatkan British nanti maka pihak berkuasa British menghukum Syed Shaaban enam bulan penjara di Melaka. Selepas itu redalah keadaan dan Syed Shaaban tinggal tetap dalam buangan di Melaka dibawah perlindungan British sehingga keakhir hayatnya dari tahun 1834-1872. Dari fakta ini maka adalah diragui kejujuran Tan Sri manyatakan Syed Shaaban diberi gelaran "Tengku Besar Tampin" oleh British lihat muka 83 paragaraf 5. Kesalahan ini juga dapat ditafsirkan daripada Bab 5, fasal 14(2)

dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan 1959 iaitu pusaka Tunku Besar Tampin adalah dari Tunku Syed Abdul Hamid bin Tunku Syed Shaaban. Perkara ini akan saya ulas kemudian nanti diharap Tan Sri terus membacanya.

17. Selepas Syed Shaaban meninggal dunia dalam tahun 1872, anak lelakinya Syed Abdul Hamid dengan berpandukan Teriti bertarikh 9.1.1833 yang kebetulan berada ditangannya melantik dirinya sendiri sebagai Yamtuan Muda Rembau di Melaka dengan tidak mendapat bantahan dari pihak British. British memang amat pintar memainkan peranannya untuk kepentingan mereka kerana dimasa itu Undang Rembau Datuk Haji Sahil tidak mahu bekerja-sama dan tunduk kepada kehendak British maka adalah sangat berguna bagi British jika Syed Abdul Hamid melantik dirinya sebagai Yamtuan Muda Rembau sudah tentu mendatangkan provokasi dan tentangan dari Undang Rembau Datuk Haji Sahil. Syed Abdul Hamid pergi ke Tampin tetapi dalam kawasan Melaka untuk melancarkan sabotaj terhadap Datuk Haji Sahil. Kesempatan ini digunakan oleh British dengan sebaik-baiknya sehinggalah mengakibatkan trajedi pembunuhan Laksamana Budin orang kuat Syed Abdul Hamid di Tampin dalam kawasan Melaka iaitu dalam tahun 1883. Jerat British sudah mengena, Datuk Haji Sahil menjadi mangsa tuduhan. Kerana pembunuhan itu berlaku dalam kawasan Melaka maka adalah hak kuasa British mengambil tindakan dan Datuk Haji Sahil dituduh dan didakwa dalam pembunuhan ini. Pihak berkuasa British yang bertanggungjawab mengendalikan perbicaraan Datuk Haji Sahil ialah Governor Sir Frederick Weld yang berpangkalan di Singapura. Dalam perjalanan ke Melaka Governor F.Weld singgah di Muar untuk mengadap Maharaja Johor tentang tujuan beliau pergi ke Melaka. Maharaja Johor menitahkan supaya kedua-duanya dipecat iaitu Datuk Haji Sahil dan Syed Abdul Hamid. Dalam tahun yang sama 1883, Datuk Haji Sahil terpecat tetapi Syed Abdul Hamid sebaliknya di beri ganjaran gelaran Tunku Besar Tampin dengan memecahkan Tampin dari Rembau menjadi satu Luak berasingan. Atas alasan apakah, Governor F. Weld tidak menyinkirkan Syed Abdul Hamid malahan diberi pula ganjaran gelaran Tunku Besar Tampin tidak pernah Ahli Sejarah seperti Tan Sri mempersoalkan atau mempertikaikan tetapi bagi saya yang ada kaitannya tetap membongkar dan mendedahkan perkara ini, samada gelora Sejarah silam akan hidup kembali Allah sahaja yang dapat menentukan, tetapi ternyata Tampin pernah menempa satu tragedi sejarah dizaman kita ini dalam tahun 1982.

18. Saya percaya, Tan Sri (waktu itu Datuk) sebagai Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan tentu tidak lupa diatas teguran saya terhadap buku "Negeri Sembilan dan Sejarahnya" yang tidak tepat dan mengelirukan iaitu tanpa mengikut fakta sejarah tentang perjalanan sejarah Rembau berkenaan Yamtuan Raja Ali dengan menantunya Syed Shaaban. Dari teguran saya melalui surat-surat bertarikh 11.5.1978, 14.6.1978, 2.11.1978 dan 4.12.1978 dan akhirnya Tan Sri mempelawa saya datang ke Pejabat untuk menunjukkan bukti iaitu berupa surat-surat Teriti/Dokumentasi, Buku Sejarah, Ilustrasi dan Risalah. Saya bersama dengan tiga orang abang saya datang berjumpa Tan Sri di Pejabat Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan pada hari Khamis 7.12.1978 mulai dari pukul 1050-1235 telah berbincang dengan panjang lebarnya dengan Tan Sri. Dalam perbincangan itu Tan Sri tidak ada memberi tentangan diatas huraian saya berkenaan Sejarah Yamtuan Raja Ali dengan menantunya Syed Shaaban malahan Tan Sri mengakui kebenaran kata-kata saya dan saya masih terdengar-dengar Tan Sri memberi komen tentang banyaknya kepalsuan dan kepura-puraan untuk kepentingan peribadi dan menyalahkan orang-orang tertentu tetapi malangnya saya tidak membawa bersama pita rakaman maka tidaklah dapat saya buktikan, lagi pun kedatangan saya empat beradik adalah dengan jujur dan ikhlas bukan untuk memerangkap Tan Sri.

19. Memadailah setakat ini sahaja, sebab jika saya huraikan dengan terperinci perkembangan Sejarah Almarhum Yamtuan Raja Ali dangan menantunya Syed Shaaban sehingga kegenerasi mereka sekarang tentulah memakan halaman yang banyak. Tan Sri telah sedia maklum bahawa kami dari keturunan baka Almarhum Yamtuan Raja Ali sehingga kesaat ini adalah memperjuangkan Hak Kedaulatan Warisan/Pusaka Asasi kami yang telah disalah berikan kepada keturunan Syed Shaaban. Saya harap Tan Sri mengikuti membacanya setiap salinan surat-surat Tuntutan kami yang telah dan akan dihantar kepada Tan Sri sebagai maklumat. Terpulanglah kepada Tan Sri menilainya tetapi yang pasti saya tetap memperjuangkan selagi wujud, termaktub dan berkuatkuasa dalam Perlembagaan, Undang-Undang Tubuh Negeri Sembilan khasnya dan Tanah Melayu amnya bahawa Hak Kedaulatan Warisan/Pusaka Asasi Raja-Raja, Ketua-Ketua Datuk Adat Lembaga dan Hak Istimewa Bangsa Melayu masih dilingdungi dan dipertahankan yakni sejajar dengan dasar Kerajaan, Nilai-nilai perjuangan Kemerdekaan, Perlembagaan, Undang-Undang Tubuh Negeri Sembilan, Adat Lembaga, Tradisi, Rukun Negara dan Agama Islam.

20. Sekian, saya sudahi dengan salam hormat serta mengucapkan Wabillahi taufiq Wal-hidayah. Terima kasih

Yang Ikhlas

(RAJA MOHD. YUSOF B RAJA OTHMAN)

Salinan kepada:-

Duli Yang Maha Mulia,
Yang DiPertuan Besar,
NEGERI SEMBILAN.

Yang Teramat Mulia,
Undang Luak Rembau,
NEGERI SEMBILAN.

Yang Amat Berhormat,
Perdana Menteri,
MALAYSIA.

Yang Amat Berhormat,
Menteri Besar,
NEGERI SEMBILAN.

Yang Amat Berhormat,
Ketua Menteri,
MELAKA.

Yang Berhormat,
Menteri Penerangan,
MALAYSIA.

...8/-

Yang Berbahagia,
Ketua Pengarah,
Arkib Negara Malaysia,
KUALA LUMPUR.

Yang Berbahagia,
Setiausaha,
Dewan Keadilan dan Undang,
NEGERI SEMBILAN.

Yang Amat Mulia,
Datuk Naning,
MELAKA.

Yang Amat Mulia,
Datuk Muda Linggi,
NEGERI SEMBILAN.

Yang Berhormat,
En. Omar bin Abdullah,
Ahli Parlimen Tampin,
NEGERI SEMBILAN.

Tuan Yang Terutama,
Perusuruhjaya Tinggi British,
KUALA LUMPUR.

Yang Berbahagia,
Tan Sri Datuk Haji Mubin Sherppard,
7C Cres CT Brickfields,
KUALA LUMPUR.

Yang Arif,
Prof. Khoo Khay Kim,
Dekan Fakulti Sejarah,
University Malaya,
KUALA LUMPUR.

Yang Arif,
Prof. Madya Dr. Mohd Yusof Hashim,
Ketua Jabatan Sejarah,
University Malaya,
KUALA LUMPUR.

Yang Berbahagia,
Ketua Pengarang,
Kumpurlan Akhbar Watan (KJ) Sdn. Bhd.
Taman Tun Dr. Ismail,
KUALA LUMPUR.

"Dikepilkan bersama surat kepada Tan Sri Datuk Abdul Samad Idris" bertarikh -12-September, 1985 parageraf 7 ada kaitan.

DIPETIK DARI AKHBAR BERITA HARIAN
KELUARAN JUMAAT - 23.8.1985.

# Tolak ansur kerana perpaduan, kata Tunku

JITRA, Khamis — Umno menerima dasar kerakyatan 'Jus Soli' yang memberi taraf kerakyatan kepada kira-kira sejuta orang bukan Melayu ketika rundingan mendapat kemerdekaan dahulu atas tekanan British, kata bekas Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj hari ini.

"Jika Umno tidak menerima syarat itu, Kerajaan British tidak mahu memberi kemerdekaan kepada Malaya dan kami berbincang hangat dan panjang lebar dalam Umno mengenai isu itu," kata Tunku selepas memberi ceramah mengenai 'Perjuangan Ke Arah Kemerdekaan' di Universiti Utara Malaysia (UUM) dekat sini.

"Apa yang boleh kita buat selain menerima syarat itu, kalau tidak kita tidak dapat kemerdekaan," katanya.

Tunku berkata, Perikatan yang sepatutnya memberi lima kerusi Parlimen sahaja kepada MCA dan MIC dalam pilihanraya tahun 1955 telah memberi 17 kerana ingin kan perpaduan.

## Memenangi

Begitu juga dalam pilihanraya tahun 1959, Umno berselisih faham dengan MCA di bawah pimpinan Dr Lim Chong Eu (Ketua Menteri Pulau Pinang) kerana Dr Lim mahukan 32 kerusi untuk partinya.

Kata Tunku, Perikatan sebaliknya memberi 29 kerusi kepada MCA dan Dr Lim keluar daripada parti itu diikuti oleh beberapa orang pemimpin lain.

"MCA kemudian dipimpin oleh Tun Tan Siew Sin dan memenangi banyak kerusi sementara Dr Lim dan pengikutnya, kecuali Dr Lim menang hanya satu kerusi Parlimen di Pulau Pinang," jelas Tunku.

Kira-kira 300 mahasiswa dan pensyarah UUM mengikuti ceramah Tunku itu.

Dalam ceramahnya Tunku menegaskan, generasi sekarang dan akan datang perlu mengekalkan perpaduan antara mereka bagi menjamin kemerdekaan negara.



● TUNKU A. RAHMAN

"Semua pihak perlu berusaha menjaga perpaduan antara pelbagai kaum di negara ini bagi menikmati keadaan hidup aman damai dan muhibah," tegasnya.

Beliau juga menyeru semua pihak supaya berusaha mengelakkan perbalahan sesama sendiri serta mengamalkan sikap tolak-ansur bagi mengekalkan perpaduan sekarang.

Menurut Tunku, jika semua rakyat bersatu padu dan menunjukkan taat setia yang tidak berbelah bagi, mereka dapat kebahagiaan dan kemakmuran yang lebih bermakna.

Bapak Malaysia itu juga menegaskan, bahawa generasi sekarang dan akan datang perlu sedar dan menghargai perjuangan serta pengorbanan pemimpin-pemimpin silam yang berjaya menuntut kemerdekaan.

## Perpaduan

Katanya, hasil pakatan dan perpaduan antara tiga kaum yang terbesar di negara ini, negara mencapai kemerdekaan daripada penjajah Inggeris.

Tunku juga menasihatkan generasi muda sekarang supaya jangan berputus asa untuk berusaha mengekalkan perpaduan pelbagai kaum di negara ini.

Katanya, mereka mesti memberi perhatian dan tumpuan kepada usaha memelihara kemerdekaan negara dan kehidupan rakyat aman damai di negara ini.

Jumaat
23/8/85 B/Harian



TUNKU BESAR TAMPIN

# Tidak ada krisis di Tampin: Tunku Syed Idrus

KEDUDUKAN serta perjalanan Adat Perpatih di Wilayah Tunku Besar Tampin berlainan sedikit dengan lain-lain luak di negeri ini dan sehingga kini masih belum ada kekecohan yang berlaku dalam wilayah ini.

Tunku Besar Tampin, Tunku Syed Idrus Al-Qadri sewaktu ditemui berkata: "Sejak saya memegang jawatan Tunku Besar pada November 1954, tidak ada sebarang krisis adat berlaku di wilayah ini."

Menurut beliau kekecohan yang berlaku di Luak Johol dan Sungei Ujong sekarang adalah disebabkan kebanyakan mereka yang terbabit tidak tahu secara mendalam konsep serta aturan adat yang sebenar.

Apabila berlaku sesuatu kekosongan jawatan Undang katanya, ramai yang mendakwa berhak menyandang jawatan itu sementara Datuk-Datuk Lembaga pula mendakwa merekalah yang berkuasa melantik Undang yang baru.

"Oleh kerana berlakunya perebutan maka pelbagai cara dan tipu-helah telah digunakan sehingga mengorbankan kesucian adat itu sendiri," jelas beliau.

Mengenai jawatan Tunku Besar Tampin, beliau berkata, tidak timbul sebarang krisis kerana jawatan itu diwartakan dalam Perlembagaan Negeri Sembilan iaitu ia mesti disandang oleh anak lelaki dari zuriat Syed Hamid.

Mengenai perjalanan adat di Wilayah Tunku Besar beliau menambah di wilayahnya ada empat orang Penghulu Pesaka iaitu Penghulu Pesaka Tampin Tengah, Penghulu Pesaka Repah, Penghulu Pesaka Keru dan Penghulu Pesaka Pendol.

Datuk-Datuk Penghulu Pesaka inilah yang mentadbirkan perjalanan adat di kawasan masing-masing dan jika timbul sebarang masalah merekalah yang berhak menyelesaikannya.

Andaikata masalah itu tidak dapat diselesaikan oleh mereka, Penghulu Pesaka boleh merujukkan perkara itu kepada Tunku Besar Tampin untuk mendapatkan nasihat.

Di samping itu juga, pembesar-pembesar istana serta Penghulu-Penghulu Pesaka selalu mengadakan perjumpaan bagi membincangkan masalah-masalah adat serta bertukar fikiran bagi menjalan dan mengukuhkan adat yang 'tak lapuk dek hujan dan

Raja Mohd. Yusof bin Raja Othman,
37, Kampung Sentosa,
43500 Semenyih,
SELANGOR.

13 hb. Januari, 1986

Yang Berbahagia,
Tan Sri Datuk Abdul Samad Idris,
No. 19 Lorong Gurney,
Jalan Gurney,
54100 KUALA LUMPUR.

Y.Bhg Tan Sri,

Perkara:- BUKU MERDEKA - MELAKA TEMPA SEJARAH

Saya, adalah dengan segala hormatnya ingin merujuk kepada surat saya bertarikh 12 September, 1985 berkenaan perkara diatas yang diposkan cara berdaftar kepada Tan Sri dan disamping itu diikuti dengan satu kenyataan dalam akhbar Berita Harian bertarikh 21hb. Nobember, 1985 berkaitan perkara yang sama, malangnya sehingga sekarang tidak ada reaksi dan penjelasan dari Tan Sri.

2. Memandangkan masa yang bagitu lama iaitu telah empat bulan, seolah-olah Tan Sri tidak mahu mengakui kesilapan itu dan sebagai seorang Negarawan dan Kenamaan sepatutnya Tan Sri bertanggungjawab untuk memberi penjelasan diatas sebarang perkara yang dilakukan lebih-lebih lagi apabila berbuatan itu mendatangkan fitnah dan pencemaran kepada orang lain.

3. Dari sikap Tan Sri ini bolehlah diibaratkan baling batu sembunyikan tangan, kono tang labo dipojamkan dan kono tang porut dikompehkan. Sekiranya perkara seperti ini berlaku kepada bangsa di Negara lain nescaya akan mencetuskan peristiwa yang tidak diingini.

4. Disini ingin saya mempertikaikan kewibawaan Tan Sri dan juga pihak-pihak yang berkenaan diatas apa yang dikata tidak serupa yang dibuat, kerana sebagai pemimpin kebangsaan dalam UMNO dan Kerajaan, Tan Sri dengan lantang dan terbuka adalah anti-imperialis yang berjuang untuk menegak dan mempertahankan Kebenaran, Hak dan Maruah bangsa dari belenggu dan cengkaman Penjajah serta konco-konconya sehingga keperingkat antarabangsa, padahal berterusan menjunjung dan mengekalkan identiti dan warisan Penjajah iaitu gelaran 'Tunku Besar Tampin' ciptaan Gabenor Frederick Weld sehingga ke Lord Reid yang terang-terang bertentangan dengan nilai, semangat dan maruah kemerdekaan Tanah Melayu dan dasar UMNO yang Tan Sri anuti. (Bersama ini dikepilkan fotostat keratan akhbar Beriata Harian, keluaran hari Selasa 19 Oktober, 1982 untuk renungan)

5. Sebagai seorang ahli sejarah Tan Sri melakukan penyelewengan fakta sejarah warisan saya Almarhum Yamtuan Muda Raja Ali Rembau/Tampin yang terang-terang bertentangan dengan sikap dan pendirian Tan Sri iaitu "Sejarah tidak boleh dibohongi lagi" ketika Tan Sri (waktu itu Datuk dan Menteri) membentangkan kertaskerja bertajuk "Kedudukkan dan peranan belia dalam Wilayah Persekutuan" dikonvensyen Badan Perhubungan UMNO Wilayah Persekutuan pada hari Sabtu 10 Mei, 1980.

6. Saya harap Tan Sri sedar dan bertanggungjawab untuk membetulkan kesilapan tersebut supaya kebenaran fakta sejarah itu tidak terkeliru iaitu sejajar dengan saranan Tan Sri "Akibat sikap telunjuk lurus kelengkeng berkait orientalis baratlah, kebenaran fakta sejarah gemilang itu diputarbelitkan. Dan kita pula semacam merelakan penerimaan sejarah yang keliru itu."

7. Demikianlah saya maklumkan, semoga Tan Sri menyedari hakikat ini demi maruah bangsa Melayu yang beradab maka adalah dituntut supaya Tan Sri mengambil tindakan sewajarnya untuk membuangkan yang batil dan mengantikan yang hak.

Sekian, saya sudahi dengan salam hormat serta mengucapkan Wabillahi taufiq Wal-hidayah. Terima kasih

Yang Ikhlas

.........................................
(RAJA MOHD. YUSOF bin RAJA OTHMAN)

Salinan kepada:-

Duli Yang Maha Mulia,
Yang DiPertuan Besar,
NEGERI SEMBILAN.

Yang Teramat Mulia,
Undang Luak Rembau,
NEGERI SEMBILAN.

Yang Teramat Mulia,
Undang Luak Jelebu,
NEGERI SEMBILAN.

Yang Teramat Mulia,
Undang Luak Johol,
NEGERI SEMBILAN.

Yang Amat Berhormat,
Perdana Menteri,
MALAYSIA.

...3/-

Yang Amat Berhormat,
Menteri Besar,
NEGERI SEMBILAN.

Yang Amat Berhormat,
Ketua Menteri,
MELAKA.

Yang Berhormat,
Menteri Penerangan,
MALAYSIA.

Yang Berbahagia,
Setiausaha,
Dewan Keadilan dan Undang,
NEGERI SEMBILAN.

Yang Berbahagia,
Ketua Pengarah,
Arkib Negara Malaysia,
KUALA LUMPUR.

Yang Amat Mulia,
Datuk Naning,
MELAKA.

Yang Amat Mulia,
Datuk Muda Linggi,
NEGERI SEMBILAN.

Yang Berhormat,
En. Omar bin Abdullah,
Ahli Parlimen Tampin,
NEGERI SEMBILAN.

Tuan Yang Terutama,
Pesuruhjaya Tinggi British,
KUALA LUMPUR.

Yang Berbahagia,
Tan Sri Datuk Haji Mubin Sherppard,
7C Cres CT Brickfields,
KUALA LUMPUR.

Yang Arif,
Prof. Khoo Khay Kim,
Universiti Malaya,
KUALA LUMPUR.

Yang Arif,
Prof. Madya Dr. Mohd Yusof Hashim,
Universiti Malaya,
KUALA LUMPUR.

Yang Berbahagia,
Ketua Pengarang,
Berita Harian,
KUALA LUMPUR.

Yang Berbahagia,
Ketua Pengarang,
Kumpulan Akhbar Watan (KJ) Sdn. Bhd.,
KUALA LUMPUR.

KERATAN
BERITA HARIAN — KELUARAN
HARI SELASA :- 19hb. OKTOBER, 1982

# Umno mahu 'daulatkan' orang Melayu

KUALA LUMPUR, Isnin — Seseorang yang ingin menyertai UMNO harus didorong oleh keinsafan bahawa parti itu berjuang untuk 'mempertuankan' orang Melayu di tanahair mereka sendiri.

Ketua Penerangan UMNO Malaysia, Datuk Hussin Ahmad, menegaskan, penjajahan yang silih berganti yang dialami oleh negara sebelum merdeka mesti menyedarkan orang Melayu tentang perlunya 'mendaulatkan' diri mereka.

Katanya, orang Melayu tidak harus mengabaikan tanggungjawab politik.

Datuk Hussin berucap di majlis dialog dengan kira-kira 150 orang pemimpin dan ahli 16 buah Cawangan UMNO Bahagian Kepung di Ibu Pejabat UMNO di sini, hari ini.

Beliau memuji usaha bahagian itu mengadakan pertemuan tersebut kerana katanya, pihaknya juga sedang mengaturkan penerangan terutamanya tentang mesej ucapan-ucapan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di perasmian Persidangan Perwakilan Agung UMNO dan di Bangsa-Bangsa Bersatu, baru-baru ini.

Turut akan ditekankan dalam penerangan itu ialah ucapan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam di Persidangan Perwakilan Pemuda dan Wanita MCA.

Soal-soal lain ialah mengenai kedudukan ekonomi negara dalam keadaan ekonomi dunia yang meleset sekarang, dasar *pandang ke timur* dan pentingnya ahli UMNO mengembalikan semangat perjuangan tulen.

Mengenai konsep *pandang ke timur*, beliau berkata, ia juga boleh dimengertikan sebagai memandang diri sendiri sejajar dengan kehendak Islam 'mengenal diri sendiri sebelum mengenal Tuhan'.

Datuk Hussin juga menarik perhatian tentang kecelakaan yang menimpa kaum Champa di Kampuchea dan Palestin di Asia Barat yang menurutnya ditimpa malapetaka kerana mengabaikan tanggungjawab politik. — *Bernama.*

KERATAN BERITA HARIAN - m/s 5
KHAMIS 21 NOVEMBER, 1985

21/11/1985

# Fakta buku tidak tepat?

SEREMBAN, Rabu — Keturunan Baka Yam Tuan Muda Raja Ali Rembau/Tampin hari ini mempertikaikan beberapa fakta dalam buku *Melaka Tempa Sejarah* yang diterbitkan sempena Hari Kebangsaan baru-baru ini.

Buku oleh Tan Sri Abdul Samad Idris itu dikatakan mengandungi fakta-fakta yang tidak tepat berhubung sejarah warisan keturunan beliau.

Seorang keturunan baka berkenaan, Raja Mohd Yusof bin Raja Othman berkata antara fakta yang tidak tepat ialah di muka surat 73 dan 83 buku berkenaan.

Katanya, di muka surat 73 dinyatakan "orang yang bertanggungjawab membantu Inggeris menyerang Naning ialah Raja Ali yang menggelarkan dirinya Yam Tuan Muda Rembau bersama menantunya Syed Shaaban.

Punca perbalahannya ialah krisis antara Syed Shaaban dan Datuk Muda Linggi. Dalam krisis ini Syed Shaaban meminta pertolongan dari Undang Luak Rembau Datuk Nganit, tetapi Datuk Nganit enggan menolongnya".

"Menurut Raja Mohd Yusof, ayat ini mengelirukan kerana yang berkrisis dengan Datuk Muda Linggi ialah Syed Shaaban dan kenapa pula Yam Tuan Muda Ali dikaitkan.

## Penjara

Di samping itu, katanya, perbalahan itu berlaku dengan pihak Linggi.

Dalam muka surat yang sama juga ada tercatat "Raja Ali lari ke Lukut, manakala Syed Shaaban menuju ke Tampin. Dengan pertolongan Inggeris, Syed Shaaban kemudiannya dilantik menjadi Tunku Besar Tampin. Jawatan itu dikekalkan hingga sekarang kepada keturunan beliau".

Menurut Raja Mohd Yusof, yang dilantik oleh Inggeris sebagai Tunku Besar Tampin ialah anaknya, Syed Abdul Hamid pada tahun 1883.

"Syed Shaaban tidak pernah menjadi Tunku Besar Tampin sehingga akhir hayatnya," tegas beliau lagi.

Katanya, Syed Shaaban meninggal dunia dalam buangan di Melaka pada tahun 1872. Syed Shaaban juga pernah dihukum enam bulan penjara di Melaka oleh Inggeris kerana kegiatannya untuk berkuasa kembali di Rembau.

Dalam Bab 5 Fasal 14(2) Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan 1959, katanya, tercatat pesaka Tunku Besar Tampin adalah dari Tunku Syed Abdul Hamid bukan Syed Shaaban.

"Oleh kerana fakta yang salah begini, secara tidak langsung pihak pengkaji sejarah menolak hak sah kepada keturunan baka Yam Tuan Muda Ali sebagai pemerintah Luak Tampin," tegas beliau.

Ini jelas pada muka surat 82 dinyatakan Yam Tuan Muda Ali tidak pernah berkrisis dengan mana-mana pihak terutamanya pentadbir Rembau pada waktu itu, Datuk Bogok sehingga ke zaman Datuk Nganit.

## Menantu

"Kedudukan Yam Tuan Muda Ali menjadi porak-peranda adalah disebabkan angkara menantunya Syed Shaaban," jelas beliau lagi.

Oleh kerana itulah, kata beliau, Yam Tuan Muda Ali mengundur diri ke Lukut untuk mengelakkan Peperangan Saudara antara Syed Shaaban dgn Datuk Nganit dan Datuk Muda Linggi.

"Selepas perang saudara itu Yam Tuan Muda Ali kembali ke bumi Rembau iaitu di Keru, Tampin tetapi tidak Syed Shaaban," katanya.

Di muka surat 83 ada tercatat "Sementara Raja Ali dan Syed Shaaban memberi sokongan kepada Inggeris sudah tentu mempunyai kemampuan untuk menyingkirkan Undang Rembau".

Menurut Raja Mohd Yusof, tidak timbul Yam Tuan Muda Ali menyingkirkan Datuk Nganit kerana antara keduanya tidak berlaku perselisihan faham malah Datuk Nganit merestui kedudukan Yam Tuan Muda Ali.

Catatan "Mahu tidak mahu Raja Ali dan Syed Shaaban terpaksa menentang Datuk Nganit bersendirian adalah tidak betul," tegas beliau lagi.

Menurut Raja Mohd Yusof, beliau menghubungi Tan Sri Abdul Samad Idris mengenai kesilapan fakta ini melalui surat bertarikh 12 September lalu tetapi sehingga kini tidak ada apa-apa penjelasan diberi.

Berita Harian Khamis 21/11/85

?

"Surat bth 15.1.86 ada kaitan"

RAJA MOHD. YUSOF BIN RAJA OTHMAN,
No. 37, Kampung Sentosa,
43500 Semenyih,
SELANGOR.

---

24 hb. Mac, 1986

Kebawah Duli Yang Maha Mulia,
Yang Di Pertuan Besar,
NEGERI SEMBILAN.

Yang Teramat Mulia,
Datuk Klana Petra,
Undang Luak Sungai Ujong,
NEGERI SEMBILAN.

Yang Teramat Mulia,
Datuk Mendika Menteri Akhirulzaman,
Undang Luak Jelebu,
NEGERI SEMBILAN.

Yang Teramat Mulia,
Datuk Pahlawan Lela Perkasa Sitiawan,
Undang Luak Johol,
NEGERI SEMBILAN.

Yang Teramat Mulia,
Datuk Sedia Raja,
Undang Luak Rembau,
NEGERI SEMBILAN.

Yang Amat Mulia,
Datuk Shahbandar,
Luak Sungai Ujong,
NEGERI SEMBILAN.

Yang Amat Berhormat,
Datuk Menteri Besar,
NEGERI SEMBILAN

Yang Berhormat,
Menteri Penerangan,
MALAYSIA.

Yang Berbahagia,
Ketua Pengarah,
Arkib Negara Malaysia,
MALAYSIA.

Perkara:- Surat Tuntutan Hak Kedaulatan Warisan/Pusaka Asasi Almarhum Yam Tuan Muda/Besar Raja Ali-Rembau/Tampin bertarikh 27hb. Disember, 1982

Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah lagi Yang Maha Mengasihani, bahawa kami Raja Arif, Raja Ahzan, Raja Abdul Hamid dan Raja Mohd. Yusof dari keturunan baka Almarhum Yam Tuan Muda/Besar Raja Ali - Rembau/Tampin 1812-1850, adalah dengan takzimnya menyusulkan surat Tuntutan ini sebagai lanjutan kepada surat Tuntutan kami bertarikh 27hb. Disember, 1982 yang telah tiga tahun lebih tidak mendapat

...2/-

apa-apa reaksi dari Dewan Keadilan dan Undang, Kerajaan Negeri Sembilan dan Pihak-pihak berkuasa yang berkenaan. Walaupun kami dengan tegas menekankan iaitu setiap jawapan yang diberikan kepada kami sejak tuntutan ini dikemukakan cara rasmi pada tahun 1946 sehingga kesaat ini adalah terkeluar dari prinsip-prinsip keadilan yakni bertentangan dengan nilai, semangat dan maruah perjuangan kemerdekaan Tanah Melayu untuk menegakkan kembali Hak kedaulatan bangsa Melayu, Negara dan Agama Islam.

2. Adalah sangat menghairankan diatas amalan, sikap dan tindakan Dewan Keadilan dan Undang serta Kerajaan Negeri Sembilan khususnya dan Pihak-pihak berkuasa yang berkenaan amnya, sengaja mendiamkan diri terhadap kebenaran Tuntutan kami sedangkan fungsi Dewan Keadilan dan Undang itu adalah untuk Keadilan, melindung, menegak dan menentukan kesahihan Hak kedaulatan Warisan/Pusaka Asasi, Adat Lembaga dan Hal Ehwal Adat Istiadat bangsa Melayu dan dasar Kerajaan pula untuk membela, memperjuang dan mempertahankan kebenaran, maruah, bangsa, negara dan agama. Adalah jelas kerajaan khasnya dan rakyat amnya sentiasa bersuara dan bertindak bagi melaksanakan hakiki diatas daripada pencerobohan, pencabulan, penjajahan, penindasan, penyelewengan dan setiap berbuatan yang cemar sehingga keperingkat antarabangsa, maka tidak ada sebab mengapa kebenaran Tuntutan kami dizalimi dan diabaikan. Adakah kami dikehendaki menyelesaikan sendiri hakikat ini dengan cara berperang seperti dizaman keagungan Pemerintahan Melayu dahulu?.....

3. Sekiranya dizaman Malaysia merdeka dikurun 19-20 ini terdapat adanya agen-agen dan talibarut Komunis menyerap didalam kepimpinan Kerajaan melalui UMNO seperti Abdullah Ahmad dan Sidiq Ghouse, maka dizaman kemerdekaan Rembau/Tampin dikurun 18-19 terdapat pula agen-agen dan talibarut Penjajah seperti Syed Shaaban dan Syed Abdul Hamid menyerap didalam Pemerintahan Melayu melalui agama dan perkahwinan mengunakan taktik telunjuk lurus, kelenkeng berkait. Oleh kerana pengalaman serta daya pemikiran bangsa Melayu dizaman itu terhad dan tidak sebijak masa kini, maka taktik yang dilakukan oleh pendatang Syed Shaaban dan Syed Abdul Hamid tidak dapat dikesan dan diselami oleh bangsa Melayu yang terkenal mempunyai budi pekerti yang mulia dan kepercayaan yang tulus ikhlas telah mendatangkan keuntungan kepada mereka (pendatang luar) iaitu kekal sampai sekarang menekmati kedudukan istimewa Hak Kedaulatan Warisan/Pusaka Asasi bangsa Melayu yang terang-terang bertentangan dengan nilai, semangat dan maruah perjuangan kemerdekaan Tanah Melayu.

4. Walaupun Tanah Melayu telah sekian lama Merdeka dari kuasa belenggu penjajah Inggeris tetapi gelaran 'Tunku Besar Tampin' ciptaan penjajah Gabenor Frederick Weld untuk konconya Syed Abdul Hamid masih dilindungi oleh Dewan Keadilan dan Undang serta Kerajaan Negeri Sembilan padahal mereka mengatahui wujudnya gelaran Di Raja itu adalah dari pencabulan Hak Kedaulatan Warisan/Pusaka Asasi bangsa Melayu iaitu Almarhum Yam Tuan Raja Ali, Datuk Penghulu dan Ketua-ketua Suku yang berasaskan Teriti-teriti bertarikh 5.6.1819, 30.11.1831, 20.1.1832 dan 9.1.1833 tetapi sengaja dicampur-aduk dan diputarbelitkan sepertimana maksud ayat Al-Quran "Mengapa kamu campur-adukkan Kebenaran dengan Kepalsuan dan kamu sembunyikan Kebenaran, padahal kamu mengatahuinya". -Ali Imran: 71-

5. Disini kami menarik perhatian khususnya Dewan Keadilan dan Undang serta Kerajaan Negeri Sembilan dan amnya Pihak-pihak berkuasa yang berkenaan iaitu Arkib Negara Malaysia telah mengambil tindakan membetulkan kesilapan fakta Sejarah Almarhum Yam Tuan Raja Ali terhadap 'Perjanjian Kemerdekaan Rembau' yang dimasyhurkan dalam buku Hari ini dalam Sejarah, jilid 1 halaman 83-86. Pembetulannya telah dibuat dan dimuatkan dalam halaman khas jilid 11 (sila rujuk HIDS jilid 1 dan 11 untuk kepastian) adalah tindakan yang berasaskan kebenaran yang telah kami buktikan kepada pihak Arkib Negara Malaysia. Walaupun Arkib Negara telah membetulkan kesilapan itu hanya sekadar tentang fakta sejarahnya sahaja, tetapi bagaimana pula tentang Hak Kedaulatan Warisan/Pusaka Asasi yang berasaskan perjanjian itu dicabul, dikhianat dan diselewengkan untuk diberikan kepada yang tidak berhak keturunan Syed Shaaban. Sekiranya fungsi Dewan Keadilan dan Undang serta dasar Kerajaan Negeri Sembilan itu berlandaskan hukum-hukum Allah maka adalah menjadi kewajiban dan tanggungjawab untuk patuh dan tunduk kepada kebenaran dan keadilan yakni selaras dan sejajar termaktubnya Agama Islam itu didalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan, 1959 bab 2, fasal 5 khasnya dan Perlembagaan Tanah Melayu amnya.

6. Jangan dianggap Tuntutan Hak Kedaulatan Warisan/Pusaka Asasi kami ini sebagai permohonan dan permintaan untuk mendapatkan kawasan Balak, Lombong, Perumahan dan sebagainya untuk kepentingan peribadi, tetapi ini adalah soal Hak, Pusaka/Harta, Maruah, Bangsa, Negara dan Agama yang kita semua maklum untuk tujuan ini kita sanggup, rela dan sedia berjuang serta berkorban. Fakta sejarah membuktikan bahawa kewibawaan Almarhum Yam Tuan Raja Ali, Datuk Penghulu dan Ketua-ketua Suku adalah Pemimpin-pemimpin Melayu dizaman keagungan Pemerintahan Melayu yang dapat memerdekakan, menegakkan, mempertahankan Kedaulatan Hak, Maruah, Bangsa, Negara dan Agama di Rembau/Tampin dari kuasa belenggu, cengkaman dan penaklukkan penjajah-penjajah Belanda dan Inggeris, tetapi dengan menyerapnya agen-agen dan talibarut iaitu pendatang luar Syed Shaaban dan anaknya Syed Abdul Hamid sebagai musang berbulu ayam atau musuh dalam selimut maka tergugat serta porak-peranda kestabilan politik bangsa Melayu. Tidak payahlah kami menghurai dan menyebutnya disini dengan terperinci, kerana kami percaya jika Ahli-ahli Dewan Keadilan dan Undang serta Kerajaan Negeri Sembilan dan Pihak-pihak berkuasa yang berkenaan meneliti dengan cermat, ikhlas dan jujur soal ini, maka kebenaran itu akan terdedah sendiri.

7. Rujuk surat Tuntutan kami bertarikh 27hb. Disember, 1982 paragraf 5, kami menggariskan tujuh faktor atau sebab utama yang kami tetap menuntut dan memperjuangkan Hak Kedaulatan Warisan/Pusaka Asasi kami sehingga berjaya dan disini pula kami gariskan lapan sebab utama bahawa gelaran 'Tunku Besar Tampin' yang disandang oleh keturunan Syed Abdul Hamid a/l Syed Shaaban adalah tidak Sah iaitu:-

(a) Bahawa setiap gelaran Di Raja yang wujud di Rembau/Tampin khasnya dan di Negeri Sembilan amnya adalah Hak Kedaulatan Warisan/Pusaka Asasi bangsa Melayu yakni keturunan Raja bukan Syed pendatang dari luar kawasan Nusantara.

(b) Bahawa setiap gelaran Di Raja yang berkuatkuasa mestilah mempunyai asas yang sahih disisi hukum/peraturan Adat Lembaga yakni berasal-usulkan bangsa Melayu jati dari keturunan Pemerintah sebagai Raja dizaman keagungan Pemerintahan Melayu dahulu (sebelum Penjajah) selaras dengan fasal XVI, Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan, 1959 dan nilai, semangat dan maruah perjuangan Kemerdekaan Tanah Melayu.

(c) Bahawa gelaran Tunku Besar Tampin yang diberikan kepada Syed Abdul Hamid a/l Syed Shaaban adalah ciptaan Penjajah Inggeris (Gabenor Sir Frederick Weld) tanpa mengikut tuntutan Adat Lembaga, Adat Istiadat dan Tradisi Bangsa Melayu purbakala yang bersendikan hukum Islam.

(d) Bahawa Kuasa gelaran Tunku Besar Tampin itu adalah berdasarkan Hak Kedaulatan Warisan/ Pusaka Asasi bangsa Melayu Almarhum Yam Tuan Raja Ali, Datuk Penghulu dan Ketua-Ketua Suku serta Adat Lembaga berasaskan Teriti bertarikh 20.1.1832.

(e) Bahawa gelaran Tunku Besar Tampin itu tidak pernah dilakukan perlantikan dan pertabalan cara Adat dan Tradisi bangsa Melayu dengan rasmi sebagai Pemerintah/Ketua bertaraf Raja.

(f) Bahawa latar-belakang leluhur Tunku Besar Tampin itu adalah petualang dan talibarut Penjajah Inggeris untuk memecah-belahkan keutuhan perpaduan bangsa Melayu dibumi Rembau/ Tampin, Linggi dan Naning dalam beberapa peristiwa bersejarah.

(g) Bahawa leluhur Tunku Besar Tampin iaitu Syed Shaaban bersikap oportunis sebagai gergaji dua mata untuk kepentingan Penjajah Inggeris dan dirinya iaitu:-

i. menjadi agen dan pengakap pihak Inggeris untuk maksud penjajahan dalam Perang dengan Naning.

ii. tindak-tanduknya mengakibatkan Perang Saudara dibumi Rembau, Tampin dan Linggi.

iii. melakukan Jenayah iaitu membakar rumah Penghulu Datuk Nganit serta cuba membunuhnya.

iv. dihukum enam bulan penjara di Melaka diatas tindak-tanduknya yang mengancam keselamatan rakyat dan negara.

v. menyerahkan segala alat-alat Kebesaran Kerajaan Rembau kepada pihak Penjajah Inggeris untuk muslihat kepentingan peribadinya.

vi. dalam buangan di Melaka dan mendapat perlindungan penjajah Inggeris sehingga keakhir hayatnya.

...5/-

(h) Bahawa leluhur Tunku Besar Tampin iaitu Syed Abdul Hamid pula mencabul, menguna dan menyimpan Teriti-teriti/Dokumen-dokumen dan alat-alat kebesaran Almarhum Yam Tuan Raja Ali untuk mendapatkan kedudukan dan perlindungan dari Penjajah Inggeris bagi kepentingan peribadinya iaitu:-

i. melantik dirinya sendiri sebagai Yam Tuan Muda Rembau dibawah naungan Penjajah Inggeris semasa dalam buangan di Melaka.

ii. mengarah orang-orangnya melakukan sabotaj dibumi Rembau/Tampin terhadap Datuk Penghulu Haji Sahil untuk kepentingan Penjajah Inggeris dan dirinya.

iii. terlibat dalam tragedi pembunuhan Laksamana Budin dimana Maharaja Johor menitahkan kepada Gabenor Frederick Weld supaya memecat Datuk Haji Sahil dan Syed Abdul Hamid tetapi Datuk Haji Sahil sahaja yang dipecat sebaliknya Syed Abdul Hamid diberi pula ganjaran gelaran 'Tunku Besar Tampin.'

iv. perlantikan Syed Abdul Hamid oleh Gabenor Frederick Weld sebagai Tunku Besar Tampin dengan memecahkan Tampin dari Rembau menjadi satu luak berasingan adalah terang-terang mencabul Hak Kedaulatan Warisan/Pusaka Asasi Almarhum Yam Tuan Raja Ali, Datuk Penghulu dan Ketua-Ketua Suku khasnya dan bangsa Melayu amnya, yakni sama seperti wujudnya negara Yahudi Zionisme dibumi Palestin yang mendapat perlindungan dari kuasa Amerika, Inggeris dan Perancis.

8. Kami sedia menghadapi risiko dan tindakbalas sekiranya Tuntutan kami ini tidak mempunyai asas kebenaran, tetapi bagaimana sebaliknya Dewan Keadilan dan Undang serta Kerajaan Negeri Sembilan dan Pihak-pihak berkuasa yang berkenaan melakukan kezaliman dan kekejaman terhadap Tuntutan Hak kami yang sah berdasarkan dari jawapan-jawapan dengan berbagai dalih yang berdolak-dalik sejak Tuntutan ini dikemukakan pada tahun 1946, adalah terang-terang bertentangan dengan fungsi dan dasar yang dituntut oleh Perlembagaan, Undang-Undang, Adat Lembaga, Tradisi, Rukun Negara dan Agama Islam.

9. Oleh yang demikian, kami menuntut kepada Dewan Keadilan dan Undang serta Kerajaan Negeri Sembilan dan Pihak-Pihak berkuasa yang berkenaan supaya menjalankan kewajiban dan tanggungjawab untuk mengembalikan Hak Kedaulatan Warisan/Pusaka Asasi Almarhum Yam Tuan Raja Ali Luak Tampin kepada kami yang sah sepertimana dengan Hak Kedaulatan Warisan/Pusaka Asasi Ahli-ahli Dewan Keadilan dan Undang khasnya dan Raja-Raja Tanah Melayu amnya, yakni selaras dan sejajar dengan dasar Kerajaan, nilai-nilai perjuangan Kemerdekaan Tanah Melayu, Perlembagaan, Fasal XVI Undang-Undang Tubuh Negeri Sembilan 1959, Adat Lembaga, Tradisi, Rukun Negara dan Agama Islam.

10. Sekian dahulu, kami sudahi dengan ucapan Wabillahi taufiq Wal-hidayah. Terima kasih.

KAMI yang menuntut Hak Kuasa, Kedaulatan dan Kebesaran Memerintah sebagai Raja di Luak Tampin:-

1. ..............................
(RAJA ARIF bin RAJA OTHMAN)

2. ..............................
(RAJA AHZAN bin RAJA OTHMAN)

3. ..............................
(RAJA ABDUL HAMID bin RAJA OTHMAN)

4. ..............................
(RAJA MOHD. YUSOF bin RAJA OTHMAN)

Salinan kepada:-

Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia,
Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong,
MALAYSIA.

Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia,
Timbalan Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong,
MALAYSIA.

Yang Amat Berhormat,
Perdana Menteri,
MALAYSIA.

Yang Amat Berhormat,
Timbalan Perdana Menteri,
MALAYSIA.

Yang Amat Arif,
Ketua Hakim Negara,
MALAYSIA.

Yang Berhormat,
Setiausaha,
Dewan Keadilan dan Undang,
NEGERI SEMBILAN.

Yang Berhormat,
Setiausaha Kerajaan Negeri,
NEGERI SEMBILAN.

Yang Arif,
Tuan Penasihat Undang-undang Negeri,
NEGERI SEMBILAN.

Yang Berhormat,
Encik Omar bin Abdullah,
Ahli Parlimen Tampin,
NEGERI SEMBILAN.

Tuan Yang Terutama,
Pesuruhjaya Tinggi British,
KUALA LUMPUR.

Yang Berbahagia,
Tan Sri Datuk Abdul Samad Idris,
(Pengarang Buku a. Negeri Sembilan dan Sejarahnya
b. Merdeka - Melaka tempa Sejarah)

Yang Berbahagia,
Tan Sri Datuk Haji Mubin Sheppard,
(Bagi pihak - Pengarang Buku JMBRAS Vol. XLIX
Part 2, 1976 - Oleh John Gullick dan Arkib Negara Malaysia).

Yang Amat Mulia,
Datuk Naning,
MELAKA.

Yang Amat Mulia,
Datuk Muda Linggi,
NEGERI SEMBILAN.

Yang Mulia,
Tuan Pegawai Daerah Tampin,
NEGERI SEMBILAN.

Yang Arif,
Prof. Khoo Khay Kim,
Dekan Fakulti Sejarah,
Universiti Malaya,
KUALA LUMPUR.

Yang Arif,
Prof. Madya Dr. Mohd Yusof Hashim,
Ketua Jabatan Sejarah,
Universiti Malaya,
KUALA LUMPUR.

Yang Berbahagia,
Ketua Pengarang,
Berita Harian,
The New Straits Times (Malaysia) Berhad,
KUALA LUMPUR.

Yang Berbahagia,
Ketua Pengarang,
Kumpulan Akhbar Watan (KJ) Sdn. Bhd.
Taman Tun Dr. Ismail,
KUALA LUMPUR.

Yang Berbahagia,
Datuk Haji Mohd Taib bin Omar,
H29, Pekan Senaling,
Kuala Pilah,
NEGERI SEMBILAN.

DIKEPILKAN BERSAMA SURAT TUNTUTAN
'LUAK TAMPIN' BERTARIKH: 14hb. Julai, 1980
PARA: 6 (i) ADA KAITAN.

-RAJA MOHD YUSOF-

BERITA HARIAN KELUARAN
HARI SELASA :- 24 OKTOBER 1978

24/10/78

BERITA HARIAN, SELASA, 21 ZULKAEDAH, 1398

AR SIDANG DEWAN RAKYAT

Pemberita2: RUHANIE AHMAD, RASINAH MOHAMAD

# PM: Orang Islam bukan Melayu tak termasuk golongan Bumiputera

KUALA LUMPUR, Isnin — Orang Islam yang bukan terdiri dari bangsa Melayu tidak termasuk dalam golongan Bumiputera, sebaliknya bangsa Melayu dan rakyat yang berketurunan asli di negara ini termasuk dalam golongan tersebut.

Perdana Menteri berkata demikian menjawab soalan Encik Lim Kit Siang yang ingin tahu sama ada orang Islam yang bukan terdiri dari bangsa Melayu dimasukkan dalam golongan Bumiputera.

Menurut Datuk Hussein dalam Perlembagaan Persekutuan Bumiputera terdiri dari semua rakyat yang berketurunan asli di negara ini.

## Memilih

Sementara itu, Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri Encik Sharir Abdul Samad berkata di Dewan Rakyat hari ini terdapat 44,280 kerja kosong di Jabatan Perkhidmatan Awam.

Menurut beliau, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dengan kerjasama ketua-ketua jabatan telahpun mengambil langkah segera untuk mengisi kekosongan ini.

Beliau berkata, Kerajaan memilih kakitangannya berdasarkan kepada kebolehan, kelayakan dan kesesuaian calon-calon yang ditemuduga.

Beliau berkata demikian menjawab pertanyaan Dr. Chen Man Hin (DAP-Seremban) yang ingin tahu jumlah kerja kosong di jabatan-jabatan Kerajaan.

Menjawab pertanyaan tambahan Encik Chan Teck Chan (DAP-Kota Melaka), Encik Sharir memberitahu pihaknya sedar ramai orang yang berkelayakan profesional masih lagi tidak dapat memegang jawatan kosong Kerajaan yang berjumlah lebih dari 44,000 itu.

Kekosongan jawatan-jawatan kosong ini, kata beliau, adalah kerana pembekuan pengisian jawatan pada penghujung Rancangan Malaysia Kedua dahulu.

Jabatan Perkhidmatan Awam, kata Encik Sharir, sekarang sedang mengkaji penggunaan komputer untuk mempercepat lagi pengambilan para pekerja Kerajaan.

J.J. 280

Tahniah

Allah Lanjutkan Usia Duli
Yang Maha Mulia

Sultan Haji Ahmad Shah
Al-Musta'in Billah Ibni Al-Marhum
Sultan Sir Abu Bakar Ri'ayatuddin
Al-Mu'adzam Shah

BERITA HARIAN. KHAMIS, 18 SEPTEMBER, 1986 14 MUHARAM, 1407

# Nama Jalan Raja Muda Ali diubah selepas MPS mendapat bantahan

SEREMBAN, Rabu — Majlis Perbandaran Seremban (MPS) akan mengambil tindakan mengubah nama Jalan Raja Muda Ali kepada Jalan Yam Tuan Muda Raja Ali kerana ia bertepatan dengan nama salah seorang keturunan Raja Rembau.

Keputusan itu dibuat berdasarkan pengkajian semula mengenai sejarah nama jalan itu yang dilakukan oleh Persatuan Sejarah Negeri Sembilan, salah sebuah jawatankuasa yang terbabit dalam usaha menamakan jalan di kawasan perbandaran itu sesuai dengan fakta sejarah negeri.

Usaha mengkaji latar belakang nama jalan itu dibuat semula selepas pihak MPS mendapat bantahan daripada waris baka keturunan Yam Tuan Muda Raja Ali baru-baru ini. Waris berkenaan menganggap nama Jalan Raja Muda Ali tidak ada dengan sejarah keturunan mereka.

Menurut kenyataan salah seorang waris baka itu, mereka sudah mendapat jawapan balas mengenai kedudukan nama jalan itu daripada MPS.

Dalam surat pertama 19 Ogos lalu, MPS menyatakan kesediaannya mengkaji nama jalan itu dan membuat pembetulan sekiranya nama yang ada sekarang bercanggah dengan sejarah.

Jurucakap waris itu hari ini mengesahkan ada menerima surat dari Pemangku Timbalan Yang Dipertua MPS, Encik Noh Jaafar, bertarikh 11 September lalu menjelaskan mengenai kedudukan sebenar nama Jalan Raja Muda Ali.

Menurut surat itu, MPS sudah membawa isu itu ke pengetahuan Persatuan Sejarah Negeri Sembilan. Hasil perbincangan dan kajian satu rumusan dibuat bahawa nama sebenar untuk jalan itu ialah Jalan Yam Tuan Muda Raja Ali bukannya Jalan Raja Muda Ali.

Persatuan Sejarah Negeri Sembilan mengesahkan bahawa Yam Tuan Muda Raja Ali adalah tokoh sebenar yang wujud dalam keturunan Raja Rembau dan tuntutan warisnya adalah benar, jelas jurucakap itu.

18 . 3 . 87

# Jawatan Undang Luak Tampin disalah beri

Oleh BUSTAMAM AHMAD

SEREMBAN, Selasa — Keturunan Yam Tuan Muda Raja Ali Rembau-Tampin hari ini, meminta Dewan Keadilan dan Undang Negeri Sembilan campur tangan secara langsung dalam usaha menyelesaikan tuntutan mereka mendapatkan semula kuasa, kedaulatan dan kebesaran memerintah sebagai Raja di Luak Tampin.

Sambil menyatakan kesal kerana tuntutan itu selakat ini tidak mendapat perhatian, khususnya dewan dan Kerajaan Negeri Sembilan, mereka mendakwa hak kedaulatan dan kebesaran memerintah sebagai Raja di Luak Tampin disalahberikan kepada keturunan Syed Shaaban pada zaman penjajah dahulu.

Tuntutan itu membabitkan empat beradik lelaki anak Raja Othman, iaitu Raja Arif, Raja Ahzan, Raja Abdul Hamid dan Raja Mohd Yusof.

Raja Mohd Yusof, yang bertindak sebagai jurucakap mereka, menjelaskan tuntutan itu sudah diperjuangkan oleh keturunan baka Yam Tuan Muda Raja Ali secara rasmi sejak 1946 sehingga sekarang.

Dalam kenyataan kepada *Berita Harian* di sini, beliau berkata, pihaknya beberapa kali mempersembahkan tuntutan itu kepada Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan selaku pengerusi dewan, malangnya tidak mendapat sebarang jawapan.

Menurutnya, kali terakhir pihaknya berbuat demikian ialah pada 24 Mac tahun lalu dengan menggariskan lapan sebab mempertikaikan kesahihan kedudukan gelaran Tunku Besar Tampin yang disandang oleh keturunan Syed Abdul Hamid Syed Shaaban.

"Tuntutan ini tidak sepatutnya dianggap mengandungi sentimen perebutan kuasa memerintah, tetapi adalah atas prinsip institusi warisan itu sendiri yang berkehendakkan kepada kesahihan dan kebenaran.

"Kami membuktikan bahawa tuntutan ini adalah satu perkara yang sah dan tidak melanggar undang-undang. Dengan itu ia perlu mendapat perhatian daripada semua pihak, khususnya Dewan Keadilan dan Undang Negeri Sembilan.

"Kami juga sedia menghadapi sebarang tindak balas serta risiko jika tuntutan ini tidak mempunyai asas kebenaran," katanya.

Raja Mohd Yusof berkata, antara lapan sebab utama pihaknya mempertikaikan kesahihan kedudukan gelaran Tunku Besar Tampin yang disandang oleh keturunan Syed Abdul Hamid Syed Shaaban ialah:

## Sebab

- Bahawa setiap gelaran diraja yang wujud di Negeri Sembilan amnya dan di Rembau/Tampin khasnya adalah hak kedaulatan warisan atau pesaka asasl bangsa Melayu, iaitu keturunan Raja dan bukannya keturunan Syed yang berasal dari luar kawasan Nusantara;
- Bahawa setiap gelaran diraja yang berkuatkuasa mestilah mempunyai asas yang sahih di segi aturan adat, iaitu berasal usulkan Melayu jati selaras dengan Fasal XVI, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan;
- Gelaran Tunku Besar Tampin yang diberi kepada Syed Abdul Hamid Syed Shaaban adalah ciptaan penjajah Inggeris (Gabenor Sir Frederick Weld) tanpa mengikut aturan adat istiadat dan tradisi bangsa Melayu purba yang bersendikan hukum Islam;
- Bahawa latar belakang Leluhur Tunku Besar Tampin itu adalah petualang dan tali barut penjajah Inggeris untuk memecahbelahkan bangsa Melayu di bumi Rembau/Tampin, Linggi dan Naning yang sudah direkamkan dalam sejarah negara.

19 . 3 . 87

# Tuntutan empat beradik langgar adat

TAMPIN, Rabu — Pengamal-pengamal Adat Perpatih Wilayah Tunku Besar Tampin hari ini menganggap tuntutan empat adik-beradik anak Raja Othman iaitu Raja Arif, Raja Ahzan, Raja Abdul Hamid dan Raja Mohd Yusof untuk mendapatkan semula pesaka Tunku Besar Tampin, sebagai terkeluar daripada aturan adat dan Perlembagaan Negeri Sembilan.

Menurut mereka, sudah tercatat dalam Perlembagaan Negeri sekarang bahawa jawatan pesaka Tunku Besar Tampin diwarisi oleh keturunan Syed Hamid.

Raja Mohd Yusof, selaku jurucakap kepada empat beradik itu dalam kenyataannya yang disiarkan oleh *Berita Harian* hari ini meminta Dewan Keadilan dan Undang Negeri campur tangan bagi menyelesaikan tuntutan mereka mendapatkan semula kuasa kedaulatan dan kebesaran memerintah sebagai Raja di Luak Tampin.

Empat adik-beradik itu mendakwa bahawa mereka adalah daripada keturunan Yam Tuan Muda Raja Ali Rembau-Tampin.

Jurucakap pengamal-pengamal adat itu menjelaskan keturunan Yam Tuan Muda Raja Ali tidak berhak menyandang jawatan pesaka Tunku Besar Tampin.

Mengikut sejarah, Raja Ali mengisytiharkan dirinya menjadi Yam Tuan Muda Rembau pada 1815 setelah Raja Hasil melarikan diri ke Melaka kerana tewas dalam satu pergaduhan dengan Undang Luak Rembau ketika itu, Datuk Bongkok.

"Apabila Perang Naning pada tahun 1831-1932 tamat, Raja Ali yang menganggap kedudukan serta kekuasaannya telah begitu kuat selepas beliau dan pengikutnya membantu pihak Inggeris menerangi Naning, maka beliau telah menggelarkan dirinya Yam Tuan Besar Negeri Sembilan.

"Tetapi kedudukan Raja Ali sebagai Yam Tuan Besar Negeri Sembilan tidak diakui oleh mana-mana Undang di negeri ini," kata jurucakap itu.

Beliau menambah pada 1834, Raja Ali dihalau keluar oleh Undang Luak Rembau, Datuk Nganit.

Raja Ali kemudian melarikan diri ke Lukut manakala menantunya, Syed Shaaban lari ke Tampin dan menjadi Tunku Besar Tampin.

Menurutnya, apabila Syed Shaaban mati pada tahun 1860, jawatan Tunku Besar Tampin digantikan oleh anaknya, Syed Abdul Hamid.

"Sejak dari itulah jawatan pesaka Tunku Besar Tampin disandang oleh keturunan Syed Abdul Hamid seperti mana yang termaktub dalam Perlembagaan Negeri Sembilan sekarang ini.

"Dengan itu jelaslah keturunan Yam Tuan Muda Raja Ali tidak berhak menyandang jawatan Tunku Besar Tampin kerana keturunan mereka telah terkeluar dari aturan adat dan Perlembagaan Negeri," kata jurucakap itu.

Menurutnya, jika empat adik-beradik itu benar-benar mahu menuntut jawatan pesaka Tunku Besar Tampin, mereka hendaklah berusaha untuk meminda Perlembagaan Negeri.

Dengan kedudukan itu, jelasnya jawatan Tunku Besar Tampin yang sekarang ini disandang oleh Tunku Syed Idrus Syed Mohamad tidak boleh dicabar atau digugat baik di segi sejarah ataupun Perlembagaan Negeri.

Sementara itu, Tunku Besar Tampin ketika dihubungi untuk mendapatkan ulasan enggan mengulas sekadar berkata: "Tidak ada apa-apa yang hendak diulas kerana kedudukan itu jelas, seperti yang terkandung dalam Perlembagaan Negeri Sembilan."

20 . 3 . 87

## Bagi menentukan siapa berhak warisi kebesaran diraja di Luak Tampin

# Syor bentuk suruhanjaya

SEREMBAN, Khamis — Baka Yam Tuan Raja Ali Rembau/Tampin meminta Dewan Keadilan membentuk satu suruhanjaya yang dianggotai oleh wakil kerajaan negeri, ahli-ahli sejarah dan pengamal adat untuk membincangkan semula kesahihan fakta sejarah bagi menentukan siapa yang berhak mewarisi kebesaran diraja di Luak Tampin.

Salah seorang keturunan baka itu, Raja Mohd Yusof Raja Othman, berkata inilah antara jalan penyelesaian yang paling baik untuk menentukan perlembagaan negeri yang ada sekarang benar-benar sahih atau tidak.

"Sebagai baka Yam Tuan Ali, kami masih berpegang kepada fakta-fakta sejarah dan bukti-bukti yang ada, iaitu hak berkuasa di Luak Tampin adalah hak baka Yam Tuan Ali, bukannya hak Syed Shaaban dan keturunannya.

"Syed Shaaban hanya menantu Yam Tuan Ali dan beliau serta keturunannya tidak boleh berkuasa di luak itu seperti yang berlaku sekarang.

"Mengikut adat istiadat raja-raja, kuasa memerintah sebagai raja di luak itu dan negeri-negeri beraja amnya, dikira berdasarkan baka, bukannya saka atau perut," katanya.

### Berpunca

Raja Mohd Yusof berkata, kekuasaan yang diperolehi oleh keturunan Syed Shaaban adalah berpunca daripada isterinya, Tengku Lebar, iaitu anak perempuan kepada Yam Tuan Raja Ali.

"Perjanjian Kemerdekaan Rembau/Tampin bertarikh 20 Januari 1832 dan Perjanjian Sempadan 9 Januari 1833, antara Kerajaan Inggeris dengan Yam Tuan Raja Ali, Datuk Penghulu Rembau, Datuk Nganti dan ketua-ketua suku, menunjukkan Yam Tuan Raja Ali dan bakanya adalah yang berkuasa di Luak Tampin.

"Bagaimanapun perjanjian itu tidak dipatuhi oleh mereka yang menggubal perlembagaan pada tahun 1959. Ini terbukti selepas pihak berkenaan mengenepikan setiap tuntutan yang dikemukakan oleh baka Yam Tuan Raja Ali sejak tahun 1946.

"Kami juga ada menghantar memorandum kepada suruhanjaya penggubal perlembagaan yang diketuai oleh Lord Reid pada 5 Julai 1956, tetapi tidak berjawab," katanya.

Menurut Raja Mohd Yusof, tuntutan itu juga pernah dibuat ketika Datuk Rais Yatim menjadi Menteri Besar Negeri Sembilan.

"Dalam jawabannya, beliau berkata sepatutnya kami membuat tuntutan itu sebelum perlembagaan itu termaktub pada tahun 1959.

"Tuntutan itu sudahpun kami buat sejak 1946, iaitu 13 tahun lebih awal sebelum perlembagaan itu termaktub pada tahun 1959, tetapi kami hairan bagaimana ia tidak sampai ke pengetahuan pihak berwajib," jelasnya.

Raja Mohd Yusof kesal dengan kekeliruan yang berlaku sejak mula tuntutan itu dibuat sehingga sekarang.

Katanya, banyak fakta sejarah dikemukakan oleh pengamal adat untuk mengulas laporan mengenai tuntutan hak berkuasa di Luak Tampin semalam, bercanggah.

"Kami bercakap atas dasar fakta sejarah — bukan dibuat secara emosi. Tuntutan itu bukan bertujuan mengandungi sentimen berebut kuasa, tetapi kami menuntut kerana atas prinsip hak," katanya.

Baka Yam Tuan Raja Ali bersedia bersemuka dengan pengamal adat untuk membetulkan kekeliruan yang berlaku, tambah beliau.

23 . 3 . 87

# Pengamal adat bantah tuntutan empat beradik

TAMPIN, Ahad — Pengamal-pengamal Adat Perpatih di Wilayah Tunku Besar Tampin hari ini meminta Dewan Keadilan dan Undang serta Kerajaan Negeri supaya jangan melayan tuntutan empat adik-beradik keturunan Yam Tuan Raja Ali untuk mendapatkan semula hak pesaka Jawatan Tunku Besar Tampin.

Mereka berkata empat adik-beradik itu tidak memahami aturan adat, fakta sejarah serta Perlembagaan Negeri yang digunakan sekarang.

Menurut mereka, tuntutan Raja Arif, Raja Ahzan, Raja Abdul Hamid dan Raja Mohd Yusof sengaja dibuat untuk menimbulkan kekecohan adat di negeri ini.

Raja Mohd Yusof dalam kenyataannya yang disiarkan oleh *Berita Harian* semalam meminta Dewan Keadilan membentuk suruhanjaya dianggotai oleh wakil-wakil kerajaan, ahli-ahli sejarah dan pengamal-pengamal adat untuk membincangkan semula kesahihan fakta sejarah bagi menentukan siapa yang berhak mewarisi kebesaran diraja di Luak Tampin.

Beliau berpendapat ini adalah antara jalan penyelesaian yang paling baik untuk menentukan sama ada perlembagaan negeri ini benar-benar sahih.

Jurucakap pengamal-pengamal Adat Perpatih di sini berkata: "Perlembagaan Negara dan Negeri Sembilan digubal oleh Suruhanjaya Reid. Perlembagaan itu dipakai sehingga sekarang tanpa sebarang keraguan.

"Jika ada akta di dalam perlembagaan itu yang hendak diubah atau ditambah, maka adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri untuk membawa usul pindaan itu ke dalam persidangan Dewan Undangan Negeri.

## Gubal

Menurutnya, sesuatu pindaan itu hendaklah diluluskan oleh sekurang-kurangnya ⅔ ahli Dewan Negeri dan kemudian mendapat restu Dewan Keadilan dan Undang Negeri sebelum ia boleh diwartakan dan digunakan.

"Mengenai fakta sejarah yang dinyatakan oleh Raja Mohd Yusof iaitu perjanjian kemerdekaan Rembau-Tampin bertarikh 20 Januari 1832 dan perjanjian sempadan pada 9 Januari 1833 antara Kerajaan Inggeris dengan Yam Tuan Ali dan Undang Luak Rembau, Datuk Nganit, bukanlah perjanjian kemerdekaan Rembau," jelasnya.

Jurucakap itu menambah kedua-dua perjanjian yang dibuat antara Raja Ali dan Syed Shaaban dengan pihak Inggeris di Melaka pada ketika itu adalah perjanjian persahabatan antara kedua-dua belah pihak.

"Hasil daripada perjanjian itu, Raja Ali merasakan dirinya telah menjadi begitu kuat lalu mengisytiharkan dirinya sebagai Yam Tuan Besar Negeri Sembilan dan menantunya, Syed Shaaban sebagai Yam Tuan Muda Rembau.

"Tetapi perisytiharan Raja Ali sebagai Yam Tuan Besar Negeri Sembilan tidak diiktiraf oleh Datuk-Datuk Undang dan akhirnya beliau dihalau oleh Undang Rembau. Beliau kemudian melarikan diri ke Lukut manakala menantunya, Syed Shaaban lari ke Tampin dan menjadi Tunku Besar Tampin.

"Dari fakta sejarah itu siapa yang hendak dipersalahkan, kerana gelaran Yam Tuan Muda kepada Syed Shaaban diberi oleh bapa mertuanya (Raja Ali). Jawatan itu dipesakai oleh keturunan Syed Shaaban hinggalah ke hari ini dengan mendapat pengiktirafan Kerajaan Inggeris ketika itu sehinggalah tercatat dalam Perlembagaan Negeri Sembilan sekarang," ujarnya.

24 . 3 . 87

# 'Jangan campur tangan tuntutan kami'

SEREMBAN, Isnin — Baka Yam Tuan Muda Raja Ali Rembau-Tampin hari ini menasihatkan pengamal adat di Luak Tampin supaya jangan campur tangan dalam soal tuntutan mereka bagi mendapatkan semula hak kebesaran untuk memerintah sebagai Raja di luak itu.

Sambil menyifatkan kenyataan oleh pengamal adat berkenaan sebagai bercanggah dengan fakta sejarah, mereka berkata tuntutan itu tidak mempunyai sebarang kaitan sama ada secara langsung atau tidak dengan pengamal adat itu.

"Ini adalah urusan antara kami dengan penyandang Jawatan Tunku Besar Tampin sekarang, Syed Idrus Syed Mohamad dan dengan itu kami meminta supaya mereka yang menggelarkan diri sebagai pengamal adat di Luak Tampin jangan campur tangan.

"Semua bukti yang ada di tangan kami adalah sah dan diakui oleh Arkib Negara serta tokoh sejarah negara," kata Raja Mohd Yusof, yang bertindak selaku jurucakap kepada empat adik beradik keturunan baka itu.

Beliau juga mahu pengamal adat berkenaan supaya memperkenalkan diri masing-masing dan tidak sepatutnya mengamalkan sikap 'berselindung di belakang tabir'.

Menurut beliau, pihaknya berpendapat pengamal adat berkenaan tidak berhak mempertikaikan tuntutan itu kerana ia di bawah bidang kuasa Dewan Keadilan dan Undang Negeri, Kerajaan Negeri Sembilan serta pihak lain yang berkaitan.

Beliau menambah pengamal adat berkenaan juga tidak sepatutnya membuat andaian mengenai soal sama ada Perlembagaan Negeri Sembilan patut dipinda jika tuntutan itu mendapat layanan pihak berkuasa kerana ia di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri sendiri.

padan pada 9 Januari 1833;

● Penyandang gelaran Tunku Besar Tampin sekarang tidak mempunyai kuasa mutlak sebagai seorang Raja kerana beliau tidak pernah ditabalkan sebagai Raja mengikut adat istiadat kebesaran Raja-Raja Melayu.

Beliau menggariskan dua sebab utama penyandang gelaran Tunku Besar Tampin sekarang tidak dapat berfungsi sebagai seorang Raja di Luak Tampin iaitu:

● Pengwujudan gelaran Tunku Besar Tampin ialah ciptaan penjajah Inggeris (Sir Frederick Weld) berdasarkan hak, kuasa kedaulatan warisan dan pesaka asal bangsa Melayu Almarhum Yam Tuan Raja Ali, Datuk Penghulu dan Ketua-Ketua Suku berpandukan kepada perjanjian kemerdekaan Rembau-Tampin pada 20 Januari 1832 dan perjanjian sem-

26 . 3 . 87

# 'Hentikan tuntut pesaka Tunku Besar Tampin'

TAMPIN, Rabu — Pengamal-pengamal Adat Perpatih Wilayah Tunku Besar Tampin meminta Raja Mohd Yusof Raja Othman, jurucakap empat beradik keturunan baka Yam Tuan Raja Ali, supaya berhenti daripada membuat kenyataan mengenai tuntutan mereka mendapatkan semula pesaka Tunku Besar Tampin.

"Ini perlu jika keturunan Yam Tuan Raja Ali tidak mahu orang lain campur tangan termasuk pengamal adat. Hendaknya mereka membuat tuntutan secara senyap-senyap bukannya diheboh hebohkan khususnya melalui akhbar," kata seorang jurucakap pengamal adat.

Raja Mohd Yusof dalam kenyataannya yang disiarkan oleh *Berita Harian* kelmarin menasihatkan pengamal adat Luak Tampin supaya jangan campur tangan dalam soal tuntutan mereka bagi mendapatkan semula hak kebesaran untuk memerintah sebagai Raja di Luak Tampin.

Raja Mohd Yusof mendakwa kenyataan pengamal-pengamal adat itu bercanggah dengan fakta sejarah yang ada di dalam simpanannya serta pendapat tokoh-tokoh sejarah negara.

"Adat Perpatih adalah hak semua orang Melayu di Negeri Sembilan terutama mereka yang menjadi anak Waris kepada 12 Suku yang ada dan bukannya kepunyaan Raja Mohd Yusof dan adik-beradiknya sahaja.

"Adalah menjadi kewajiban setiap pengamal adat di negeri ini bersuara apabila berlaku sebarang kekecohan atau tuntutan yang dianggap menyalahi aturan Adat Perpatih dan fakta sejarah," tambah jurucakap itu.

Mengenai bukti yang ada di tangan Raja Mohd Yusof, yang didakwanya sebagai diakui oleh Arkib Negara dan tokoh-tokoh sejarah negara, beliau berkata "catatan sejarah yang tersimpan di Arkib Negara tidak bermakna isi kandungannya benar dan boleh dijadikan bukti".

Ia dikumpul dan disimpan oleh Arkib Negara untuk dijadikan bahan rujukan dan kajian, bukan sebagai bukti kesahihan fakta-fakta yang tercatat, katanya.

31 . 3 . 87

# Krisis adat: Aduan dibuat kepada polis

Oleh BUSTAMAM AHMAD

SEREMBAN, Isnin — Baka Yam Tuan Raja Ali Rembau-Tampin membuat aduan polis terhadap kenyataan pengamal-pengamal adat di Luak Tampin.

Jurucakap mereka, Raja Mohd Yusof Raja Othman, berkata beliau sendiri membuat aduan itu di Ibu Pejabat Kontinjen Polis Negeri di sini, pada 23 Mac lalu.

Beliau menggariskan dua sebab utama mereka berbuat demikian, iaitu:

- Kenyataan pengamal-pengamal adat berkenaan dianggap sebagai satu 'ancaman' kepada pihaknya.
- Pengamal-pengamal adat itu tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap sebarang kenyataan yang mereka buat kerana mereka tidak memperkenalkan siapa diri mereka sebenarnya.

Raja Mohd Yusof sekali lagi mengulangi kesediaannya berdialog dengan pengamal-pengamal adat di Luak Tampin bagi menjelaskan kedudukan sebenar berhubung soal tuntutan mereka untuk mendapatkan semula hak kebesaran memerintah sebagai Raja di luak itu.

Beliau berharap dapat mengemukakan bukti-bukti sahih bagi mengesahkan tuntutan mereka menerusi dialog itu.

"Oleh kerana tuntutan ini membabitkan Luak Tampin, maka kami berharap ia dapat dipengerusikan oleh Pegawai Daerah Tampin," katanya dalam kenyataan kepada *Berita Harian* di sini.

Serentak itu, beliau mengulangi bahawa bukti-bukti yang dianggap sahih oleh pihaknya bukannya catatan sejarah semata-mata, tetapi adalah di dalam bentuk surat-surat asal pelbagai perjanjian.

Antaranya termasuk surat perjanjian kemerdekaan Rembau bertarikh 20 Januari 1832 dan perjanjian sempadan Tampin/Rembau-Melaka bertarikh 9 Januari 1833, tambahnya.

Raja Mohd Yusof berkata, pihaknya tidak menafikan hak pengamal-pengamal adat berkenaan membuat ulasan mengenai perjalanan adat kerana kewujudan Yam Tuan Raja Ali adalah di atas restu Adat Perpatih sendiri.

Menurutnya, asas itu jugalah yang mendorong pihaknya membuat tuntutan supaya hak, kuasa dan kedaulatan untuk memerintah sebagai Raja di Luak Tampin dikembalikan kepada mereka kerana ia telah dicabul oleh penjajah Inggeris yang menyerahkan hak itu kepada keturunan Syed Shaaban.

10 . 4 . 87

# Pengamal Adat Perpatih di Luak Tampin diajak dialog

SEREMBAN, Khamis — Keturunan baka Yam Tuan Raja Ali Rembau-Tampin, hari ini, mencabar pengamal-pengamal Adat Perpatih di Luak Tampin supaya berdialog dengan mereka bagi menjelaskan kedudukan sebenar berhubung tuntutan mereka mendapatkan semula hak memerintah sebagai Raja di luak itu.

Jurucakap mereka, Raja Mohd Yusof Raja Othman berkata pihaknya menyedari hak pengamal-pengamal adat di luak berkenaan untuk mengemukakan pandangan mereka mengenai tuntutan itu.

"Kami sedar bahawa setiap pengamal adat berhak menyatakan pandangan serta pendiriannya mengenai urusan perjalanan sistem Adat Perpatih di negeri ini.

"Tetapi malangnya, pengamal-pengamal adat di Luak Tampin telah menyalah-tafsirkan tuntutan kami dengan mengemukakan fakta serta keterangan yang sama sekali bercanggah dengan bukti-bukti yang ada di dalam simpanan kami.

## Yakin

"Pada masa yang sama, pengamal-pengamal adat itu juga tidak mahu memperkenalkan siapa diri mereka sebenarnya dan inilah yang mendorong kami membuat aduan kepada polis baru-baru ini," jelasnya dalam kenyataan kepada Berita Harian di sini.

Beliau yakin sebarang salah faham yang mungkin timbul akan dapat diselesaikan demi menjaga kepentingan Adat Perpatih menerusi dialog itu nanti.

Mengenai aduan polis itu, Raja Mohd Yusof berkata ia bertujuan mengelakkan dari kemungkinan timbulnya sebarang kejadian yang tidak diingini membabitkan kedua belah pihak nanti.

Dalam tuntutan mereka, empat adik-beradik itu meminta supaya dikembalikan semula kepada mereka hak kedaulatan dan kebesaran untuk memerintah sebagai Raja di Luak Tampin, yang mereka dakwa telah disalahberikan kepada keturunan Syed Shaaban pada zaman penjajah dahulu.

11 . 4 . 87

# Pengamal Adat tolak cabaran berdialog

TAMPIN, Jumaat — Pengamal-pengamal Adat Perpatih, Wilayah Tunku Besar Tampin hari ini menolak cabaran keturunan baka Yam Tuan Raja Ali Rembau-Tampin berdialog bagi menjelaskan kedudukan sebenar tuntutan mereka mendapatkan semula hak memerintah sebagai Raja di luak itu.

Seorang pengamal adat tempatan berkata cabaran itu ditolak kerana beberapa sebab tertentu.

Pertama, pihaknya tidak mahu terperangkap atau diperangkap serta dijadikan alat oleh keturunan baka Yam Tuan Raja Ali dalam usaha mereka mendapatkan semula hak itu.

"Hal adat sepatutnya diselesaikan mengikut aturan adat yang diadatkan seperti kata perbilangan adat 'Berjinjang naik bertangga turun, ke bukit mengikut alur, ke lurah menuju benar, berlopak-lopak bak sawah, beruang-ruang bak durian.'

"Segala masalah adat patut disampaikan atau diadukan kepada ketua-ketua adat dan bukannya dilaporkan kepada polis seperti yang telah dilakukan oleh Raja Mohd Yusof pada 23 Mac lalu," kata pengamal adat itu.

Kedua, perkataan dialog tidak ada dalam kamus Adat Perpatih. Sebarang masalah adat yang timbul mestilah diselesaikan melalui kerapatan adat.

"Ia hendaklah diadakan di rumah telapakan adat atau di balai adat dan bukannya di tempat-tempat terbuka seperti di balai raya, surau atau masjid dan kerapatan itu mestilah dihadiri oleh kedua pihak terbabit iaitu pihak yang menuntut dan yang kena tuntut serta dihadiri oleh ketua-ketua adat.

"Dialog antara keturunan baka Yam Tuan Raja Ali dengan pengamal adat Perpatih di Wilayah Tunku Besar Tampin hanya sia-sia sahaja kerana ia tidak akan dapat menyelesaikan lau tuntutan mereka kerana keputusan dialog itu tidak boleh dibawa ke mana-mana," jelasnya.

Beliau berkata keturunan baka Yam Tuan Raja Ali hendaklah memahami benar-benar maksud kata-kata adat 'Adat bersendikan hukum, Hukum bersendikan Kitabullah.'

Dalam undang-undang Negeri iaitu Perlembagaan Negeri Sembilan tercatat pesaka Tunku Besar Tampin hendaklah diwarisi oleh anak lelaki keturunan Syed Hamid.

"Dengan itu adalah sia-sia sahaja bagi kita rakyat negeri ini hendak mencabar kesahihan Perlembagaan Negeri," jelas pengamal adat itu.

15 . 4 . 87

# Keturunan baka Yam Tuan Raja Ali beri penjelasan

SEREMBAN, Selasa — Keturunan baka Yam Tuan Raja Ali Rembau-Tampin menjelaskan mereka tidak berniat memerangkap sebarang pihak dalam usaha mendapatkan semula hak mereka bagi memerintah sebagai Raja di Luak Tampin.

Sambil melahirkan rasa kesal terhadap antah-tanggapan pengamal-pengamal adat di luak itu, jurucakap mereka, Raja Mohd Yusof Raja Othman mengulangi tuntutan mereka adalah bertepatan dengan adat yang bersendikan hukum (syarak).

Menurutnya, perkara pokok yang ditimbulkan oleh pihaknya adalah berhubung usaha untuk mendapatkan semula hak warisan atau pesaka' asas' mereka bagi memerintah sebagai Raja di Luak Tampin yang telah disalahberikan kepada keturunan Syed Abdul Hamid Syed Shaaban oleh penjajah Inggeris.

## Cucu

"Berdasarkan adat yang bersendikan hukum (syarak) dan hukum bersendikan Kitabullah (al-Quran), yang berhak mewarisi pesaka Diraja Almarhum Yam Tuan Raja Ali ialah keturunan baka (lelaki) dan bukannya saka (perempuan).

"Persoalan pokoknya sekarang ialah kenapa hak untuk memerintah di Luak Tampin disandang oleh keturunan Syed Shaaban, sedangkan Syed Abdul Hamid adalah cucu daripada anak perempuan Almarhum Yam Tuan Raja Ali," jelas Raja Mohd Yusof.

Beliau juga mempertikaikan gelaran Diraja 'Tunku' di pangkal nama Syed Abdul Hamid, yang menurutnya diambil sempena nama gelaran ibunya (Syed Abdul Hamid) iaitu Tunku Lebar.

Beliau mendakwa penyelewengan dilakukan oleh golongan tertentu yang ingin menjaga kepentingan sendiri sehingga hak untuk memerintah di Luak Tampin terlepas ke tangan orang lain.

Tanpa menamakan golongan berkenaan, beliau berkata pihaknya dijadikan mangsa 'sehingga menyebabkan kami kehilangan hak untuk memerintah sebagai Raja di Luak Tampin'.

## Jujur

"Hasrat kami untuk berdialog dengan pengamal-pengamal adat berkenaan adalah jujur dan ikhlas. Kami tidak sama sekali berhajat untuk memerangkap mereka dalam usaha mendapatkan semula hak kami bagi memerintah sebagai Raja di Luak Tampin.

"Sebaliknya, kami menganggap keengganan mereka untuk bersemuka dengan kami sebagai tidak berani menghadapi kebenaran kerana ia mungkin boleh menggugat kepentingan peribadi mereka," tambahnya.

2 . 5 . 87

# Keturunan Yam Tuan Raja Ali masih tunggu...

SEREMBAN, Jumaat — Keturunan baka Yam Tuan Raja Ali Rembau-Tampin kesal kerana Dewan Keadilan dan Undang Negeri Sembilan sehingga ini masih belum mengeluarkan sebarang kenyataan rasmi berhubung isu tuntutan mereka baru-baru ini.

Keturunan itu menuntut untuk mendapatkan semula hak kedaulatan dan kebesaran bagi memerintah sebagai Raja di Luak Tampin, yang mereka dakwa diaalahberikan kepada keturunan Syed Shaaban semasa zaman penjajahan dahulu.

Jurucakap mereka, Raja Mohd Yusof Raja Othman, berkata pihaknya meminta dewan segera mengeluarkan kenyataan rasmi mengenai tuntutan mereka, yang telah dibuat secara rasmi sejak tahun 1946.

Beliau mengulangi bahawa tuntutan pihaknya tidak bercanggah dengan sebarang undang-undang yang berkuatkuasa di negara ini termasuk Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Negeri Sembilan serta Rukunegara.

"Antara lain Rukunegara menjamin kedaulatan undang-undang yang bertujuan mewujudkan keadilan di kalangan masyarakat kita. Tetapi nampaknya kami sekarang seolah-olah tidak diberi peluang langsung untuk menuntut keadilan.

"Persoalan yang ingin kami timbulkan di sini ialah bahawa kenapa hak kebesaran untuk memerintah di Luak Tampin diserahkan kepada keturunan Syed Shaaban sedangkan mereka tidak terbabit langsung dalam sebarang perjanjian yang ditandatangani di antara keturunan kami dengan pihak Belanda dan Inggeris dahulu.

1987

# Baka Yam Tuan Raja Ali enggan terima keputusan

SEREMBAN, Isnin — Keturunan Baka Yam Tuan Raja Ali Rembau-Tampin tidak dapat menerima keputusan Dewan Keadilan dan Undang Negeri Sembilan mengenai isu tuntutan mereka serta menganggapnya sebagai keputusan yang mengelirukan.

Jurucakap mereka, Raja Mohd Yusof Raja Othman, berkata pihaknya tidak pernah menuntut gelaran atau pesaka Tunku Besar Tampin seperti yang digambarkan oleh kenyataan dewan mengenai perkara itu.

Dewan dalam kenyataannya Jumaat lalu menolak tuntutan itu sambil menegaskan ia tidak timbul lagi dan sudah lama selesai.

"Kami tidak sekali-kali menuntut gelaran Tunku Besar Tampin, apatah lagi pesakanya. Dengan itu, penjelasan dewan khususnya menyentuh Fasal 14 (2) Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan 1959 tidak timbul sama sekali dalam membincangkan soal tuntutan kami ini.

"Yang kami tuntut ialah hak kedaulatan warisan atau pesaka asasl Almarhum Yam Tuan Raja Ali, yang berasaskan perjanjian bertarikh 20 Januari 1832 dan 9 Januari 1833. Hak ini sudah disalah beri kepada keturunan Syed Shaaban oleh pihak Inggeris dahulu.

"Kewujudan gelaran Tunku Besar Tampin adalah ciptaan penjajah Inggeris, Gabenor Sir Frederick Weld dengan berasaskan hak warisan keturunan kami dan ini adalah pencabulan," katanya Raja Mohd Yusof dalam kenyataan kepada Berita Harian di sini, hari ini.

Menurut beliau, pihaknya mempunyai bukti sahih bahawa hak memerintah sebagai Raja di Luak Tampin adalah hak keturunan mereka dan bukannya hak keturunan Syed Shaaban.

Beliau juga mengulangi dakwaan bahawa Syed Shaaban pernah dipenjara selama enam bulan di Melaka oleh pihak Inggeris.

Raja Mohd Yusof berkata, pihaknya akan terus membuat tuntutan mengikut saluran tertentu kerana "maruah kami telah dicabul".

"Dengan itu dewan hendaklah menerima hakikat bahawa tuntutan kami ini adalah satu perkara yang perlu diberi perhatian wajar dan seterusnya membuat satu keputusan yang adil dan saksama.

"Sesungguhnya, kami tidak mahu wujud sebarang ketegangan di antara keturunan kami dengan keturunan Syed Abdul Hamid Syed Shaaban dalam usaha untuk mempertahankan maruah kami," katanya.

29 . 7 . 87

# Dewan Keadilan tidak akan layan tuntuntan baka Yam Tuan Raja Ali

SEREMBAN, Selasa — Dewan Keadilan dan Undang Negeri Sembilan tidak akan melayan tuntutan keturunan baka Yam Tuan Raja Ali Rembau-Tampin untuk mendapatkan semula hak kedaulatan bagi memerintah sebagai Raja di Luak Tampin.

Mesyuarat dewan Khamis lalu memutuskan bahawa soal tuntutan itu sudah 'selesai' dan dengan itu sebarang surat mengenainya yang dikemukakan oleh keturunan berkenaan kepada dewan tidak akan dilayan.

Satu sumber tertinggi adat berkata dewan berpendapat isu itu tidak wajar ditimbulkan oleh keturunan berkenaan kerana ia bercanggah dengan Perlembagaan Negeri Sembilan.

Tuntutan itu membabitkan empat adik-beradik lelaki keturunan Raja Othman. Jurucakap mereka, Raja Mohd Yusof mendakwa bahawa hak mereka untuk memerintah sebagai Raja di Luak Tampin disalahberikan kepada keturunan Syed Shaaban semasa zaman penjajahan dahulu.

## Keputusan

"Mesyuarat dewan Khamis lalu menyifatkan soal hak kedaulatan dan kuasa memerintah di Luak Tampin yang diberikan kepada keturunan Syed Shaaban sebagai muktamad serta tidak boleh diungkit lagi.

Menurut sumber itu, keputusan yang dibuat oleh dewan Khamis lalu adalah muktamad dan ia tidak boleh dipertikaikan oleh mana-mana pihak termasuk keturunan berkenaan.

Sementara itu, Raja Mohd Yusof ketika dihubungi berkata pihaknya akan terus memperjuangkan tuntutan berkenaan kerana 'kami sanggup menanggung segala risikonya'.

"Kami mempunyai segala bukti sahih untuk mempertikaikan bahawa gelaran Tunku Besar Tampin yang diberikan kepada keturunan Syed Shaaban adalah berasaskan kepada hak kedaulatan serta pesaka asasl keturunan Almarhum Yam Tuan Raja Ali.'

29 . 8 . 87

# Dewan Keadilan tolak permohonan Baka Yam Tuan Raja Ali

SEREMBAN, Jumaat — Dewan Keadilan dan Undang Negeri Sembilan menolak permohonan Keturunan Baka Yam Tuan Raja Ali Rembau-Tampin untuk mendapatkan hak kebesaran bagi memerintah sebagai Raja di Luak Tampin.

Setiausaha dewan, Haji Abdul Hamid Lasim, berkata hari ini keputusan itu dibuat di dalam mesyuarat dewan pada 23 Julai lalu, yang dipengerusikan oleh Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan selaku pengerusi dewan.

"Dewan, yang sudah bermesyuarat pada 23 Julai, 1987 di Istana Besar, Seri Menanti memutuskan bahawa isu ini tidak timbul lagi dan telah selesai," katanya dalam satu kenyataan di sini.

Beliau berkata, dewan memutuskan bahawa kedudukan Tunku Syed Idrus Tunku Syed Mohammad selaku Tunku Besar Tampin adalah jelas mengikut Fasal 14 (2) Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan 1959, yang berbunyi:

"Pesaka Tunku Besar Tampin hendaklah turun-temurun daripada putera yang sulung di antara putera-putera yang di dalam nikah keturunan Tengku Syed Abdul Hamid bin Tengku Syed Shaaban daripada sebelah pihak lelaki.

"Tetapi jika ganti Tunku Besar itu masih berumur bawah daripada 18 tahun mengikut tahun masihi, maka pesaka itu hendaklah digantung dahulu sehingga ganti Tunku Besar itu berumur 18 tahun.

"Dengan termaktubnya Perlembagaan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan 1959, khasnya Fasal 14 (2) di atas, pesaka Tunku Besar Tampin itu adalah dipastikan daripada keturunan Tengku Syed Abdul Hamid bin Tengku Syed Shaaban."

Keturunan Baka berkenaan mengemukakan tuntutan mereka yang berasakan kepada perjanjian bertarikh 20 Januari 1832.

Jurucakap mereka, Raja Mohd Yusof Raja Othman di dalam tuntutan itu mendakwa bahawa hak kebesaran mereka untuk memerintah sebagai Raja di Luak Tampin sudah "disalah berikan" kepada keturunan Syed Shaaban semasa penjajahan Inggeris dahulu.

Menurut beliau, pihaknya sudah mengemukakan tuntutan itu secara rasmi sejak tahun 1946, tanpa mendapat layanan sewajarnya daripada pihak berkuasa khususnya dewan sendiri.

# Dakwa Keturunan Yam Tuan Rembau-Tampin

# WARIS RAJA TUNTUT HAK

OLEH: HASHIM ANANG

**SEMENYIH:** SEORANG pesara tentera, Raja Mohd Yusof Raja Othman mendakwa beliau adalah waris yang sah dari keturunan Raja Ali iaitu Yam Tuan Rembau - Tampin Negeri Sembilan. Bagaimanapun menurut dakwaannya, haknya sebagai pewaris yang dituntut sehingga sekarang masih belum diselesaikan.

"Saya berhak menuntutnya kerana saya mempunyai bukti yang kuat sebagai pewaris," tegas beliau.

Beliau juga memberitahu tuntutan yang dikemukan bukanlah ingin memegang gelaran Tunku Besar Tampin tetapi untuk menuntut harta pusaka asasi Almarhum Yam Tuan Raja Ali.

"Saya boleh berdebat dengan sesiapa sahaja mengenai kesahihan keturunan dan juga menyentuh tuntutan saya," tegasnya berkali-kali.



*"Saya ada bukti."*

## Raja Mohd Yusof dakwa waris sah Yam Tuan Raja Ali

# MANGSA TUNTUT HAK

SEMENYIH: Raja Mohd. Yusof Bin Raja Othman melahirkan rasa terkilannya kerana menurutnya tuntutan terhadap apa yang dikatakan haknya telah diputarbelitkan.

Raja Mohd. Yusof mendakwa bahawa dia adalah waris yang sah dari keturunan Raja Ali (Yam Tuan Rembau - Tampin Negeri Sembilan (memerintah sekitar 1833-1850).

"Apa yang sangat saya dukacitakan ialah tuntutan saya terhadap hak yang sepatutnya kami miliki telah dipesongkan dan sebaliknya saya dituduh ingin merebut kuasa dan kedudukan," jelas Raja Mohd. Yusof, seorang pesara tentera.



*Menunjukkan salasilah keluarganya.*

Raja Mohd.Yusof yang ditemui di rumahnya di Kampung Sentosa, Semenyih menjelaskan bahawa dia dan tiga adik beradik lelakinya yang merupakan waris sebenar Yam Tuan Raja Ali tidak pernah mempersoalkan atau menuntut gelaran atau pusaka Tunku Besar Tampin, seperti yang digambarkan oleh Dewan Keadilan dan Undang Negeri Sembilan yang pernah dibuat sekitar tahun 1987.

"Kami tidak sesekali menuntut gelaran Tunku Besar Tampin sebaliknya apa yang kami tuntut ialah hak kedaulatan warisan atau pesaka asasi Almarhum Yam Tuan Raja Ali yang berasaskan perjanjian bertarikh 20 Januari 1832 dan 1833. Nampaknya di sini ada usaha untuk menggagalkan tuntutan kami dengan mengaitkan tuntutan itu dengan pelbagai alasan dan dakwaan kononnya kami inginkan sesuatu kedudukan itu," ujarnya.

Menurutnya apa yang ingin ditekankan ialah agar masyarakat kini dan generasi akan datang tidak tertipu dengan sejarah yang tidak betul.

### WARIS

"Apa salahnya kita mengakui sejarah yang sebenarnya. Kami mempunyai bukti bahawa saya dan keluarga saya adalah waris sah Yam Tuan Raja Ali. Saya sanggup menanggung risiko dari kenyataan ini dan sedia berdebat dengan sesiapa sahaja mengenai kebenaran tuntutan saya ini," tambahnya.

Dia mendakwa mempunyai pelbagai bukti termasuklah catatan sejarah daripada buku-buku sejarah dan surat perjanjian asal yang diwarisinya.

Raja Mohd.Yusof yang dilahirkan pada 4 April 1937 mendakwa bahawa dia adalah keturunan keenam selepas Raja Ali (Yam Tuan Rembau-Tampin 1812-1850), Tengku Ujang (bergelar Tengku Besar 1825-1831), Tengku Sulong (1825-1866), Tengku Hussein (1845-1910), Tengku Jaafar (1867-1942) dan Raja Othman (1900-1966). Tiga saudara lelaki Raja Mohd.Yusof ialah Raja Arif, Raja Ahzan dan Raja Abd.Hamid. Dia juga mendakwa bahawa salasilah itu adalah yang asal.

"Sebelum ini saya telah beberapa kali menyuarakan rasa tidak puas hati mengenai hak kami yang tidak dikembalikan seperti yang sepatutnya. Namun segala usaha itu nampaknya sia-sia. Rayuan dan penjelasan menerusi

**OLEH: HASHIM ANANG**



*Antara surat-surat pihak atasan untuk Raja Mohd Yusuf berhubung dengan tuntutan tersebut.*

surat-surat rasmi kepada pihak-pihak tertentu termasuk Dewan Keadilan Negeri Sembilan, dan bekas Menteri Besar dan beberapa pihak lain menemui jalan buntu. Bagaimanapun saya tetap mempertahankan maruah dan ingin menuntut hak kami dipulangkan. Sekali lagi saya jelaskan bahawa saya sedar apa yang saya katakan ini boleh menimbulkan berbagai risiko dan saya sudah bersedia untuk menerimanya.

Saya anggap ini satu perjuangan dan saya tidak akan berundur walaupun tidak mendapat kemenangan," tegasnya sambil menunjukkan beberapa surat jawapan yang diterimanya dari pihak-pihak tersebut berhubung dengan isu tuntutan itu.

"Saya juga telah beberapa kali mengajak pihak-pihak tersebut berdialog, tetapi mereka enggan. Saya anggap bahawa keturunan kami telah menjadi mangsa dari kekeliruan," jelasnya.

"Selama ini saya hanya menimbulkan rasa tidak puas hati dan cuma ingin menuntut hak.

Tapi nampaknya isu ini telah 'ditenggelamkan' semata-mata kerana ianya boleh menguggat golongan tertentu," ujarnya tanpa menyebut 'golongan' yang dimaksudkan itu.

Dia mendakwa bahawa tuntutannya itu adalah selari dengan semangat seperti yang terkandung dalam fasal 71 Perlembagaan Persekutuan dan Fasal XIV Perlembagaan Negeri Sembilan.



# Tuntutan hak bukan kerana kecewa -*Raja Mohd. Yusof*

**Raja Mohd.Yusof Raja Othman** yang mendakwa sebagai waris sahih dan keturunan keenam Yam Tuan Raja Ali mengakui bahawa apa yang dituntutnya sejak lebih 10 tahun lalu adalah atas desakan dari hati yang ikhlas dan bukan didorong perasaan kecewa.

"Ikhlas dan terus terang saya katakan bahawa bukanlah hasrat saya untuk menggemparkan atau menggugat kedudukan pihak tertentu. Namun apa yang saya perjuangkan selama ini ialah agar sejarah tidak dipesongkan dan orang tidak tertipu. Untuk menjamin sesuatu sejarah itu dihormati oleh generasi akan datang, perlu kita betulkan mana yang silap," jelasnya.

Dia mendakwa dan mengakui bahawa kesan dari kenyataan dan dakwaannya ini memang ada pihak yang kurang senang dan rasa 'terancam' kedudukan mereka. Tapi segala yang dilakukan ini semata-mata mencari kebenaran.

"Apa yang saya harapkan dari mula ialah pihak yang berkenaan akan tampil dan mengajak saya berbincang. Tapi ini nampaknya tidak terjadi dan saya tidak diberi peluang langsung untuk mendedahkan bukti-bukti yang saya ada. Ini membuatkan saya terkilan," tegasnya.

Raja Mohd.Yusof tidak menyalahkan sesiapa dalam hal ini, dan mengakui bahawa segala kekeliruan yang timbul ini mungkin telah diputarbelitkan oleh pihak penjajah British untuk kepentingan mereka.

Raja Mohd.Yusof yang baru beberapa tahun menamatkan khidmat selama 21 tahun dalam pasukan tentera menjelaskan bahawa dia telah mula sedar tentang warisan dan keturunan sebenarnya bila dia mendesak Allahyarham bapanya Raja Othman Bin Tengku Jaafar menerangkan salasilah sebenar keluarga mereka.

"Bagaimanapun waktu itu saya masih menumpukan sepenuh perhatian saya terhadap tentera. Lagipun waktu itu saya tidak mahu dituduh terlalu mengikut darah muda. Jadi tuntutan hak ini saya diamkan sahaja. Bagaimanapun sepanjang masa itu saya menghantar beberapa pucuk surat kepada pihak yang tertentu dan saya serta abang-abang saya pernah berbincang dengan Datuk Abd.Samad Idris ketika beliau menjadi Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan, pada November 1978," ujarnya.

Bagimanapun menurutnya dia tidak kecewa walaupun usahanya selama ini masih belum berjaya. Namun dia puas hati kerana beberapa tegurannya telah diterima oleh pihak yang berkenaan. Antaranya termasuklah isu penamaan sebatang jalan di Seremban yang menggunakan nama Raja Muda Ali yang kemudiannya dibetulkan menjadi Raja Ali selepas pihak Majlis Perbandaran Seremban merujuk aduan yang dibuatnya.

"Saya sangat berharap agar saya diberi peluang untuk membuktikan semua dakwaan ini kerana inilah rasanya 'langkah terakhir' saya mampu lakukan,", tegasnya.